



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA  
2013-2025



# LAPORAN TAHUNAN 2023





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA  
2013-2025**

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2023**

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Unit Pengurusan Penyampaian PPPM (DMU)**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Laporan Tahunan 2023

Ogos 2024

ISSN: 0128-0295

**Diterbitkan oleh:**

Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Parcel E, Presint 1

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604, Putrajaya, Malaysia

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)



# KANDUNGAN

## PRAKATA

<b>Menteri Pendidikan</b>	<b>2</b>
<b>Ketua Setiausaha</b>	<b>4</b>
<b>Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia</b>	<b>6</b>

## BAB 01 MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN

1.1 Peningkatan Akses daripada Prasekolah hingga Menengah Atas	9
1.2 Peningkatan Kualiti Prasekolah	17
1.3 Pembangunan Program Pendidikan Pintar Cerdas	20
1.4 Peningkatan Kualiti Pendidikan Vokasional	32
1.5 Penambahan Bilangan SMKA dan Peningkatan Pendaftaran SABK	39

## BAB 02 MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

2.1 Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN)	43
2.2 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu	49
2.3 Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris	59
2.4 Pengajaran Bahasa Tambahan di Sekolah Menengah	65
2.5 Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad ke-21	71
2.6 Pengukuhan Pendidikan STEM	79
2.7 Transformasi IPG untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru	87
2.8 Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	91
2.9 Pemerksaan IAB bagi Peningkatan Kualiti Pembangunan Kepimpinan Pendidikan	98
2.10 Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta dalam Pendidikan	101

## BAB 03 MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

3.1 Pelaksanaan Program Transformasi Daerah	104
3.2 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi	111
3.3 Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas	120

## BAB 04 MEMBANGUNKAN KARAKTER DAN MEMUPUK PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

4.1 Pengukuhan Perpaduan di Sekolah	129
4.2 Pembangunan Potensi dan Karakter Murid	136

## BAB 05 MEMANTAPKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

5.1 Penyediaan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah	145
5.2 Pelaksanaan Transformasi ICT dan Peningkatan Pengurusan Data KPM	149
5.3 Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM	152
5.4 Pengoptimuman Perbelanjaan Berasaskan Keberhasilan Program	156

## BAB 06 MENGHARUNGI GELOMBANG AKHIR PPPM 2013-2025

Retrospektif PPPM 2013-2025	159
Pejabat Pengurusan Penyampaian: Dulu dan Kini	162
Melangkah ke Hadapan	163

## GLOSARI

165

# PRAKATA

**YB FADHLINA SIDEK**  
Menteri Pendidikan

Assalamualaikum dan salam sejahtera,  
Salam Malaysia MADANI.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita telah melalui 11 tahun usaha pemerkasaan sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Penekanan kepada kualiti pendidikan untuk semua – telah menjadi fokus utama KPM. Pembinaan otak dan watak merupakan tunjang kepada segala aktiviti yang dilaksanakan dalam menerajui pendidikan di Malaysia yang holistik.

Tahun 2023 telah menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan dalam pelbagai aspek sistem pendidikan. KPM telah berjaya meningkatkan akses pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke menengah atas. Antaranya ialah peluasan 119 buah kelas prasekolah KPM dan pemberian bantuan yuran prasekolah swasta secara *one-off*. Peningkatan enrolmen pada peringkat menengah atas dan aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga telah menunjukkan kejayaan dalam kesaksamaan peluang pendidikan di mana tiada murid dipinggirkan.

Seperti kata Al-Ghazali, "Pendidikan ialah proses memanusiakan manusia sejak masa kejadiannya sampai akhir hayatnya melalui pelbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap." Sejarar dengan pandangan ini, kita telah memberi tumpuan khusus kepada peningkatan kualiti pendidikan terutama Inisiatif Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang merangkumi bengkel pemugaran KBAT dan pembinaan item pentaksiran setaraf antarabangsa. Hasilnya, peningkatan dalam pencapaian murid dalam Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) 2023 untuk literasi Sainifik, Matematik, Bacaan dan Kewangan.

**Pendidikan  
ialah proses  
memanusiakan  
manusia  
sejak masa  
kejadiannya  
sampai akhir  
hayatnya**



Dari segi ekuiti, KPM komited untuk mengurangkan kadar keciciran murid di sekolah menengah melalui Program *Outreach* Murid Cicir dan pembangunan Sistem Pengesanan Murid. Usaha ini penting untuk memastikan setiap anak mendapat peluang pendidikan yang saksama, tanpa mengira latar belakang mereka.

Aspek perpaduan terus menjadi teras dalam sistem pendidikan. Saya percaya bahawa pendidikan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan nilai-nilai perpaduan diterapkan dalam kurikulum dan aktiviti sekolah agar watak dan budi generasi MADANI terserlah.

Dari sudut kecekapan, KPM melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pendidikan. Hal ini termasuklah penambahbaikan sistem pengurusan dan pelaksanaan langkah-langkah kos efektif untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum.

Walaupun KPM telah mencapai banyak kemajuan, saya sedar bahawa masih terdapat cabaran yang perlu ditangani. KPM sentiasa komited untuk terus berusaha mengatasi halangan ini demi masa depan pendidikan negara yang lebih cemerlang. Seperti kata Ibnu Khaldun, "Pendidikan merupakan alat untuk membebaskan manusia daripada belenggu kejahilan dan kebodohan." Oleh itu, visi kita untuk masa depan pendidikan Malaysia adalah untuk melahirkan generasi MADANI yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga seimbang dari segi sahsiah dan kemahiran. Kita mahu melahirkan insan yang mampu menghadapi cabaran abad 21 dengan penuh keyakinan dan integriti.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak berkepentingan seperti pendidik, ibu bapa, komuniti, dan pihak swasta untuk terus menyokong dan melibatkan diri dalam usaha murni ini. Kesepakatan dan kerjasama semua pihak berkepentingan akan memastikan transformasi pendidikan berada pada landasan yang betul dan kita dapat merealisasikan PPPM seperti yang kita hasratkan dalam masa dua tahun akan datang.





# PRAKATA

## DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha gigih dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sepanjang tahun 2023. Laporan tahunan ini merupakan manifestasi komitmen KPM dalam memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan negara.

Dari segi pentadbiran dan pelaksanaan dasar, kita telah melaksanakan beberapa inisiatif penting, antaranya Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas yang telah dibangunkan dan membuka lembaran baharu kepada KPM dalam pembangunan dan pendidikan bakat STEM negara bagi golongan kanak-kanak yang telah dikenal pasti sebagai pintar dan berbakat.

Dalam usaha meningkatkan kecekapan mengurus, KPM komited memperuntukkan sumber bagi program seperti peluasan

119 buah kelas prasekolah KPM. Bantuan yuran prasekolah swasta secara one-off pada tahun 2023 pula telah membantu meringankan beban kewangan 1492 keluarga daripada 449 buah tadika swasta. KPM juga kekal meneruskan projek menaik taraf 47 bangunan daif di sekolah dan membaik pulih tandas sekolah.

KPM telah mengoptimumkan penggunaan bajet dengan memberi tumpuan peluasan akses seperti prasekolah, peningkatan pendidikan vokasional, dan program pendidikan pintar cerdas. Langkah kos efektif telah dilaksanakan,



**KPM juga kekal meneruskan projek menaik taraf 47 bangunan daif di sekolah dan membaik pulih tandas sekolah**

termasuk kerjasama dengan sektor swasta untuk meluaskan akses prasekolah kepada anak-anak Malaysia kohort umur 4+ dan 5+ tahun.

Perkongsian strategik terus menjadi teras dalam semua usaha di KPM. Program Jelajah Pendidikan Swasta telah membolehkan KPM bekerjasama rapat dengan sektor swasta dalam pendidikan prasekolah. Dalam pendidikan vokasional, KPM telah meningkatkan bilangan kerjasama strategik dan mengintegrasikan elemen IR 4.0 ke dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) melalui kerjasama industri. Selain itu, penambahbaikan kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperkukuh kerjasama antara kerajaan persekutuan dan pihak berkuasa agama negeri.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kejayaan yang kita capai merupakan hasil usaha gigih dan kerjasama erat semua pihak. Marilah terus berganding bahu untuk memastikan sistem pendidikan negara kita terus cemerlang dan mampu melahirkan generasi masa depan yang berkualiti.





# PRAKATA

## HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara sepanjang tahun 2023. Laporan tahunan ini merupakan bukti komitmen KPM dalam merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Tahun 2023 menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan dalam peningkatan akses dan kualiti pendidikan. Enrolmen prasekolah telah meningkat kepada 90.10 peratus bagi kanak-kanak berumur 5+ tahun dan 77.00 peratus bagi yang berumur 4+ tahun. Peringkat menengah atas juga telah menunjukkan peningkatan kepada 91.65 peratus. Dengan usaha semua pihak berkepentingan, enrolmen TVET juga telah meningkat kepada 10.51 peratus dengan kebolehpasaran graduan Kolej Vokasional mencapai tahap tertinggi iaitu 99.38 peratus. Program Outreach Murid Cicir dan Sistem Pengesanan Murid yang dilaksanakan juga telah membantu mengurangkan kadar keciciran di sekolah menengah.

Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga terus diperkasakan, dengan 98.65 peratus guru mencapai tahap baik dan cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT. Di samping itu, pembangunan Modul Interaktif Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) 2023 juga telah menyokong usaha untuk meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan aras tinggi berasaskan komputer setanding dengan pentaksiran antarabangsa.



Program Literasi dan Numerasi (PLaN) telah menunjukkan kemajuan yang ketara, dengan pengurangan jumlah sekolah berprestasi rendah sebanyak 68.2 peratus dan sekolah berprestasi sederhana sebanyak 22.1 peratus. Pelaksanaan Pelan Operasi 2023 merangkumi latihan melalui PdP MoLIB untuk guru Bahasa Melayu dan Matematik, dan PdP Scheme of Work (SOW) untuk guru Bahasa Inggeris.

Dalam meraikan kepelbagaian dari aspek ekuiti dan inklusiviti, KPM amat berbangga dengan pencapaian murid dalam pelbagai pertandingan STEM pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk murid Akademi Sains Pendang dalam Program Pendidikan Pintar Cerdas yang baharu memasuki tiga tahun pengoperasiannya. Hal ini membuktikan keberkesanan kurikulum Pendidikan Pintar Cerdas yang telah dibangunkan. Di samping itu, peningkatan enrolmen Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) kepada 89.89 peratus juga menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi KPM dalam memastikan pendidikan berkualiti adalah untuk semua murid.

Tahun 2023 juga telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) apabila 93.50 peratus murid layak mendapat sijil. Jurang pencapaian antara jantina dan status sosioekonomi juga telah merapat. Walau bagaimanapun segala usaha perlu diteruskan dan dilipatgandakan bagi memastikan jurang antara bandar dan luar bandar akan berkurangan.


Segala pencapaian ini merupakan hasil usaha gigih dan dedikasi semua warga pendidik, pentadbir, ibu bapa, komuniti, dan pihak berkepentingan. Dengan perjalanan transformasi pendidikan masih berbaki dua tahun, marilah kita terus berusaha dan bekerjasama untuk memastikan sistem pendidikan negara terus cemerlang dan mampu melahirkan generasi MADANI yang berkualiti, berdaya saing, dan berakhlak mulia.





# BAB 01

**MENINGKATKAN AKSES KEPADA  
PENDIDIKAN**



# 1.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS

Akses ialah salah satu daripada aspirasi sistem pendidikan yang ingin dicapai dalam PPPM 2013-2025. Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing tanpa mengira taraf ekonomi, etnik, latar belakang atau lokasi mereka berada. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan kadar akses sejagat tercapai dalam kalangan kanak-kanak daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas (Tingkatan 5). Komitmen ini termasuklah memastikan semua murid berpeluang mendapat pendidikan di sekolah dan kanak-kanak yang tidak bersekolah didekati secara proaktif. KPM sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan enrolmen murid daripada prasekolah hingga menengah atas dan mengurangkan kadar keciciran murid untuk mencapai enrolmen sejagat iaitu 95 peratus.

Pada tahun 2023, inisiatif ini berfokus kepada:

## 1.1.1 PENINGKATAN ENROLMEN MURID PRASEKOLAH AWAM DAN SWASTA BERUMUR 4+ DAN 5+ TAHUN

- ✎ Peluasan 119 Buah Kelas Prasekolah KPM
- ✎ Kutipan dan Penyelarasan Data Tadika Swasta
- ✎ Pelaksanaan Jelajah Pendidikan Swasta
- ✎ Pemberian Bantuan Yuran Prasekolah Swasta Secara One-off Tahun 2023

## 1.1.2 PENINGKATAN PERATUS ENROLMEN MENENGAH ATAS (AWAM, SWASTA DAN VOKASIONAL)

## 1.1.3 PENINGKATAN PERATUS ENROLMEN 15+ TAHUN DALAM ALIRAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

## 1.1.4 PENGURANGAN KADAR KECICIRAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH


- ✎ Program Outreach Murid Cicir
- ✎ Pembangunan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiKPM)

**KPM sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan enrolmen murid daripada prasekolah hingga menengah atas dan mengurangkan kadar keciciran murid untuk mencapai enrolmen sejagat iaitu 95 peratus**

## 1.1.1 Peningkatan Enrolmen Murid Prasekolah Awam dan Swasta Berumur 4+ dan 5+ Tahun

Secara keseluruhan, enrolmen murid prasekolah untuk kanak-kanak berumur 5+ tahun telah menunjukkan trend peningkatan daripada 83.65 peratus pada tahun 2021 kepada 90.67 peratus pada tahun 2023. Bagi kohort umur 4+ tahun pula, peratus enrolmen murid telah meningkat daripada 68.45 peratus pada tahun 2021 kepada 77.95 peratus pada tahun 2023.

Eksibit 1.1: Peningkatan Enrolmen Murid Prasekolah



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian


Sepanjang tahun 2023, KPM telah berusaha meningkatkan enrolmen murid prasekolah awam dan swasta melalui aktiviti yang berikut:

- i. Peluasan 119 kelas prasekolah KPM;
- ii. Kutipan dan penyelarasan data tadika swasta;
- iii. Jelajah pendidikan swasta; dan
- iv. Bantuan yuran prasekolah swasta secara *one-off* bagi tahun 2023

### Peluasan 119 Buah Kelas Prasekolah KPM

Peluasan ini membantu KPM meningkatkan bilangan penyertaan murid 4+ tahun dan 5+ tahun. Pada tahun 2023, sebanyak 119 buah kelas prasekolah KPM yang baharu telah beroperasi. Peluasan ini adalah berdasarkan keperluan masyarakat setempat dan bergantung kepada kapasiti sekolah serta peruntukan kewangan yang diturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi kerja ubah suai naik taraf bangunan kepada bilik darjah prasekolah mengikut brif yang ditetapkan.





Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

### Kutipan dan Penyelarasan Data Tadika Swasta

Aktiviti penyelarasan dan kutipan data enrolmen di tadika swasta/pusat perkembangan minda yang mempunyai enrolmen rendah iaitu sifar hingga 10 orang murid telah dilaksanakan. Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk memastikan penjaminan kualiti, keselamatan serta bantuan yuran prasekolah dapat disalurkan kepada institusi yang berdaftar. Pusat perkembangan minda yang tidak berdaftar turut dilawati dan enrolmen direkodkan. KPM juga memberikan panduan dan informasi kepada pengusaha Institusi Pendidikan Swasta (IPS) supaya mendaftarkan institusi mereka dengan KPM. Pegawai di JPN dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) membuat pemantauan untuk memastikan mereka berdaftar. Antara negeri yang dilawati adalah seperti yang berikut:

Eksibit 1.3: Senarai Daerah yang Terlibat dalam Kutipan Data Enrolmen Tadika Swasta Tahun 2023

Bil.	Negeri	Daerah
1.	Johor	Johor Bahru, Pasir Gudang, Batu Pahat, Kulai dan Muar
2.	Pulau Pinang	Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan
3.	Perak	Kinta Utara, Manjung dan Larut/ Matang/ Selama
4.	Kelantan	Kota Bahru
5.	Pahang	Kuantan
6.	Terengganu	Kuala Terengganu
7.	Kedah	Kubang Pasu dan Kuala Muda/ Yan
8.	Selangor	Petaling

Eksibit 1.4: Bilangan Murid Tadika Swasta Sebelum dan Selepas Kutipan Data

Kohort Umur		4+ Tahun		5+ Tahun	
Negeri	Bil. Institusi	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Johor	112	323	526	399	567
Pulau Pinang	86	139	730	236	912
Perak	76	146	328	239	365
Kelantan	4	17	81	14	77
Pahang	7	87	253	72	87
Terengganu	6	**	51	**	44
Selangor	1	**	8	**	14
Kedah	12	190	195	166	168
<b>Jumlah</b>		902	2,172	1,126	2,234
<b>Jumlah Penambahan</b>		<b>1,270</b>		<b>1,108</b>	

\*\*Nota:

Terengganu dan Selangor: Institusi Pendidikan Swasta tidak berdaftar, tiada data enrolmen sebelum lawatan

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## Pelaksanaan Jelajah Pendidikan Swasta

Pada tahun 2023, Program Jelajah Pendidikan Swasta telah diadakan di negeri Sabah, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Selangor bertujuan membuat hebahan maklumat berkaitan pendaftaran IPS kepada pengusaha IPS yang belum berdaftar dengan KPM.

Semasa Jelajah Pendidikan Swasta, pengusaha IPS mendapat maklumat berkaitan dasar, syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran IPS secara terus daripada agensi seperti Jabatan Bomba, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) semasa sesi dialog dan taklimat. Pengusaha IPS mendapat maklumat bahawa semua tadika yang beroperasi hanya boleh mendaftarkan murid berusia 4+ tahun dan 5+ tahun dan perlu melaporkan data enrolmen murid secara berkala dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK). Pengusaha IPS mendapat maklumat yang lebih jelas berkaitan peranan setiap agensi dalam proses penubuhan dan pendaftaran IPS melalui sesi dialog dengan rakan kerjasama strategik.

Selain memberikan maklumat kepada pengusaha IPS, program ini dapat merekodkan bilangan sebenar murid 4+ tahun dan 5+ tahun di tiga buah negeri tersebut melalui kutipan data manual seperti Eksibit 1.5.

Eksibit 1.5: Bilangan Sebenar Murid 4+ Tahun dan 5+ Tahun di Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Melalui Kutipan Data Manual

Kohort Umur	Bilangan Tadika yang Terlibat	Enrolmen			
		4+ tahun		5+ tahun	
Negeri		Sebelum Aktiviti	Selepas Aktiviti	Sebelum Aktiviti	Selepas Aktiviti
Sabah	206 berdaftar dan 5 tidak berdaftar dengan KPM	2,177	4,356	4,637	5,056
WP Kuala Lumpur	147 berdaftar dan 17 tidak berdaftar dengan KPM	3,275	3,733	3,644	4,121
Selangor	154 berdaftar dan 19 tidak berdaftar dengan KPM	2,222	2,649	2,524	2,768
<b>Jumlah</b>	548	7,674	10,738	10,805	11,945
<b>Jumlah Penambahan</b>		<b>3,064</b>		<b>1,140</b>	

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## Pemberian Bantuan Yuran Prasekolah Swasta Secara *One-off* Tahun 2023

Bantuan yuran ini bertujuan meringankan beban keluarga kanak-kanak daripada golongan B40 untuk meneruskan pendidikan di tadika swasta. Pada tahun 2023, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM 1,099,977 kepada 1,492 kanak-kanak daripada golongan B40 (miskin dan miskin tegar) untuk bantuan yuran yang melibatkan 449 tadika swasta.


Eksibit 1.6: Kaedah Pelaksanaan Pemberian Bantuan Yuran Prasekolah Swasta



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## 1.1.2 Peningkatan Peratus Enrolmen Menengah Atas

Eksibit 1.7: Peratus Enrolmen Menengah Atas bagi Tahun 2019-2023



Sumber: Bahagian Pendidikan Latihan dan Teknikal Vokasional


Eksibit 1.7 menunjukkan peratus enrolmen menengah atas (EMA) melibatkan awam, swasta dan vokasional telah meningkat secara konsisten mulai tahun 2021 hingga tahun 2023 iaitu 88.68 peratus pada tahun 2021 kepada 91.65 peratus pada tahun 2023. KPM telah mengadakan Bengkel Kerja Penyelarasan dan Verifikasi Data bersama-sama JPN mengikut zon bagi meningkatkan EMA. JPN juga melaksanakan bengkel dan taklimat khusus berkaitan EMA kepada pengurusan sekolah yang diuruskan oleh PPD. Seterusnya, PPD melaksanakan bimbingan dan sesi pembentangan bagi tujuan perkongsian amalan terbaik program yang dilaksanakan seperti Program Ziarah Cakna, Program Sarapan Pagi dan program pemberian insentif kepada murid hasil sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, syarikat dan individu.

## 1.1.3 Peningkatan Peratus Enrolmen 15+ Tahun dalam Aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Pelbagai usaha dilakukan untuk menarik minat murid menceburi program kemahiran yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan aliran kemahiran di sekolah menengah (SM) harian. Antara program dan aktiviti yang dijalankan ialah jerayawara KV dan SMT sepanjang Karnival MADANI, taklimat dan pameran di semua negeri serta penganjuran Hari Terbuka KV dan SMT. Karnival Agro MADANI juga telah diadakan untuk menarik minat murid dalam bidang pertanian. Karnival yang diadakan di KV Pasir Puteh, Kelantan telah menarik minat bukan sahaja pengunjung dari negeri Kelantan malahan dari negeri lain juga.

Sesi libat urus bersama-sama JPN diadakan untuk membincangkan dan mengenal pasti strategi memperluas permohonan ke Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) bagi meningkatkan enrolmen murid Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di sekolah menengah harian.

Eksibit 1.8: Enrolmen TVET dari Tahun 2019 - 2023



Sumber: Bahagian Pendidikan Latihan dan Teknikal Vokasional


Secara keseluruhan, enrolmen TVET meningkat paling banyak pada tahun 2023 iaitu daripada 6.66 peratus kepada 10.51 peratus. Data ini menunjukkan pencapaian tertinggi setakat ini.

Program peluasan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bersama-sama McDonalds juga telah menyumbang kepada pertambahan bilangan murid TVET. Sebanyak 862 murid mengikuti program SLDN/*Apprenticeship*, 17,180 murid Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (SVM), 290 murid mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di KV, 2,544 murid meneruskan pengajian di SMT dan 35 murid ialah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di KV. Selain itu, bilangan murid TVET di sekolah menengah harian melibatkan 4,766 murid di bawah program PVMA, 12,124 murid bagi MPV, 66 murid bagi PIMA dan 441 murid berada di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).

Selain institusi di bawah KPM, 726 murid berada di GIATMARA dan 491 murid mengikuti pengajian di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) juga diambil kira dalam pengiraan murid TVET.

### 1.1.4 Pengurangan Kadar Keciciran Murid di Sekolah Menengah

Eksibit 1.9: Peratus Murid Cicir Sekolah Menengah dari Tahun 2019 Sehingga 2023



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kadar keciciran murid sekolah menengah menunjukkan trend penurunan yang konsisten sejak tahun 2019. Pada tahun 2023, kadar keciciran murid menurun kepada 0.83 peratus daripada 1.14 pada tahun 2019. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengurangkan kadar keciciran murid. Antara program yang berjaya mengembalikan murid ke sekolah ialah:

#### Program *Outreach* Murid Cicir

Program *Outreach* Murid Cicir bertujuan untuk mengenal pasti murid cicir bagi melaksanakan intervensi agar mereka kembali semula ke sekolah. Pada tahun 2023, program ini telah berjaya mengembalikan seramai 1,269 murid sekolah rendah (SR) dan 2,006 murid sekolah menengah ke sekolah. Disamping itu, KPM turut telah melaksanakan sesi libat urus bersama-sama agensi kerajaan dan pertubuhan badan bukan kerajaan (Non-Governmental Organisation, NGO) untuk mendapatkan input dan kerjasama bagi menangani isu keciciran murid.

#### Pembangunan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM)

KPM turut mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem pengesanan murid secara dalaman mulai Julai 2023 dan dirintis pada tahun 2024. Sistem ini bertujuan untuk mengesan keberadaan kanak-kanak dalam umur persekolahan bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam sistem pendidikan negara dan merangka intervensi yang bersesuaian supaya murid kembali ke sistem persekolahan.



# MELANGKAH KE HADAPAN

KPM sentiasa mengorak langkah ke hadapan bagi memastikan semua kanak-kanak mendapat akses pendidikan mulai peringkat prasekolah hingga menengah atas. Pada tahun 2024, antara fokus KPM adalah seperti yang berikut:

## 1 Peningkatan Enrolmen Prasekolah

Bilangan prasekolah KPM akan diperluaskan dengan pembukaan sebanyak 129 buah kelas di seluruh negara

Penyelarasan dan kutipan data tadika swasta yang masih belum berdaftar (berfokus dan mengikut keperluan)

Karnival Pendidikan Swasta 2024 untuk memberikan informasi terkini kepada ibu bapa dan pengusaha IPS yang masih tidak berdaftar dengan KPM

Bantuan Yuran Prasekolah Swasta dan meneruskan aktiviti sokongan bantuan yuran kepada murid prasekolah swasta yang layak berdasarkan peruntukan kewangan yang diterima sebagai galakan kepada ibu bapa menghantar anak ke prasekolah seawal usia 4+ tahun.

## 2 Enrolmen Menengah Atas

Kutipan dan verifikasi data enrolmen murid menengah atas di sekolah awam dan swasta mengikut sasaran dan program intervensi berfokus mengikut negeri.

## 3 Pengurangan Kadar Keciciran Murid di Sekolah Menengah

Pelaksanaan rintis Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) dan Program *Outreach* Murid Cicir berterusan.

# KISAH INSPIRASI

Pada tahun 2023, JPN Pulau Pinang telah mengadakan Program Jerayawara: Jom Sekolah buat kali kedua sejak tahun 2022 pada Oktober 2023 bertempat di Pasaraya Mydin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Program melibatkan PPD seluruh negeri, guru dan murid dari sekolah menengah terpilih, dan agensi luar seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan GIATMARA, Pulau Pinang.

Program ini telah menarik minat dan menggalakkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta, serta memberi maklumat kepada ibu bapa atau penjaga berkaitan kepentingan menamatkan pendidikan menengah anak-anak mereka.

Negeri Pulau Pinang pernah mencatat kemerosotan enrolmen murid menengah atas pada tahun 2021 iaitu pada kadar 88.2% berbanding 93.32% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, hasil usaha yang berterusan dan tahap komitmen yang tinggi oleh JPN, PPD, para pentadbir dan guru sekolah di Pulau Pinang, kadar enrolmen murid menengah atas berjaya ditingkatkan untuk dua tahun berturut-turut iaitu 93.87% pada tahun 2022 dan 95.12% pada tahun 2023. Ringkasnya, negeri Pulau Pinang menjadi salah sebuah negeri yang paling banyak menyumbang kepada peningkatan enrolmen menengah atas bagi tahun 2023.



## 1.2 PENINGKATAN KUALITI PRASEKOLAH

Peningkatan kualiti prasekolah bertujuan untuk meningkatkan kualiti institusi prasekolah di Malaysia. Kualiti institusi prasekolah merangkumi aspek pengurusan, guru dan pembantu pengurusan murid. Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) tahun 2015 merupakan garis panduan yang diguna pakai bagi penetapan kualiti prasekolah Malaysia.

Antara usaha bagi memastikan institusi prasekolah mencapai tahap kualiti minimum adalah dengan melaksanakan kerjasama dengan pihak institusi pengajian tinggi awam, agensi awam dan swasta. Kerjasama ini melibatkan latihan guru dan pembantu pengurusan murid secara berkala.

Inisiatif ini berfokus kepada:

### 1.2.1 PENINGKATAN KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN

- ✎ Penarafan Kendiri SKPK 2.0
- ✎ Program Kunjung Bantu PK- SKPK 2.0

### 1.2.2 PENINGKATAN KUALITI GURU PRASEKOLAH AWAM DAN SWASTA

#### 1.2.1 Peningkatan Kualiti Prasekolah Kebangsaan

##### **Penarafan Kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (PK- SKPK) 2.0**

PK-SKPK dilaksanakan secara dalam talian kepada semua institusi yang menawarkan pendidikan prasekolah bagi mengetahui kualiti pendidikan prasekolah yang ditawarkan. Sebanyak lima (5) kualiti yang terkandung dalam SKPK 2.0 tersebut seperti yang berikut:

- dimensi Kualiti Guru dan Pembantu Guru (PG)/Pembantu Pengurusan Murid (PPM);
- dimensi Kualiti Tadbir Urus;
- dimensi Kualiti Kurikulum;
- dimensi Kualiti Pelibatan; dan
- dimensi Kualiti Kesihatan.

Semua agensi awam seperti KPM, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan swasta telah mencapai 100 peratus pengisian penarafan kendiri SKPK 2.0 bagi kalendar akademik 2023/2024.

## Program Kunjung Bantu PK-SKPK 2.0

Program ini telah dilaksanakan di 70 prasekolah yang berada di bawah skor 60 peratus di seluruh negara. Kunjung bantu tersebut bertujuan untuk membimbing dan meningkatkan kefahaman pentadbir sekolah, guru dan pembantu pengurusan murid tentang SKPK berdasarkan lima dimensi kualiti yang ditetapkan. Hasil daripada kunjung bantu tersebut, semua prasekolah melaksanakan penilaian sendiri dan usaha ini membantu KPM mengenal pasti standard kualiti prasekolah yang terlibat.

### 1.2.2 Peningkatan Kualiti Guru Prasekolah Awam dan Swasta

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan usul bahawa semua guru prasekolah perlu mempunyai kelayakan minimum DPAKK menjelang tahun 2025. Sehingga tahun 2023, 83.91 peratus guru prasekolah awam telah memiliki kelayakan akademik minimum diploma. Secara keseluruhannya, sebanyak 24,486 atau 54 peratus guru prasekolah awam dan swasta mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya DPAKK. Daripada jumlah tersebut, 18.78 peratus guru prasekolah daripada agensi swasta telah memiliki kelayakan akademik minimum diploma. Peratusan ini menunjukkan peningkatan kelayakan minimum akademik guru prasekolah.

**Sehingga tahun 2023,  
83.91 peratus guru  
prasekolah awam telah  
memiliki kelayakan  
akademik minimum  
diploma.**

#### Kelayakan Akademik Minimum Guru Prasekolah Awam dan Swasta yang Memiliki Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK)

Guru prasekolah awam merangkumi prasekolah dibawah kelolaan KPM, JPNIN dan KEMAS. Melihat kepada kepentingan dalam aspek tenaga pengajar di prasekolah, kualiti mereka turut dipertingkatkan dengan memastikan setiap guru prasekolah memiliki kelayakan minimum DPAKK. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2023, sebanyak 100 peratus guru prasekolah KPM telah memiliki kelayakan minimum diploma, diikuti JPNIN sebanyak 89.9 peratus dan KEMAS 62.76 peratus. Bagi prasekolah swasta pula, sebanyak 18.78 peratus telah memiliki kelayakan minimum diploma. Pada tahun 2024, KPM akan melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan peratus guru prasekolah awam dan swasta yang memiliki sekurang-kurangnya DPAKK.

Eksibit 1.10: Data Kelayakan Guru Prasekolah Awam dan Swasta

Kelayakan	AWAM			JUMLAH	Kelayakan	SWASTA
	KPM	PERPADUAN	KEMAS			
Minimum DPAKK	9,817	1,531	6,473	<b>16,436</b>	Minimum DPAKK	6,655
Tiada minimum DPAKK	0	173	3,841	<b>5,302</b>	Tiada minimum DPAKK	28,781
<b>Jumlah</b>	<b>9,817</b>	<b>1,704</b>	<b>10,314</b>	<b>21,738</b>	<b>Jumlah</b>	<b>35,436</b>

Peratusan Capaian

Awam **83.91%** Swasta **18.78%**

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

# MELANGKAH KE HADAPAN

Semua guru prasekolah awam dihasratkan untuk memiliki DPAKK menjelang 2025. Agensi awam dan swasta meneruskan usaha dalam memastikan setiap guru prasekolah memiliki kelayakan minimum diploma.

KPM dalam usaha mendapatkan persetujuan pengurusan tertinggi untuk mengiktiraf SKM dan Diploma Kemahiran Malaysia Pendidikan Awal Kanak-kanak setaraf DPAKK bagi tenaga pengajar di tadika-tadika swasta.

Pada tahun 2024, KPM akan melaksanakan latihan berkala untuk guru bukan opsyen prasekolah bagi menampung keperluan tenaga pengajar bagi prasekolah.

# 1.3 PEMBANGUNAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS

Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) yang telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya, merupakan usaha KPM untuk membangunkan murid pintar cerdas yang mempunyai tahap kecerdasan otak (Intelligence Quotient, IQ) pada skor melebihi 130 secara optimum khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM). Murid PPPC sehingga kini telah mendapat akses kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) khusus dan fleksibel daripada guru pakar melalui kesepaduan Program Pembelajaran Pecutan, Mampatan dan Pengayaan di peringkat nasional serta antarabangsa. Selain itu, PPPC juga memberi fokus kepada peningkatan profesionalisme guru yang terlibat melalui jaringan dan jalinan dengan agensi serta institusi pendidikan yang relevan untuk membimbing murid pintar cerdas ini.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif ini adalah untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas dan melaksanakan pelan operasi bagi memacu kecemerlangan institusi seperti yang berikut:

## 1.3.1 PEMBANGUNAN PELAN HALA TUJU PENDIDIKAN PINTAR CERDAS (PPC)

- ✎ Penyelarasan Pembangunan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas
- ✎ Makmal Pembangunan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas – Akademi Sains Pendang (ASP) sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pintar Cerdas KPM

## 1.3.2 PELAKSANAAN PELAN OPERASI TAHUN 2023

- ✎ Pembangunan Modul Asas 2 ASP
- ✎ Sesi Libat Urus di Zon Selatan
- ✎ Jalinan dan Jaringan Bersama-sama Universiti serta Agensi Luar
- ✎ Pembangunan Kurikulum *Project Work* Pintar Cerdas
- ✎ Latihan kepada Guru dan Bakal Guru ASP 2023
- ✎ Pembinaan Modul Kepimpinan dan Pengurusan PPC Peringkat Pertengahan
- ✎ Latihan Pengurusan dan Kepimpinan ASP

## 1.3.3 PELIBATAN DAN PENCAPAIAN MURID PC DALAM PERTANDINGAN PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA

## 1.3.1 Pembangunan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas (PPC)

Pembangunan Pelan Hala Tuju PPC telah dilaksanakan dengan mengadakan beberapa siri jalinan kerjasama antara bahagian KPM dengan Makmal Pembangunan Pelan Hala Tuju PPC.

### Penyelarasan Pembangunan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas

Fokus utama pembangunan pelan hala tuju adalah untuk memastikan kompetensi pentadbir dan guru yang terlibat dalam pendidikan pintar cerdas. Guru diberikan latihan khusus dan pendedahan strategi PdP yang berorientasikan proses (process-based learning), kandungan (content-based learning) dan hasil (outcome-based learning) yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) supaya guru dapat memberikan bimbingan yang inklusif kepada murid pintar cerdas. Sementara pentadbir pula dibimbing dengan kepakaran kepimpinan dalam bidang pendidikan pintar cerdas oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Kerjasama dengan Bahagian KPM, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta institusi luar berupaya menjana idea dalam merangka hala tuju untuk murid pintar cerdas.



Antara usaha yang dilaksanakan ialah kerjasama dengan Bahagian Matrikulasi yang membolehkan pembangunan kerangka kurikulum Tahap 1 dan Tahap 2 PPC. Program Matrikulasi KPM telah berjaya diiktiraf oleh 50 universiti luar negara dengan 24 universiti tersenarai dalam TOP 100 QS World University Ranking seperti University Cambridge, University Kyoto, Australian National dan University College London. Semua pelajar lepasan Program Matrikulasi KPM layak untuk memohon kemasukan terus (direct entry) ke peringkat ijazah pertama universiti berkenaan. Permohonan penajaan pendidikan dan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke universiti terpilih dapat diberikan melalui jalinan strategik dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (PENERAJU) dan Bank Negara. Laluan ini disediakan kepada semua murid pintar cerdas yang tamat pengajian di ASP dengan syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian peringkat pra universiti sebelum melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda di dalam atau di luar negara.

### **Makmal Pembangunan Pelan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas – Akademi Sains Pendang sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pintar Cerdas KPM**

Makmal yang mendapat sokongan penuh daripada YB Menteri Pendidikan telah berjaya menghimpunkan 132 pakar pendidikan dan pihak berkepentingan dalam pendidikan pintar cerdas. KPM berhasrat untuk menjadikan ASP sebagai Pusat Kecemerlangan Pintar Cerdas KPM sejajar dengan usaha ke arah pendemokrasian

pendidikan pintar cerdas yang lebih bersifat inklusif kepada semua murid yang dikenal pasti tanpa mengira latar belakang mereka.

KPM berpendirian bahawa setiap murid pintar cerdas di negara ini sewajarnya mempunyai akses kepada pendidikan pintar cerdas yang berkualiti dengan ASP sebagai pusat rujukan utama.

Hasil daripada makmal tersebut, satu Pelan Pembangunan Hala Tuju Pendidikan Pintar Cerdas yang lebih inklusif telah berjaya dibangunkan.

Antara cadangan utama yang terhasil daripada makmal berkenaan ialah pelaksanaan saringan universal ke atas semua murid Tahun 4 untuk menentukan kemahiran atau kecenderungan semua murid di negara ini setelah melalui sistem pendidikan selama tiga (3) tahun. Sepuluh peratus murid yang melepasi kemahiran atau kecenderungan tertinggi akan dipilih untuk mengambil Ujian Kelayakan Pintar Cerdas (UKPC) KPM.

Pelan ini juga turut menggariskan laluan khusus bagi murid yang mengikuti program pendidikan pintar cerdas di ASP. Murid tersebut akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada usia seawal 15 atau 16 tahun. Seterusnya, murid ini akan ditempatkan di kolej matrikulasi bagi mengikuti pengajian peringkat prauniversiti sebelum menyambung pengajian di universiti tempatan atau di luar negara.

**Program Matrikulasi KPM telah berjaya diiktiraf oleh 50 universiti luar negara dengan 24 universiti tersenarai dalam TOP 100 QS World University Ranking**

## QUICKFACTS MAKMAL



2

Minggu



132

Ahli Makmal



3

Sindikasi  
Pengurusan  
Tertinggi



27

Pakar  
Pendidikan



24

Prototaip



29

Inisiatif



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

### 1.3.2 Pelaksanaan Pelan Operasi Tahun 2023

#### Pembangunan Modul Asas 2 Akademi Sains Pendang

Modul Pembelajaran Asas 2 Akademi Sains Pendang bagi pelaksanaan PPPC di ASP dibangunkan berdasarkan Proforma Pusat PERMATA@Pintar Negara dan sedang digunakan di ASP seperti yang terkandung dalam MOA dan pemetaan kurikulum mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) KPM.



*Bengkel Pembangunan Modul Asas 2 Akademi Sains Pendang*

## **Sesi Libat Urus di Zon Selatan**

Sesi libat urus yang melibatkan PPD Zon Selatan telah diadakan pada 3 Ogos 2023 bertempat di JPN Johor dan dihadiri oleh wakil Guru Besar (GB) dan PPD Negeri Johor bagi mengenal pasti murid pintar cerdas di negeri zon selatan umumnya, dan negeri Johor khususnya.

Sesi dialog awam (townhall) secara hibrid ini turut mengambil inisiatif menyebarkan pemakluman berkenaan PPPC melalui YouTube Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Negeri Johor bagi Guru Besar dan PPD yang tidak dapat hadir secara bersemuka.

## **Jalinan dan Jaringan Bersama-sama Universiti dan Agensi Luar**

Dalam usaha KPM untuk menjadikan ASP sebagai hub kecemerlangan penyelidikan dan inovasi bagi PPPC ini, kerjasama jaringan dan jalinan dengan universiti dan pelbagai agensi luar telah dilaksanakan. Jalinan dan jaringan melibatkan universiti seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Albukhary International University (AIU) dan beberapa agensi luar seperti Chumbaka, Rentwise, Yayasan Hasanah dan Kolej Yayasan Saad Melaka.



*Jalinan Kerjasama KPM dan Rentwise*



## Pembangunan Kurikulum *Project Work* Pintar Cerdas

Kurikulum *Project Work* Pintar Cerdas yang dibangunkan KPM akan mula ditawarkan kepada murid pintar cerdas Program Matrikulasi mulai tahun 2025. Kurikulum ini merupakan kesinambungan daripada proses pembelajaran berasaskan penyelidikan yang dilalui oleh murid pintar cerdas semasa pada peringkat menengah. Kurikulum ini juga dipercayai dapat menjadi pemangkin kepada murid untuk kekal cemerlang dan berdaya saing pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Kurikulum *Project Work* Pintar Cerdas dibangunkan berdasarkan sebelas kemahiran dan kompetensi, iaitu pengetahuan & kefahaman, kemahiran kognitif, kemahiran praktikal, kemahiran numerasi, kemahiran interpersonal, kemahiran digital, kepimpinan, autonomi & tanggungjawab, kemahiran komunikasi, etika & profesionalisme, dan kemahiran personal & keusahawanan. Integrasi 11 kemahiran dan kompetensi bertujuan untuk membangunkan modal insan yang menghargai nilai-nilai positif berdasarkan tema STEM untuk kehidupan.


Selain itu, melalui kurikulum ini juga, murid akan memperoleh kemahiran penting seperti kerjasama, komunikasi, dan pembelajaran sendiri. Semua ini akan membantu murid untuk bersedia menghadapi pembelajaran sepanjang hayat dan cabaran pada masa depan.



Sumber: Bahagian Matrikulasi

**Kurikulum ini juga dipercayai dapat menjadi pemangkin kepada murid untuk kekal cemerlang dan berdaya saing pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa**





*Latihan Bakal Guru dan Guru PPPC*

### **Latihan kepada Guru dan Bakal Guru ASP 2023**

Pelaksanaan kursus bagi bakal guru dan guru PPPC yang dilaksanakan oleh IPGM adalah bagi memastikan semua yang terlibat berkompetensi dan efisien untuk berkhidmat di ASP.

Kursus dan latihan yang dilaksanakan telah meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk jati diri guru. Impak kursus ini turut dilihat dalam penyampaian guru terhadap PdP. Hasil daripada sesi pementoran yang dilaksanakan oleh Jurulatih Utama (JU) IPGM, terdapat peningkatan yang signifikan dalam pengetahuan guru selepas mengikuti kursus latihan terutamanya peningkatan pemahaman guru dan pendekatan PdP yang berbeza diadaptasi dalam situasi bilik darjah bersesuaian dengan persekitaran pendidikan pintar cerdas.

**Terdapat peningkatan yang signifikan dalam pengetahuan guru selepas mengikuti kursus latihan terutamanya peningkatan pemahaman guru dan pendekatan PdP**

## Pembinaan Modul Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Pintar Cerdas Peringkat Pertengahan

Modul Asas Kepimpinan dan Pengurusan PPC telah dibangunkan secara berstruktur oleh 15 pensyarah kanan IAB yang terdiri dari pelbagai kepakaran kompetensi kepimpinan pendidikan termasuk 5 orang JU PPPC IAB. Justeru pada tahun 2023, satu modul lanjutan yang dibangunkan dan dijelmakan sebagai Modul Pertengahan.

Modul Pertengahan ini adalah berasaskan Domain dan Kompetensi KOMPAS 2.0 dan juga Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (Model Pembangunan Berdasarkan 3P). Selain itu, modul ini dibangunkan mengikut keperluan semasa kumpulan pengurusan ASP yang berdasarkan kerangka Modul Kepimpinan PPPC yang dibina.

Kandungan modul ini merangkumi beberapa tema berdasarkan analisis keperluan latihan ASP. Tema/submodul tersebut adalah *Mindset*, Penyeliaan Berkesan, Hal Ehwal Murid (HEM), Kokurikulum, Jaringan dan Jalinan, Pentadbiran Pejabat dan Pengurusan Kewangan. Modul ini membantu memastikan pengurusan dan kepimpinan ASP berjalan lancar.

### Latihan Pengurusan dan Kepimpinan ASP

Siri latihan telah dilaksanakan kepada kumpulan pengurusan ASP dalam memastikan kumpulan ini mendapat ilmu pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang sesuai. Pendekatan sesi latihan bagi kumpulan ini telah dilaksanakan melalui bengkel latihan, kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Continuous Professional Development, CPD) IAB serta sesi coaching.

Bengkel Kerja Latihan Pengurusan dan Kepimpinan PPPC Siri 1 Tahun 2023 bertujuan untuk mendedahkan Modul Pertengahan Kepimpinan dan Pengurusan PPPC kepada pengurusan ASP. Peserta telah didedahkan dengan pelbagai input melalui tema dan submodul seperti *Mindset*, Penyeliaan Berkesan, HEM, Kokurikulum, Jaringan dan Jalinan, Pentadbiran Pejabat dan Pengurusan Kewangan.

Selain siri bengkel, latihan juga diberikan melalui beberapa Khidmat Pembangunan Organisasi (KPO) melalui pemindahan pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai bidang secara khusus. Dapatkan daripada penilaian keseluruhan kursus menunjukkan, KPO dapat mencetus idea dan proses kerja yang lebih kreatif .

### 1.3.3 Pelibatan dan Pencapaian Murid Pintar Cerdas di Peringkat Nasional dan Antarabangsa

ASP aktif dalam melaksanakan PdP melalui pendekatan digital dan menyediakan platform untuk murid mengalami sendiri pembelajaran bermakna. Murid juga diberi peluang dan ruang untuk menghasilkan produk inovasi bagi meningkatkan penerokaan mereka dalam bidang STEM. Sehingga kini, murid pintar cerdas di ASP telah berjaya memenangi pelbagai pertandingan peringkat antarabangsa, antaranya:

	<b>Pingat Emas</b>
<i>International Conference Of Education &amp; Futuristic Innovation (ICEFI 2023) The Hats-The Effect Of Caffience On L. Lycopercisum Growth Rate</i>	
<i>World Youth Science Invention Innovation (WYSII 2023)</i>	
<i>Malaysia Innovation And Invention Expo (MIIX 2023)</i>	
<i>Malaysia International Youth Innovators Olympiad (MIYIO) 2023</i>	
 	<b>Pingat Emas dan Perak</b>
<i>Virtual Innovation Competition 2023 (VIC 2023)</i>	
<i>Badlishah International Virtual Innovation Competition (BIVIC 2023)</i>	
	<b>Pingat Perak</b>
<i>International Science Olympiad Competitions of Southeast Asia</i>	
  	<b>Pingat Emas, Perak dan Gangsa</b>
<i>International Invention, Innovation And Design Competition (I3DC 2023)</i>	
	<b>Anugerah Khas</b>
<i>Singapore International STEM Innovation Challenge 2023 STEM Challenge (SISTEMIC 2023) (Best Prototype Award: Biomedical Sciences And Engineering)</i>	
<i>Singapore International STEM Innovation Challenge 2023 Design And Build Challenge (Most Sustainable Concept, Most Social Impact Award, Best Engineering Product)</i>	
<i>Young Innovations Competition 2023 By ASTI (Qualified Top 200)</i>	

Murid ASP telah menyertai Singapore International STEM Innovation Challenge (SISTEMIC 2023) bertempat di National Junior College, Singapore pada 23 - 29 Mei 2023.

SISTEMIC merupakan program peringkat antarabangsa yang menghimpunkan murid pintar di seluruh dunia berumur dari 14 hingga 18 tahun untuk bertanding, bekerjasama dan menghasilkan inovasi dalam sains. Kepelbagaian bidang ilmu dan integrasi cabaran dalam aktiviti pengayaan murid memberikan ruang dan peluang untuk mereka mengasah bakat dalam aplikasi bidang sains dan teknologi untuk penyelesaian masalah dan mencipta hasil yang berimpak tinggi.



Murid yang terlibat (kiri ke kanan) Muhammad Danial Darwisy, Muhammad Luqmanul Hakeem, Muhammad Arief.



Nur Fatin Aqilah binti Mohamad Fitri, merupakan murid Asas 2 ASP yang telah berjaya memenangi pingat perak dalam International Science Olympiad Competitions of Southeast Asia bertempat di Pulau Langkawi pada 26 hingga 30 Disember 2023.

Penyertaan murid ASP dalam pelbagai pertandingan dan program inovasi antarabangsa telah memberikan impak positif kepada mereka seperti:

<b>1</b>	<b>Peningkatan Prestasi Murid</b>	Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa menunjukkan kecemerlangan murid-murid ASP dalam bidang STEM memberikan pengiktirafan kebolehan terhadap mereka dalam membuat penemuan, inovasi, dan aplikasi praktikal dalam sains dan teknologi.
<b>2</b>	<b>Peningkatan Motivasi dan Kepercayaan Diri</b>	Kejayaan dalam pertandingan antarabangsa yang memotivasikan murid untuk terus berusaha dan berinovasi. Murid ASP menjadi lebih yakin akan potensi dan bakat mereka, seterusnya berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.
<b>3</b>	<b>Peningkatan Keterampilan STEM</b>	Melalui penyertaan dalam pelbagai pertandingan, murid ASP mengasah kemahiran dalam bidang STEM. Mereka belajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi dunia nyata, merancang, membuat prototaip, dan mencipta penyelesaian inovatif untuk masalah yang dihadapi.
<b>4</b>	<b>Pengiktirafan dan Penghargaan</b>	Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa memberikan pengiktirafan bukan sahaja kepada usaha dan pencapaian murid tetapi juga guru yang terlibat dalam penyediaan projek sebagai pembimbing dan fasilitator. Hal ini sangat membantu dalam mengeratkan kerjasama antara murid dengan guru dan menanam rasa bangga dalam kalangan murid dan guru sebagai warga ASP.
<b>5</b>	<b>Peningkatan Reputasi Sekolah</b>	Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa membantu meningkatkan reputasi ASP pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
<b>6</b>	<b>Peluang Kolaboratif dan Jaringan</b>	Penyertaan dalam pelbagai pertandingan antarabangsa juga memperluas jaringan dan membuka peluang untuk menjalinkan kolaboratif dengan institusi dan individu lain khususnya dalam bidang sains dan teknologi.



Kejayaan murid ASP dalam pertandingan antarabangsa memberikan impak yang signifikan dalam memperkukuh kebolehan dan reputasi ASP, meningkatkan motivasi murid, menggalakkan perkembangan dan keterampilan dalam bidang STEM seiring era digital masa ini.

 <p>ASP Facebook</p>		
 <p>Video Korporat ASP</p>		
 <p>Video Aspirasi ASP</p>		

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, KPM akan berusaha mengenal pasti dan menambah baik aspek kurikulum, instrumen saringan dan profesionalisme pegawai, guru dan pensyarah melalui:

1	Pengurusan Program Pendidikan Pintar Cerdas KPM
2	Pemantapan Pembelajaran Murid Akademi Sains Pendang
3	Persediaan Murid Pintar Cerdas untuk Peringkat Prauniversiti
4	Pemantapan Latihan Guru dan Penyediaan Latihan Guru Baharu Akademi Sains Pendang
5	Pemeriksaan Latihan Pemimpin Akademi Sains Pendang
6	Pembinaan Instrumen UKPC
7	Pelaksanaan Saringan Bakat Pintar Cerdas

# KISAH INSPIRASI

PPPC berjaya melonjakkan potensi murid daripada pelbagai latar belakang bukan sahaja dalam bidang akademik, namun juga koakademik. Murid-murid ASP menjadi pemenang dalam pertandingan-pertandingan STEM sehingga ke peringkat antarabangsa.



<b>Nama:</b>	Muhammad Afiq Hakimi bin Anuar
<b>Asas/Tahap</b>	Tahap 1 Garnet
<b>Bantuan</b>	Penerima Biasiswa
<b>Pencapaian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 9<sup>th</sup> ASEAN +3 Junior Science Odyssey Singapore</li><li>• National Robotic Competition 2023</li><li>• Outreach KSSM Berasaskan Augmented Reality (AR) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023</li></ul>

Muhammad Afiq Hakimi bin Anuar yang dilahirkan di Hospital Teluk Intan merupakan murid kohort pertama ASP dan penerima biasiswa. Dalam kekangan sosioekonomi keluarga, beliau bertekad untuk mengoptimumkan ruang dan peluang yang diterima dengan membuktikan kemampuan akademik dan inovasi diri yang ternyata amat menyerlah dengan bimbingan guru yang efisien dan sokongan padu pihak sekolah.

“Saya amat bertuah dapat menjalani kehidupan sebagai salah seorang murid di ASP dan berada dalam kelompok yang sentiasa mendapat ruang dan peluang untuk mencuba perkara baharu terutamanya yang melibatkan teknologi dalam sesi pembelajaran dan penerokaan ilmu. Antara kemudahan berkaitan teknologi yang disediakan untuk kami di ASP termasuklah Wi-Fi berkelajuan tinggi di blok akademik, pemasangan SmartTV di semua kelas termasuk makmal dan kebenaran untuk semua murid menggunakan peranti dalam aktiviti PdP. Saya merasakan kaedah pengajaran menggunakan medium kemudahan digital amat menarik minat saya untuk mengetahui dengan lebih mendalam topik yang dipelajari. Pada asalnya, saya agak gusar sekiranya tidak mampu untuk memiliki peranti seperti rakan-rakan yang lain namun bantuan kewangan sebagai penerima biasiswa telah meringankan beban keluarga saya dalam usaha untuk memiliki peranti sendiri. Antara

keseronokan sebagai murid di ASP ialah kami sentiasa digalakkan untuk menyertai pertandingan ilmiah secara dalam talian. Saya amat menyukai pendekatan yang digunakan iaitu pelaksanaan pertandingan melalui media sosial. Guru di ASP akan menyebarkan maklumat pertandingan melalui Telegram dan kami berpeluang menyertai pelbagai aktiviti digital sebagai aktiviti pengayaan.

Saya menyukai kaedah sebegini kerana ringkas dan mudah untuk dipraktikkan oleh semua murid yang berminat menyertai sebarang pertandingan yang dianjurkan sama ada pada peringkat sekolah atau agensi luar. Salah satu aplikasi yang kerap saya gunakan bagi membantu pembelajaran saya ialah YouTube. Banyak video pembelajaran yang boleh dijadikan panduan sekiranya masih ada topik pembelajaran dalam kelas yang saya kurang faham. Saya juga menggunakan banyak aplikasi lain bagi membantu saya untuk meneroka bidang ilmu yang sangat luas. Jadi, dengan adanya semua kemudahan ini saya dapat menyertai pertandingan antarabangsa secara dalam talian. Antara pencapaian terbaik saya setakat ini adalah apabila saya memenangi Bronze Award dalam 9<sup>th</sup> ASEAN +3 Junior Science Odyssey Singapore.”

**“Pada asalnya, saya agak gusar sekiranya tidak mampu untuk memiliki peranti seperti rakan-rakan yang lain namun bantuan kewangan sebagai penerima biasiswa telah meringankan beban keluarga saya dalam usaha untuk memiliki peranti sendiri”**



<b>Nama:</b>	Muhammad Amirul Nazhan bin Shahrul Nizam
<b>Asas/Tahap</b>	Asas 3
<b>Bantuan</b>	Penerima Biasiswa
<b>Pencapaian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kedah International Genius Math 2024</li><li>• National Robotic Competition 2023</li><li>• Universal Robotic Challenge 2023</li></ul>

Seorang lagi murid ASP, Muhammad Amirul Nazhan bin Shahrul Nizam merupakan seorang anak yatim dari Kepala Batas, Pulau Pinang. Namun, keterbatasan dalam hidup tidak menjadi penghalang kepadanya untuk meningkatkan potensi dalam akademik dan bidang kreativiti. Minat beliau yang mendalam dalam bidang pengaturcaraan dan matematik telah mendorongnya untuk menyertai Kedah International Genius Math 2024 dan antara kemahiran yang dipelajarinya ialah teknik menjawab kesemua 300 soalan dalam tempoh tiga (3) minit sahaja. Pertandingan yang melibatkan lima (5) buah negara ini menggunakan format pengiraan pantas. Beliau sangat teruja kerana pertandingan sebegini mencabar kemampuan minda dan kebolehannya untuk melakukan tugas dan menyelesaikan pengiraan dengan kecekapan maksimum.

"Bidang matematik merupakan kegemaran saya, maka apabila digalakkan untuk menyertai Kedah International Genius Math 2024, saya berusaha sehabis baik bagi menyerlahkan potensi diri. Pertandingan yang melibatkan lima (5) buah negara ini menggunakan format pengiraan pantas iaitu saya perlu menjawab kesemua 300 soalan dalam tempoh tiga (3) minit sahaja. Saya sangat teruja kerana pertandingan sebegini mencabar kemampuan minda dan kebolehan saya untuk melakukan tugas dan menyelesaikan pengiraan dengan kecekapan maksimum. Namun begitu, perjalanan untuk melepasi

**“Saya sangat teruja kerana pertandingan sebegini mencabar kemampuan minda dan kebolehan saya untuk melakukan tugas dan menyelesaikan pengiraan dengan kecekapan maksimum”**

peringkat saringan sehingga saya berjaya mewakili ASP ke peringkat antarabangsa bukanlah mudah. Saya sangat berterima kasih atas panduan, bantuan dan tip para guru untuk memahami format pertandingan dan melatih saya secara berfokus. Selain itu, saya juga turut merujuk sumber di alam maya dengan menonton video teknik pengiraan pantas dan kaedah penyelesaian masalah matematik yang efisien. Kesemua ilmu tambahan yang saya peroleh sebagai persediaan menyertai pertandingan ini, kebanyakannya daripada sumber digital dan memerlukan cara pemikiran di luar kotak.”

Amirul juga berharap akan dapat melanjutkan pengajiannya ke Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam bidang kejuruteraan robotik pada suatu hari nanti.

**“Saya sangat berterima kasih atas panduan, bantuan dan tip para guru untuk memahami format pertandingan dan melatih saya secara berfokus”**



# 1.4 PENINGKATAN KUALITI PENDIDIKAN VOKASIONAL

Peningkatan Kualiti Pendidikan Vokasional KPM merupakan usaha yang dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti demi kemenjadian murid secara holistik. Inisiatif ini berfokus kepada kebolehpasaran graduan khususnya di KV. Sehingga tahun 2023, terdapat sebanyak 86 KV yang menawarkan program kemahiran pada peringkat sijil dan diploma. Kebolehpasaran graduan KV terbahagi kepada tiga iaitu 70 peratus graduan bekerja, 20 peratus graduan menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi dan 10 peratus graduan menjadi usahawan. Untuk memastikan kebolehpasaran graduan KV mencapai sasaran yang dihasratkan, program yang dilaksanakan di KV disokong melalui kerjasama strategik dan pengiktirafan bersama-sama agensi awam, badan akreditasi dan industri berkaitan.

Fokus utama inisiatif Peningkatan Kualiti Pendidikan Vokasional pada tahun 2023 adalah kepada:

**1.4.1 PEMBANGUNAN PROGRAM BERIMPAK TINGGI DAN PENERAPAN ELEMEN IR 4.0 KE DALAM KURIKULUM STANDARD KOLEJ VOKASIONAL (KSKV)**

**1.4.2 PENINGKATAN BILANGAN KERJASAMA STRATEGIK**


**1.4.3 PENINGKATAN KUALITI KEBOLEHPASARAN GRADUAN KV YANG BERFOKUS KEPADA BEKERJA DALAM BIDANG PENGAJIAN**

**Sehingga tahun 2022, sebanyak 73,325 graduan KV KPM telah dilahirkan dengan kebolehpasaran melebihi 95 peratus setiap tahun. Pencapaian yang tinggi dalam tempoh 5 tahun ini membuktikan bahawa graduan KV menjadi pilihan industri dan pusat pengajian tinggi**

## Kebolehpasaran Graduan KV

KV KPM menyediakan program TVET yang berkualiti kepada murid seawal lepasan menengah rendah atau Tingkatan tiga (3) (seawal usia 15+) yang berkecenderungan tinggi dalam bidang kemahiran selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Sustainable Development Goals (SDG) 4 iaitu pendidikan inklusif dan saksama. Sehingga tahun 2022, sebanyak 73,325 graduan KV KPM telah dilahirkan dengan kebolehpasaran melebihi 97 peratus setiap tahun. Pencapaian peratus kebolehpasaran yang tinggi melebihi 97 peratus dalam tempoh 5 tahun ini membuktikan bahawa graduan KV menjadi pilihan industri dan pusat pengajian tinggi.

Eksibit 1.11: Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional



Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Peratus kebolehpasaran graduan KV dikesan melalui data yang diperolehi daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) TVET yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mulai tahun 2018. Kebolehpasaran graduan KV secara umumnya menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun 2018 sehingga 2022. Kebolehpasaran graduan KV telah meningkat daripada 97.02 peratus pada tahun 2018 kepada 99.38 peratus pada tahun 2022.



Pelbagai usaha dilaksanakan KPM bagi mencapai peratus kebolehpasaran yang tinggi. Usaha yang dilaksanakan adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan daripada KV berkualiti dan menepati keperluan industri semasa.


**Kebolehpasaran graduan KV secara umumnya menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun 2018 sehingga 2022. Kebolehpasaran graduan KV telah meningkat daripada 97.02 peratus pada tahun 2018 kepada 99.38 peratus pada tahun 2022**



#### **1.4.1 Pembangunan Program Berimpak Tinggi dan Penerapan Elemen IR 4.0 ke dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)**

KV melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] Seksyen 33C dan dibangunkan secara kolaboratif dengan pelbagai pihak termasuklah pihak universiti awam dan swasta serta industri. Kurikulum yang dibangunkan merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan afektif agar graduan yang dilahirkan bukan sahaja berketerampilan malah seimbang dari aspek pembangunan insaniah. Berasaskan kompetensi dan hasil (outcome), struktur kurikulum KV dibahagi kepada 70 peratus amali dan 30 peratus teori. Struktur ini merupakan keunikan kurikulum KV iaitu aspek kemahiran praktikal (hands-on) amat dititikberatkan dalam penyampaian pembelajaran.


KSKV yang dibangunkan mematuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan keperluan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] setaraf dengan sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh penyedia TVET yang lain. Semua program KV pada peringkat diploma diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT). Sehingga kini, kesemua 606 program diploma KV telah mendapat akreditasi penuh daripada MQA dan MBOT.



Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Di samping pengetahuan dan kemahiran yang terkini, graduan KV dibekalkan dengan nilai dan kemahiran kebolehkeraan yang diterapkan melalui mata pelajaran umum dan kokurikulum. KPM telah mengambil inisiatif proaktif dan berstrategik untuk menyediakan program TVET berkualiti yang berteraskan industri agar graduan KV yang dihasilkan mempunyai daya saing dan kemahiran yang diperlukan semasa berada dalam industri kelak. Terdapat sepuluh bidang utama yang ditawarkan di KV yang meliputi 35 program pada peringkat sijil dan diploma.







## 1.4.2 Peningkatan Bilangan Kerjasama Strategik

Selain perkongsian strategik dan penempatan pekerjaan, pihak industri berperanan memberi input kepada pembangunan kurikulum dan pembelajaran bagi mempersiapkan graduan TVET dengan kemahiran dan pengetahuan teknologi terbaharu yang diperlukan oleh pihak industri dan selari dengan perkembangan revolusi perindustrian 4.0. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) sebagai badan induk yang mengawal selia KV berperanan secara aktif menjalankan kerjasama strategik bersama-sama pihak luar melalui konsep Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership) bagi memastikan KV KPM bersinergi bersama-sama industri dari aspek pemindahan teknologi, peningkatan kualiti program, Latihan Sangkutan Industri (LSI) pengajar KV dan *on the-job-training* (OJT) bagi bakal graduan KV. Sehingga tahun 2022, sebanyak 10 Kerjasama Awam Swasta telah dilaksana bersama-sama pihak industri bagi meningkatkan kualiti TVET KPM dalam pelbagai aspek terutamanya pencapaian hasil (outcome) kebolehpasaran graduan KV KPM. KV juga telah diiktiraf sebagai pusat latihan bertauliah industri apabila dilantik sebagai *Authorized Training Center (ATC) Certified Technician Certification Programme (CTCP)* kepada program penyamanan udara oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sehingga 2022, sebanyak 10 ATC telah berjaya diwujudkan di KV.

Eksibit 1.14: Bilangan Kerjasama Awam Swasta



Eksibit 1.15: Bilangan Authorised Training Centre (ATC)



Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional


## 1.4.3 Peningkatan Kualiti Kebolehpasaran Graduan KV Yang Berfokus kepada Bekerja dalam Bidang Pengajian

Bagi meningkatkan kualiti kebolehpasaran graduan KV, pelbagai usaha telah dilakukan termasuk melaksanakan program KV Digitalpreneur kepada kumpulan sasar daripada murid tahun akhir KV yang cenderung dan minat kepada keusahawanan. Program khusus ini dirangka khas berfokus kepada aspek keusahawanan digital bagi mempersiapkan bakal graduan dengan ilmu dan kemahiran berkaitan ekonomi digital masa ini. Diharapkan mereka dapat keluar sebagai graduan yang mantap bagi mendepani cabaran ekonomi digital sekali gus meningkatkan kualiti kebolehpasaran KV dalam aspek keusahawanan.

Kerjasama strategik bersama-sama industri KV berdasarkan Kerjasama Awam Swasta yang berimpak tinggi kepada TVET KPM sama ada melalui pensijilan profesional murid dan tenaga pengajar, perkongsian sumber termasuk kepakaran dan peralatan atau kebolehpasaran graduan. Sebanyak 20 industri telah melaksanakan kerjasama berimpak tinggi antaranya adalah IBM Technologies Sdn. Bhd., Shell, TWI Technologies, Malaysian Timber Council, Top Glove, L'oreal, McDonald's Malaysia, SK Magic dan Lestari Aero Industries Sdn. Bhd. Selain itu, kerjasama strategik bersama syarikat Multinational Corporation (MNC) yang terkemuka seperti L'oreal Paris Cosmetic juga merupakan inisiatif penting bagi memberi peluang dan pengalaman kepada bakal graduan KV menjalani latihan industri di syarikat bertaraf global.



Eksibit 1.16: Kebolehpasaran Graduan KV dalam Bidang Pengajian



Sumber: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Berdasarkan Eksibit 1.16, kebolehpasaran graduan KV dalam bidang pengajian semakin meningkat dan mencapai 73.49 peratus pada tahun 2022.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Memandangkan kebolehpasaran graduan KV telah mencapai sasaran melebihi 97 peratus setiap tahun, fokus TVET KPM kini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran bekerja dalam bidang pengajian. KPM merancang penawaran program berteknologi baharu dan berimpak tinggi (High Growth, High Demand) seperti Teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), Teknologi Automotif Electric Vehicle (EV) dan Hidrogen bagi memastikan program yang ditawarkan di bawah institusi TVET KPM kekal relevan dan menjadi penyumbang utama modal insan berkemahiran kepada industri negara.

Selain itu, rasionalisasi penawaran program di KV turut dirancang untuk menilai dan mengkaji semula program sedia ada yang kurang berdaya saing bagi memastikan program TVET KPM khususnya di KV yang bernilai dan berimpak tinggi.



# KISAH INSPIRASI

Kejayaan murid dalam pertandingan-pertandingan kemahiran pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa mengangkat institusi TVET KPM sebaris dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pertandingan kemahiran seperti WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) yang dianjurkan Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi mencungkil potensi kemahiran belia-belia di Malaysia untuk diketengahkan pada peringkat antarabangsa menjadi platform pelajar di KV untuk mengembangkan bakat dan kecemerlangan mereka. Setiap tahun KV tidak pernah ketinggalan menghantar peserta. Pada tahun 2023, 20 orang pelajar telah layak ke pertandingan akhir WSMB mewakili pelbagai bidang seperti Automobile Technology, Electronics, Web Technology, IT Network and System Admin, Beauty Therapy, Cooking, Patisserie and Confectionary. Lebih membanggakan peserta dari KV telah menyapu bersih pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa untuk bidang Automobile Technology.

Kecemerlangan peserta bidang Automobile Technology dari KV ini bermula dari tahun 2022 apabila penyertaan dua orang pelajar dari Kolej Vokasional Kajang iaitu Hayatun Nufus Roshisham dan Mohamad Hafis bin Taib yang merupakan pelajar program Diploma Teknologi Automotif dalam Pertandingan Worldskills Malaysia Belia bagi bidang Automobile Technology tahun 2022 membuahkan hasil apabila Hayatun Nufus berjaya mendapat pingat emas dan Mohamad Hafis beroleh pingat perak. Seterusnya, mereka mewakili negara ke Asian Skills Competition di Singapura dan sekali lagi mengharumkan nama Malaysia apabila Mohamad Hafis memenangi pingat perak manakala Hayatun Nufus mendapat Medallion of Excellence. Mohamad Hafis juga terpilih mewakili negara ke Worldskills Competition di Lyon Perancis pada tahun 2024. Kemenangan pingat emas Hayatun Nufus Roshisham dalam bidang Automobile Technology di Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia tersebut telah mengatasi pemenang pingat emas bidang lain apabila dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri yang menjadikan beliau pelajar KV pertama yang berjaya memenangi anugerah tersebut sejak mula diperkenalkan. Hayatun Nufus dan Mohamad Hafis juga telah dianugerahkan Pingat Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dalam Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional ke-8 tahun 2023. Kisah kejayaan pelajar ini terus menyinari kalendar tahun 2023.

Selain daripada usaha keras mereka, kejayaan pelajar ini juga hasil kerja keras tenaga pengajar yang turut menjadi Jurulatih Negara dalam memastikan kejayaan berterusan bagi peserta yang dilahirkan dari KV Kajang. Bagi memastikan peserta yang menyertai pertandingan WSMB ini adalah yang kompeten, KPM telah menganjurkan Pertandingan Kemahiran Kolej Vokasional (KV Skills) terlebih dahulu untuk memberikan pendedahan kepada pelajar yang boleh diketengahkan untuk bersaing dengan pelajar dari institusi pengajian tinggi lain dalam WSMB. Pertandingan yang melibatkan 21 bidang kemahiran dan peserta disaring pada peringkat zon terlebih dahulu sebelum ke peringkat kebangsaan. Peserta terbaik akan dianugerahkan Pemenang Tangan Emas TVET KPM. Langkah ini merupakan antara usaha yang dilakukan oleh KPM dalam menyetengahkan bakat dan potensi pelajar dalam TVET agar kemenjadian mereka dapat dibuktikan.



*Mohd Hafis dan Hayatun Nufus yang mewakili negara ke Asian Skills Competition Singapore dan membawa pulang pingat perak dan Medallion of Excellence*

# 1.5 PENAMBAHAN BILANGAN SMKA DAN PENINGKATAN PENDAFTARAN SABK

Menerusi PPPM 2013-2025, KPM berhasrat menubuhkan 67 buah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA). Sehingga kini sebanyak 61 buah SMKA seluruh negara telah siap dibina di samping tiga (3) buah dalam fasa pembinaan. Sebuah lagi SMKA telah mendapat kelulusan pada peringkat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Rolling Plan (RP) 4 Tahun 2023 dan enam (6) telah diangkat dalam RMKe-12 RP 5 Tahun 2024.

KPM juga komited untuk memastikan pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Hal ini untuk meningkatkan kualiti, kesaksamaan ekuiti dan akses pendidikan bagi semua murid. Sejak pelaksanaan pendaftaran SABK pada tahun 2004, sebanyak 229 sekolah SAR dan SAN telah berdaftar sebagai SABK sehingga tahun 2023.

Inisiatif ini berfokus kepada:

## 1.5.1 PENAMBAHAN BILANGAN SMKA

- ✎ Pemantauan Fasa Pembinaan Tiga (3) SMKA

## 1.5.2 PENINGKATAN PENDAFTARAN SAR DAN SAN SEBAGAI SABK

- ✎ Penambahbaikan Kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi SABK di bawah Perkara 12 (2) Perlembagaan Persekutuan

**Sejak pelaksanaan pendaftaran SABK pada tahun 2004, sebanyak 229 sekolah SAR dan SAN telah berdaftar sebagai SABK sehingga tahun 2023**

### 1.5.1 Penambahan Bilangan SMKA

#### Pemantauan Fasa Pembinaan Tiga (3) SMKA

Sebelum tahun 2023, terdapat 61 SMKA termasuk SMKA Haji Mohd Yassin yang siap pembinaannya pada tahun 2021. Pada tahun 2023, sebanyak dua (2) SMKA telah memasuki fasa prapembinaan iaitu SMKA Kangar dan SMKA Alor Gajah dan sebuah lagi iaitu SMKA Seberang Perai sedang dibina dan dijangka siap pada penghujung tahun 2024.



Pembangunan SMKA Kangar



## 1.5.2 Peningkatan Pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK

### Penambahbaikan kandungan memorandum persefahaman (MoU) bagi SABK di bawah Perkara 12 (2) Perlembagaan Persekutuan

Pendaftaran SAR/SAN sebagai SABK merupakan komitmen KPM dalam memastikan institusi pendidikan Islam berdasarkan peruntukan undang-undang. Bagi memastikan pengoperasian pendidikan di SABK dilaksanakan dengan teratur, satu memorandum persefahaman antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KPM dengan Jemaah/Lembaga Pengurusan Sekolah (JPS/LPS) berkaitan dengan pendaftaran SABK dimeterai.

MoU ini menjadi rujukan utama kepada JPS/LPS dan pihak sekolah terutama dalam aspek pematuhan pelaksanaan kurikulum kebangsaan, dasar berkaitan dengan perjawatan pentadbir, guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), pengurusan kewangan, pemilikan aset dan sebagainya. Walaupun SAR/SAN telah berdaftar sebagai SABK, kerajaan negeri atau pemilik sekolah kekal sebagai pemilik bangunan sekolah tersebut dan kerajaan boleh memberikan bantuan berdasarkan perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Eksibit 1.17: Jadual Bilangan SAR/SAN yang telah menandatangani MoU untuk didaftarkan sebagai SABK (2019 hingga 2023).

Tahun	2019	2020	2021	2022	2023	Jumlah
Jenis						
SAR	-	2	1	-	1	4
SAN	-	1	4	-	-	5
JUMLAH						9

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam

KPM telah melaksanakan pengesanan terhadap pematuhan MoU kepada 30 buah SABK terpilih. Program ini dilaksanakan bagi menjelaskan perkara yang terkandung dalam MoU hendaklah dioperasikan pada peringkat sekolah.

Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia yang diwakili KPM dengan Jemaah Pengurusan Maahad Integrasi Imtiyaz Ilmuan Ulul Albab, Banting telah ditandatangani pada Disember 2023. Hasil pemeteraian MoU tersebut, jumlah keseluruhan SABK sebanyak 229.

**KPM telah melaksanakan pengesanan terhadap pematuhan MoU kepada 30 buah SABK terpilih**



# MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini akan terus memberikan tumpuan kepada penambahan lebih banyak pembinaan SMKA baharu untuk dibentangkan dalam RMKe-12 RP 5 Tahun 2024. Tumpuan juga diberikan untuk pembinaan SMKA yang menawarkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dikenali sebagai SMKA Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Selain itu, pelaksanaan program pendaftaran SAR/SAN sebagai SABK juga akan diperkasakan melalui penambahan sebanyak tiga (3) SAR/SAN sebagai SABK baharu dan semakan semula MoU sedia ada untuk diselaraskan kandungannya dengan MoU yang baharu. Semakan ini akan dilaksanakan secara berfasa mengikut negeri/tahun tandatangan MoU terdahulu.

## KISAH INSPIRASI

Maahad Imtiyaz Integrasi merupakan sebuah sekolah persendirian yang diwakafkan oleh sebuah keluarga untuk dijadikan sebuah institusi pendidikan agama Islam. Tapak sekolah tersebut berasal daripada kem latihan khidmat negara yang tidak digunakan lagi. Persekitaran sekolah tersebut dikelilingi oleh suasana desa dan ladang kelapa sawit serta jauh daripada persekitaran bandar memberi ketenangan kepada murid-murid dalam menjalani aktiviti harian.

Pada Disember 2023, Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab, Banting telah menandatangani MoU untuk mendaftarkan sekolah tersebut sebagai SABK.



*Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Pendaftaran SABK antara KPM dengan Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab*



*Murid Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab*



*Bangunan Hadapan Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab*



*Surau Maahad Imtiyaz Integrasi Ilmuan Ulul Albab*



# BAB 02

**MEMPERTINGKATKAN KUALITI  
DALAM PENDIDIKAN**



## 2.1 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)

Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) dilaksanakan mulai tahun 2020 di 800 buah sekolah rendah terpilih seluruh negara dan diperluas kepada 2536 sekolah terpilih pada tahun 2021. Mulai tahun 2022, semua sekolah rendah terlibat dalam program PLaN, manakala hanya 419 sekolah rendah menjadi sekolah fokus dalam program ini bagi tahun 2023. Tujuan inisiatif PLaN adalah untuk memastikan murid sekolah rendah Tahap 1 menguasai literasi dan numerasi. PLaN berfokus kepada tiga subjek iaitu Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI) dan Matematik.

Selain sekolah fokus, sekolah rendah yang lain diberi autonomi menjalankan intervensi yang bersesuaian bagi membantu murid agar melepasi Tahap Penguasaan 1 dan 2.

Bagi tahun 2023, fokus utama PLaN adalah:

### 2.1.1 PEMBANGUNAN KOMPETENSI PEMIMPIN SEKOLAH DALAM PENGURUSAN PLaN

### 2.1.2 PELAKSANAAN PELAN OPERASI TAHUN 2023

- ✎ Latihan Peningkatan Kompetensi PdP MoLIB Guru Bahasa Melayu, Matematik dan PdP Scheme of Work (SOW) Guru Bahasa Inggeris
- ✎ Bimbingan dan Pemantauan Pelaksanaan PLaN Sekolah Rendah dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

### 2.1.3 PENINGKATAN TAHAP PENGUASAAN MINIMUM IAITU TP3 DI 206 BUAH SEKOLAH FOKUS YANG MEMPUNYAI 30-70 PERATUS MURID TAHAP 1 DALAM PENGUASAAN BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS DAN MATEMATIK

- ✎ Pembinaan Bahan Bantu Belajar Murid Mengikut Tahap Penguasaan (TP1-TP3) untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik Tahun 1
- ✎ Pelaksanaan Kem Perkasa PLaN Tahun 2023

**Tujuan inisiatif PLaN adalah untuk memastikan murid sekolah rendah Tahap 1 menguasai literasi dan numerasi**

## 2.1.1 Pembangunan Kompetensi Pemimpin Sekolah dalam Pengurusan PLaN

Sesi Libat Urus (SLU) PLaN bersama-sama 419 guru besar dan pentadbir yang mempunyai ramai murid yang masih belum menguasai tahap penguasaan minimum (TP3) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik berdasarkan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Tahun 2022. SLU dijalankan bertujuan untuk:

- i. mengenal pasti dasar-dasar pelaksanaan PLaN sekolah rendah;
- ii. mengenal pasti pelaksanaan penyeliaan klinikal dan penilaian instruksional dalam konteks pelaksanaan PLaN ; dan
- iii. membina pelan intervensi bagi menangani isu dalam pelaksanaan PLaN berdasarkan penyeliaan dan penilaian instruksional.

Bengkel SLU PLaN dilaksanakan dalam dua mod iaitu secara bersemuka di lapangan dan secara dalam talian. Seramai 70 orang peserta terlibat dalam SLU PLaN secara bersemuka di lapangan, manakala sebanyak 349 orang pentadbir terlibat dalam SLU PLaN secara dalam talian. Dapatan Bengkel SLU PLaN berdasarkan maklum balas peserta dalam dua aspek utama iaitu:

- i. reaksi peserta; dan
- ii. peningkatan pengetahuan mereka dalam pelaksanaan PLaN.

Majoriti peserta berpendapat bahawa kandungan SLU PLaN bersesuaian dengan peranan GB sebagai pemimpin dalam pelaksanaan PLaN dan kandungan yang disediakan adalah mudah difahami oleh GB dan menambah ilmu baharu seperti konsep PLaN, kaedah pelaksanaan penyeliaan klinikal dan membuat keputusan berasaskan data bagi menentukan intervensi yang tepat untuk membantu murid dalam meningkatkan tahap penguasaan mereka.

Bagi aspek peningkatan pengetahuan peserta, soal selidik pra dan pasca digunakan untuk melihat peningkatan/ penurunan pengetahuan pentadbir yang menghadiri SLU PLaN tahun 2023. Soal selidik ini diedarkan kepada peserta sebelum dan selepas program. Skala Likert 1 hingga 4 digunakan untuk menunjukkan tahap pengetahuan peserta. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pengetahuan dalam semua elemen pengurusan PLaN yang menjadi fokus utama SLU PLaN tahun 2023. Peningkatan tahap pengetahuan peserta sebanyak 0.34 daripada min skor 3.46 kepada min skor 3.80.

### **Onsite Coaching**

Program *Onsite Coaching* PLaN Tahun 2023 dilaksanakan bagi mengesan amalan GB dalam penyeliaan dan penilaian instruksional. Program ini melibatkan 20 pensyarah kanan IAB terhadap 74 buah sekolah yang terpilih. Fokus pelaksanaan aktiviti *Onsite Coaching* bagi tahun 2023 adalah untuk melihat status pelaksanaan GB dalam pelaksanaan penyeliaan dan penilaian instruksional. Dapatan ini menjadi panduan kepada pensyarah untuk melaksanakan bimbingan kepada GB. Bahagian ini akan

**Majoriti peserta berpendapat bahawa kandungan SLU PLaN bersesuaian dengan peranan guru besar (GB) sebagai pemimpin dalam pelaksanaan PLaN dan kandungan yang disediakan adalah mudah difahami oleh GB dan menambah ilmu baharu seperti konsep PLaN**



menghuraikan amalan, isu dan tindakan susulan yang telah dikenal pasti. Amalan guru besar merangkumi aspek:

- i. menetapkan matlamat PLaN sekolah;
- ii. pelaksanaan penyeliaan klinikal; dan
- iii. pelaksanaan intervensi sokongan.

Berdasarkan dapatan data *Onsite Coaching* dapat dirumuskan bahawa majoriti GB (69.49 peratus) telah memastikan KPI PLaN telah dibina dengan betul dan tepat. Namun, masih ada sebilangan kecil GB yang belum menguasai. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran GB dalam penggunaan data untuk membuat keputusan masih perlu ditingkatkan.

Dalam aspek penyeliaan klinikal, majoriti GB (49.12 peratus) telah mula melaksanakan penyeliaan klinikal sebagai usaha membantu guru meningkatkan kualiti pedagogi yang dapat membantu peningkatan penguasaan murid. 19.30 peratus GB belum melaksanakan penyeliaan klinikal dengan betul dan tepat. Sebahagian daripada mereka melaksanakan pemantauan dan penyeliaan secara tidak formal. Selain itu, 31.58 peratus GB masih belum melaksanakan penyeliaan klinikal dan sebarang usaha pemantauan di bilik darjah. Secara rumusannya aspek pelaksanaan penyeliaan mengikut arahan SPI Bil.3/1987 masih belum menjadi fokus utama oleh sebahagian GB yang terlibat dalam *Onsite Coaching*. Masih terdapat ruang penambahbaikan agar pelaksanaannya lebih sistematik dan berterusan.

Bagi aspek pelaksanaan intervensi sokongan pula, dapatan menunjukkan majoriti GB (48.28 peratus) yang terlibat telah memastikan intervensi dirancang dengan tepat melalui Pelan Intervensi Transformasi Sekolah (PlnTaS) yang telah dibina bagi menyelesaikan isu penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Sebahagian kecil GB (22.41 peratus) telah memastikan intervensi dirancang dengan tepat melalui PlnTaS yang telah dibina namun penggunaan data dalam penetapan intervensi masih lagi kurang tepat. Sebahagian kecil GB (29.31 peratus) masih belum memastikan perancangan yang tepat disediakan. Secara rumusannya aspek pelaksanaan intervensi sokongan dalam pelaksanaan PLaN di sekolah perlu ditingkatkan bagi memberikan impak kepada tahap penguasaan murid.



## 2.1.2 Pelaksanaan Pelan Operasi Tahun 2023

### Latihan Peningkatan Kompetensi PdP MoLIB Guru Bahasa Melayu, Matematik dan PdP Scheme of Work (SOW) Guru Bahasa Inggeris

Keperluan pendidikan masa kini menuntut guru melaksanakan pendekatan pengajaran berfokus dan terbeza bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dapat membantu guru terutamanya guru Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah menguasai dan melaksanakan pendekatan pedagogi berfokus dan terbeza di Sekolah Kebangsaan (SK), sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

**Keperluan pendidikan masa kini menuntut guru melaksanakan pendekatan pengajaran berfokus dan terbeza bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai**

Latihan Peningkatan Kompetensi PdP MoLIB Guru Bahasa Melayu, Matematik dan PdP Scheme of Work (SOW) Guru Bahasa Inggeris untuk 419 sekolah dijalankan secara dalam talian dan bersemuka.

Kunjung bantu turut dilakukan sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan kompetensi guru. Kunjung bantu ini melibatkan 43 buah sekolah mewakili 10% daripada jumlah sekolah fokus di Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Sarawak.

### Pemeriksaan Pelaksanaan PLaN Sekolah Rendah dalam Kalangan Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

Pemeriksaan pelaksanaan PLaN telah dijalankan mulai bimbingan PLaN telah dijalankan pada 23 Julai hingga 8 September 2023 selama tiga hari bagi setiap sekolah. Pemeriksaan ini melibatkan 40 buah sekolah rendah di 11 buah negeri dan Wilayah Persekutuan kecuali Melaka, Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pemeriksaan dijalankan secara pemerhatian, semakan dokumen, pencerapan PdP dan ujian verifikasi murid. Sebanyak 40 buah sekolah yang terdiri daripada 19 buah sekolah dalam kategori bandar dan 21 buah dalam kategori luar bandar. Dari segi taburan sekolah pula, 28 buah SK, tiga (3) buah SJKC, tiga (3) buah SJKT dan 6 sekolah orang asli telah dilawati untuk sesi pemeriksaan.

Secara keseluruhan dapatan daripada analisis kualiti PdP berasaskan pendekatan berfokus dan terbeza seperti yang disarankan dalam PLaN, skor kualiti PdP guru yang dicerap mengikut aspek ialah 69.76 peratus.

Selain itu, guru berjaya memastikan isi pelajaran yang disampaikan bersesuaian dengan murid yang belum mencapai tahap penguasaan minimum. Penyampaian isi pelajaran dilaksanakan melalui pelbagai bentuk iaitu bimbingan secara individu, kumpulan atau kedua-duanya. Bentuk bimbingan yang paling ketara dilaksanakan oleh guru adalah secara individu. Bentuk bimbingan sedemikian selaras dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berfokus dan terbeza yang menekankan bimbingan yang terbeza mengikut aras penguasaan murid. Bimbingan tersebut berjaya memotivasikan murid yang belum menguasai tahap minimum untuk terlibat dengan lebih aktif dalam PdP seterusnya membantu mereka mencapai objektif pembelajaran. Guru boleh menjalankan pedagogi terbeza dalam melaksanakan PdP dengan menggunakan bahan bantu belajar murid (BBBM) yang telah disediakan.

## 2.1.3 Peningkatan Tahap Penguasaan Minimum iaitu TP3 di 206 Sekolah Fokus yang Mempunyai 30-70 Peratus Murid Tahap 1 dalam Penguasaan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

### Pembinaan Bahan Bantu Belajar Murid Mengikut Tahap Penguasaan (TP1-TP3) Untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik Tahun 1

Penghasilan BBBM Tahun 2 dan Tahun 3 BM, BI dan Matematik berdasarkan buku teks sedia ada melibatkan sebanyak 52 pegawai bahagian, JPN, PPD, School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+), guru cemerlang (GC) dan guru mata pelajaran BM, BI dan matematik Tahap 1. BBBM yang dihasilkan mengikut TP murid, iaitu TP1 hingga TP3 bagi menyokong aktiviti pembelajaran mata pelajaran BM, BI dan Matematik.


BBBM untuk Tahun 1 turut disediakan untuk memastikan semua murid Tahun 1 berpeluang untuk mengikuti aktiviti PdP berdasarkan tahap penguasaan murid. Penggunaan BBBM ini juga diharapkan dapat mengupaya kebolehan murid untuk menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum iaitu TP3 dalam mata pelajaran BM, BI dan Matematik.

### Pelaksanaan Kem Perkasa PLaN Tahun 2023

Program Kem Perkasa PLaN (K2P) ialah kesinambungan kepada Kem Bijak Membaca yang telah dilaksanakan pada sesi akademik 2022/2023. Kem ini melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. K2P ialah usaha berterusan untuk memastikan murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi setelah 3 tahun berada pada peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan intervensi untuk meningkatkan TP kemahiran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik murid Tahun 4 melalui kerjasama komuniti di luar bilik darjah. K2P dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar kerana pelaksanaan program ini dijalankan di luar bilik darjah secara stesen dan menggunakan pendekatan didik hibur dalam pelaksanaan sesuatu PdP.

Pada sesi persekolahan tahun 2021/2022, sebanyak 26 sekolah kategori rendah dan 349 sekolah kategori sederhana telah dikenal pasti. Pada sesi persekolahan tahun 2022/2023, jumlah bilangan sekolah kategori rendah telah berkurang daripada 26 kepada 22 sekolah (penurunan sebanyak 15.4 peratus) dan kategori sederhana berkurang daripada 349 kepada 322 sekolah (penurunan sebanyak 7.7 peratus). Pada sesi persekolahan tahun 2023/2024, jumlah sekolah kategori rendah berkurang 15 sekolah lagi dan jumlah sekolah kategori sederhana pula berkurang sebanyak 71 sekolah. Maka, data terkini menunjukkan jumlah sekolah kategori rendah adalah 7 (penurunan 68.2 peratus) dan kategori sederhana ialah 251 (penurunan 22.1 peratus).

Eksibit 2.1 Bilangan sekolah kategori rendah, Sederhana dan Tinggi tahun 2021/2022 - 2023/2024



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

# MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi memastikan pelaksanaan PLaN lebih berkesan dan memberikan impak yang terbaik pada masa hadapan, beberapa tindakan susulan akan dilakukan seperti yang berikut:

- 1** Perneriksaan peranan pengetua dan guru besar dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah untuk memastikan keberkesanan program PLaN
- 2** Perneriksaan pengetahuan dan kompetensi guru dalam PdP khusus untuk:
  - i. penggunaan MoLIB dengan pendekatan intervensi yang berfokus dan terbeza dalam membantu guru melaksanakan PdP berkesan terhadap murid yang pelbagai aras
  - ii. pemantauan dan bimbingan secara berkala dilaksanakan bagi melihat pelaksanaan dijalankan dengan berkesan
  - iii. penggunaan eKomPeG dalam menggubal item pentaksiran PBD
  - iv. pemantapan Komuniti Pembelajaran Profesional (Professional Learning Community, PLC) sebagai mentor dan pembimbing rakan sekerja
- 3** Pemantapan BBBM mengikut Tahap Penguasaan (TP1-TP3) untuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik
- 4** Pemantapan Modul Perkasa PLaN dengan pendekatan interaktif dan digital
- 5** Peningkatan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta sebagai rakan strategik untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi murid



## 2.2 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu telah diperkenalkan pada tahun 2017 untuk menyokong Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) melalui aktiviti-aktiviti Bahasa Melayu yang berimpak tinggi.

Program yang dilaksanakan di bawah inisiatif ini berfokus untuk meningkatkan keterampilan berbahasa murid dan guru di samping meningkatkan tahap profesionalisme guru Bahasa Melayu terutamanya dalam bidang pedagogi dan kompetensi berbahasa.

Pada tahun 2023, inisiatif ini memberikan tumpuan kepada:

### 2.2.1 PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI GURU BAHASA MELAYU BUKAN OPSYEN

- ✎ Pemilihan Calon untuk Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru
- ✎ Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru

### 2.2.2. PELAKSANAAN INTERVENSI KECEKAPAN BERBAHASA GURU BAHASA MELAYU BUKAN OPSYEN

#### 2.2.3. PEMANTAPAN PEDAGOGI GURU BAHASA MELAYU

- ✎ Latihan Pengaplikasian Inovasi Pedagogi dalam PdP BM
- ✎ Penghasilan Modul Latihan Microcredential Pedagogi BM

### 2.2.4 PELAKSANAAN INTERVENSI KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU SPM

### 2.2.5 PELAKSANAAN AKTIVITI KETERAMPILAN BERBAHASA MURID

**Berfokus untuk meningkatkan keterampilan berbahasa murid dan guru di samping meningkatkan tahap profesionalisme guru Bahasa Melayu terutamanya dalam bidang pedagogi dan kompetensi berbahasa**

### 2.2.1 Pelaksanaan Program Peningkatan Kompetensi Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

Di bawah aktiviti Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu, tahap penguasaan bahasa Melayu semua guru yang mengajarkan Bahasa Melayu yang diukur dengan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG). Pelaksanaan UPBMG bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecekapan berbahasa Melayu guru bagi penyediaan latihan yang bersesuaian.

#### Pemilihan Calon untuk Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru

Pada tahun 2023 sebanyak 5,902 orang calon telah mendaftar bagi menduduki UPBMG. Pelbagai promosi telah dirancang dan dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat dan tatacara pelaksanaan UPBMG kepada semua guru BM opsyen dan bukan opsyen.


Inisiatif ini telah menghasilkan draf Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) UPBMG sebagai satu arahan dan garis panduan kepada calon guru UPBMG dalam melaksanakan tugas dan perkhidmatan.

## Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru

UPBMG ditadbir setahun sekali untuk mengukur tahap penguasaan empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis melibatkan sebanyak 5,903 calon telah mendaftar bagi UPBMG, 5,227 telah hadir mengambil keseluruhan ujian tersebut.


Keputusan calon UPBMG tahun 2023 mengikut kemahiran adalah seperti yang berikut:

Eksibit 2.2: Penguasaan Kemahiran Membaca UPBMG 2023



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia


Eksibit 2.3: Pencapaian Kemahiran Bertutur UPBMG 2023



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Bagi kemahiran bertutur, bilangan calon yang mendapat skor 5.0 ke atas ialah 3,348 calon dan merangkumi 64.05 peratus daripada jumlah keseluruhan calon yang mengambil UPBMG.


Eksibit 2.4: Pencapaian Kemahiran Menulis UPBMG 2023



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Bagi kemahiran menulis, hanya 68 orang calon iaitu 1.3 peratus sahaja yang melepasi tahap skor 5.0 ke atas. Memandangkan bilangan calon yang mencapai Skor 5.0 ke atas bagi kemahiran ini amat sedikit, maka intervensi kemahiran menulis akan diberikan penekanan bagi memantapkan kemahiran guru ini.

Eksibit 2.5: Pencapaian Kemahiran Mendengar UPBMG 2023




Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Bagi kemahiran mendengar UPBMG, calon yang melepasi tahap 5.0 ialah 1,829 calon iaitu 35 peratus daripada keseluruhan calon yang mengambil ujian tersebut.



Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) bagi tahun 2023



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Berdasarkan Eksibit 2.6, data menunjukkan bilangan calon yang mencapai tahap skor 4.5 bagi kesemua kemahiran adalah yang paling tinggi iaitu 49.45 peratus berbanding dengan skor lain. Kebanyakan calon berada pada skor 4.0 (memuaskan) dan ke atas, iaitu berupaya untuk merumuskan idea berdasarkan perbincangan dan teks yang kompleks dengan menggunakan laras bahasa dan wacana secara bertatasusila seperti yang dijelaskan di dalam Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM). Langkah intervensi diambil untuk meningkatkan tahap pencapaian guru bahasa Melayu bukan opsyen ini kepada skor 5.0 ke atas.

## 2.2.2 Pelaksanaan Intervensi Kecekapan Berbahasa Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

Latihan Intervensi Kecekapan Berbahasa kepada Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen menjadi satu daripada tindak susul berdasarkan keputusan UPBMG tahun 2022.

Latihan intervensi ini telah ditawarkan kepada guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen yang tidak mencapai Tahap 5 UPBMG tahun 2022 khususnya kepada guru yang mendapat Tahap 3 dan Tahap 4. Dapatkan daripada keputusan UPBMG 2022 menunjukkan kemahiran menulis mempunyai skor yang paling rendah berbanding kemahiran lain.


Oleh itu, latihan Intervensi Kecekapan Berbahasa bagi kemahiran menulis dilaksanakan berpandukan maklumat latihan yang dibangunkan berdasarkan kompetensi berbahasa dalam KSBM.

**Latihan intervensi ini telah ditawarkan kepada guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen yang tidak mencapai Tahap 5 UPBMG tahun 2022 khususnya kepada guru yang mendapat Tahap 3 dan Tahap 4**



Standard kompetensi kemahiran menulis yang perlu dicapai oleh peserta latihan ini ialah Tahap 5 (Aras 1) KSBM. Peserta yang terlibat dilatih dengan modul latihan yang berjumlah 80 jam dan mencakupi elemen seperti yang berikut:

Eksibit 2.7: Elemen Modul Latihan Kemahiran Menulis



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Tugasan yang diberikan berbentuk e-pembelajaran di platform Google Classroom yang ditaksir dengan wajaran 10 peratus markah manakala pentaksiran akhir yang diberikan secara interaksi fizikal dinilai dengan wajaran 90 peratus. Peserta latihan intervensi dibimbing oleh Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) yang terdiri daripada pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) bidang Bahasa Melayu.

Hasil daripada latihan intervensi ini, 65 peratus peserta yang menjalani intervensi telah berjaya mencapai Tahap 5 dalam kemahiran menulis. Latihan Intervensi Guru UPBMG dilihat sebagai platform peningkatan kompetensi berbahasa guru Bahasa Melayu khususnya kepada guru bukan opsyen Bahasa Melayu daripada aliran SJKC dan SJKT.

## 2.2.3 Pemantapan Pedagogi Guru Bahasa Melayu

### Latihan Pengaplikasian Inovasi Pedagogi dalam PdP BM

Latihan Pengaplikasian Inovasi Pedagogi dalam PdP Bahasa Melayu telah dilaksanakan dengan menggunakan bahan E-Manual Pedagogi Terbeza dan Bijak BM.

Pada tahun 2023, penataran program ini telah diberikan kepada 200 guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 daripada 200 buah sekolah menengah. Pemilihan peserta berdasarkan keputusan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Bahasa Melayu SPM pada nilai 4.00 – 5.00.

Aktiviti penyebaran Pedagogi Terbeza (PT) telah dilaksanakan di semua sekolah yang terlibat. Impak daripada program ini menunjukkan 99 peratus PT telah dilaksanakan dalam PdP BM.

Program Bijak Bahasa Melayu (BBM) merupakan satu lagi program yang membantu meningkatkan pencapaian BM murid sekolah menengah yang masih berada pada tahap sederhana. Program ini juga membimbing guru BM memahami kompetensi BIJAK BM bagi membantu murid meningkat ke TP3 dari TP1 dan TP2. Guru dapat menyediakan kaedah pengajaran yang berguna dengan contoh-contoh Bijak BM yang mudah difahami oleh murid. Berdasarkan dapatan kunjung bantu bagi BIJAK BM, didapati 95 peratus guru menggunakan BIJAK BM dalam PdP di sekolah terlibat.

**Program BIJAK BM merupakan satu lagi program yang membantu meningkatkan pencapaian BM murid sekolah menengah yang masih berada pada tahap sederhana**

### Penghasilan Modul Latihan Microcredential Pedagogi BM

Fokus pembangunan modul pada tahun 2023 adalah untuk menghasilkan tiga (3) modul *microcredential* secara dalam talian iaitu:

Modul 1: Latihan Kecekapan Berbahasa Melayu UPBMG

- Kemahiran Mendengar
- Kemahiran Bertutur
- Kemahiran Membaca
- Kemahiran Menulis

Modul 2: Latihan Asas Pedagogi Terbeza (PT)

Modul 3: Latihan Asas Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu Komunikatif (PAKMK)


Pembangunan modul *microcredential* secara dalam talian ini diharapkan dapat membantu guru meningkatkan kompetensi berbahasa terutamanya bagi guru Bahasa Melayu yang akan menduduki UPBMG.

Kesemua modul yang dihasilkan ini telah dipautkan dalam Portal MANTAP BM dengan menggunakan laman sesawang Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), KPM dan boleh diakses oleh semua guru Bahasa Melayu menggunakan akaun DELIMa KPM. Modul secara dalam talian ini hanya dapat dicapai

setelah semua proses rintis, kesahan dilaksanakan dan disempurnakan pembinaan paparan *dashboard* bagi janaan data serta disepadukan dengan Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM).

Semua guru BM boleh membuat latihan sendiri sebagai persediaan peningkatan tahap profesionalisme, kecekapan dan pengetahuan bahasa Melayu mengikut aras masing-masing. Setiap kursus, komponen dan kemahiran latihan yang selesai dilaksanakan dan melepasi tahap kelayakan minimum akan mendapat lencana daripada laman latihan. Lencana tersebut melayakkan peserta kursus menuntut dua (2) jam mata kredit dalam SPLKPM.

Eksibit 2.8: Carta Alir Proses Latihan Mikro Berakreditasi Laman Latihan Portal Mantap




Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

## 2.2.4 Pelaksanaan Intervensi Kecemerlangan BM SPM

Pada tahun 2023, Program Intervensi Kecemerlangan BM SPM telah melibatkan 65,597 murid tingkatan 4 dan 5 dari 200 buah sekolah.

Eksibit 2.9: Keputusan Peratus Kepujian Bahasa Melayu SPM dari Tahun 2019-2023



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Pelaksanaan program ini bertujuan meningkatkan tahap penguasaan murid dan meningkatkan kualiti PdP guru dalam kelas serta menarik minat, minat murid. Selain itu, program ini meningkatkan keterampilan berbahasa murid khususnya dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada murid untuk berkarya dengan lebih kreatif mengikut kecerdasan pelbagai mereka.

## 2.2.5 Pelaksanaan Aktiviti Keterampilan Berbahasa Murid

Aktiviti keterampilan berbahasa murid merupakan usaha berterusan KPM untuk memastikan penguasaan bahasa Melayu murid melalui:


- i. Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMP) – Tingkatan 4
- ii. Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM) – Tingkatan 5
- iii. Bijak Bahasa Melayu (BBM) – Tingkatan 4 & 5
- iv. Pedagogi Terbeza (PT) - Tingkatan 4 & 5

Program intervensi kecemerlangan Bahasa Melayu SPM telah dilaksanakan melalui Perkampungan Bahasa BITARA sebagai satu mekanisme untuk membantu meningkatkan kecemerlangan murid dalam ujian lisan Bahasa Melayu (ULBM) SPM dan menyediakan peluang kepada murid dalam aktiviti lisan Bahasa Melayu secara bersasar serta meningkatkan keseronokan dalam aktiviti kebahasaan di luar bilik darjah. Pelaksanaan ini sejajar dengan strategi ke-10 dalam Pelan Hala Tuju Pemartabatan Bahasa Melayu (PHTPBM) iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu melalui kokurikulum.

Program ini dilaksanakan secara bersemuka pada peringkat daerah seluruh negara iaitu sebanyak 144 PPD terlibat dalam program ini dengan diselaraskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing seperti eksibit 2.9.



Eksibit 2.10: Jumlah Penyertaan Murid Mengikut JPN



Sumber: Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum



Perkampungan Bahasa di SMK Pangkal Meleret, Machang, Kelantan


Sebanyak 12,454 murid terlibat dalam Perkampungan Bahasa BITARA yang meliputi 146 buah sekolah yang berfungsi sebagai pengelola program dari setiap daerah. Sarawak ialah negeri dengan pelibatan yang paling banyak iaitu 3,020 murid.

Analisis terhadap respons berkaitan minat murid mendapati aktiviti Perkampungan Bahasa ini sememangnya dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti lisan bahasa Melayu yang dilaksanakan.

Sebanyak 15 peratus murid memberikan skor 3, 10 peratus murid skor 4 dan 75 peratus murid skor 5 yang menunjukkan skor interpretasi sangat tinggi.

Berdasarkan analisis, aktiviti yang dilaksanakan bersesuaian dengan objektif program perkampungan bahasa kerana sebanyak 55.56 peratus peserta memberikan skor 5 iaitu interpretasi sangat tinggi bagi kemahiran lisan Bahasa Melayu.

Eksibit 2.11: Peratusan Murid yang Mahir dalam Penguasaan Kemahiran Lisan



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Sebanyak 40.54 peratus murid yang terlibat memberikan skor 5 iaitu pada tahap tinggi bagi penguasaan lisan. Oleh hal yang demikian, program ini berjaya meningkatkan penguasaan bertutur dengan fasih menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat.

Eksibit 2.12: Peratusan Minat Murid dan Kesesuaian Aktiviti Mengikut Skor Interpretasi

	Skor Intepretasi		
	3	4	5
Minat Murid dalam aktiviti	15	10	75
Kesesuaian aktiviti dengan objektif program			55.56

Keseluruhannya, dengan adanya program intervensi bahasa dan keterampilan murid berbahasa Melayu telah memberi impak secara tidak langsung kepada keputusan SPM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Keputusan gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM pada tahun 2023 ialah 82.5 peratus meningkat sebanyak 1.6 peratus dari tahun 2022 (80.9 peratus).

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini terus meningkatkan keterampilan berbahasa Melayu melalui:

- 1 Peluasan Pelaksanaan KSBM kepada Guru Praperkhidmatan dan dalam Perkhidmatan
- 2 Peningkatan kompetensi guru Bahasa Melayu
  - Pengoperasian dan Pelaksanaan UPBMG
  - Pelaksanaan Latihan Peningkatan Kompetensi Guru Bahasa Melayu
  - Pelaksanaan Intervensi Kecekapan Berbahasa Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen
- 3 Peningkatan pencapaian murid dalam Bahasa Melayu
  - Pelaksanaan Intervensi Bahasa Melayu
  - Pelaksanaan Aktiviti Keterampilan Berbahasa Murid

## 2.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS

PPPM 2013-2025 telah menggariskan kerangka pembangunan transformasi sistem pendidikan yang menyeluruh berdasarkan sebelas anjakan utama. Anjakan kedua PPPM 2013 – 2025 menetapkan agar peningkatan kemahiran penguasaan semua murid dalam BI menjadi keutamaan. Setiap murid akan mengikuti pembelajaran BI daripada guru yang mempunyai kemahiran mengikut standard antarabangsa.

Bagi mencapai aspirasi anjakan kedua ini, Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris memainkan peranan penting dalam menghasilkan modal insan yang mahir berbahasa Inggeris dan meningkatkan kebolehpasaran pada peringkat global.

Pada tahun 2023, penekanan diberikan kepada peningkatan profisiensi guru dalam bahasa Inggeris dengan membekalkan sistem latihan dan sokongan yang lebih berstruktur dan berimpak untuk memastikan guru mencapai kompetensi dan tahap yang diaspirasikan. Selain itu, program yang dilaksanakan juga berfokus untuk mengupayakan guru dengan kaedah dan teknik pengajaran yang lebih berkesan dalam memastikan murid mencapai sasaran yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa iaitu Common European Framework of Reference for Languages (CEFR).

Bagi tahun 2023, fokus inisiatif ini ialah:

### 2.3.1 PENINGKATAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS MURID BERDASARKAN STANDARD PIAWAIAN ANTARABANGSA CEFR

- ✎ Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)
- ✎ Program Pemulihan Highly Immersive Programme (HIP)
- ✎ Dual Language Programme (DLP)

### 2.3.2 PENINGKATAN PROFISIENSI GURU OPSYEN BAHASA INGGERIS UNTUK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM CEFR C1

- ✎ Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)

**Program ini telah berjaya mengupaya pegawai SISC+ untuk membimbing guru dengan lebih berkesan berdasarkan kepada kaedah pedagogi melalui pendekatan berasaskan data**

### 2.3.1 Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid Berdasarkan Standard Piawaian Antarabangsa CEFR

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dan Dual Language Programme (DLP) menggunakan pencapaian berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia mengikut tahap CEFR B1, manakala bagi program HIP Remedial Instruction, pencapaian yang digunakan ialah CEFR A1.

#### Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

PPKBIS ialah satu program yang memberikan pendedahan kepada para guru berkenaan satu kaedah pedagogi yang mampu menghasilkan impak positif dalam meningkatkan kemahiran penulisan murid bagi kertas mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM. Kumpulan sasaran bagi kumpulan ini adalah guru daripada sekolah hotspot iaitu sekolah yang mana pencapaian CEFR B1 adalah 50% dan ke bawah bagi SPM 2022.

Pada tahun 2023, sebanyak 105 guru daripada sekolah *hotspot* diberi latihan dan bimbingan melalui School Support Plan yang dilaksanakan secara bersemuka dalam dua fasa. Pada fasa pertama, guru telah diberi pendedahan berkenaan proses yang perlu dilalui menerusi kaedah pedagogi berdasarkan kepada pendekatan berasaskan data. Pada fasa ini juga guru perlu merancang dan melengkapkan empat intervensi berdasarkan kepada kelemahan murid yang telah dikenal pasti melalui skrip penulisan murid. Intervensi ini perlu dilaksanakan dalam tempoh enam minggu dan selesai sebelum guru menghadiri fasa kedua. Pada fasa kedua, guru didedahkan dengan analisis perbandingan ujian pra dan pasca seterusnya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan intervensi yang dilaksanakan.


Kekuatan program ini terletak kepada dua (2) elemen iaitu pertama, pengupayaan pegawai SISC+ untuk membimbing guru dengan lebih berkesan semasa tempoh pelaksanaan intervensi. Kedua, latihan diberikan secara kaedah *hands-on* di mana ianya membolehkan guru Bahasa Inggeris untuk:

- i. mengenal pasti kelemahan murid berdasarkan hasil penulisan murid;
- ii. menganalisis dan mentafsir data daripada hasil penulisan murid;
- iii. membangunkan dan melaksanakan program intervensi yang sesuai untuk mengatasi masalah pembelajaran murid;
- iv. membantu guru mentafsir dan menilai penulisan murid dengan lebih tepat dan efektif berdasarkan tahap penguasaan CEFR berpandukan aplikasi penulisan yang sedia guna secara dalam talian; dan
- v. membantu guru menghasilkan satu laporan lengkap beserta pelaksanaan intervensi sepanjang program ini agar boleh dikumpulkan sebagai rujukan dan repositori program ini.


Satu lagi keberhasilan program ini ialah penerbitan buku *Teacher's Initiative: Best Practices* hasil daripada pelaksanaan PPKBIS tahun 2023. Intervensi terbaik yang dilaksanakan oleh guru telah dipilih dan diterbitkan sebagai nilai tambah dan perkongsian amalan terbaik bersama guru lain di seluruh Malaysia.

Secara keseluruhan, PPKBIS bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid sekolah *hotspot* dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM sebagaimana yang ditunjukkan di Eksibit 2.13 bagi tahun 2021 hingga 2023 tetapi juga program ini menjadi nilai tambah bagi pembangunan profesionalisme guru dan juga pegawai SISC+ yang terlibat.

Eksibit 2.13: Peratus Murid Sekolah Hotspot yang Mencapai Tahap CEFR B1 dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris SPM



Sumber: Lembaga Peperiksaan



Buku 'Best Practices:Teacher's Initiative from PPKBIS 2022' yang merangkumi 15 amalan intervensi terbaik daripada guru

## Highly Immersive Programme (HIP) Remedial Instruction (RI)

Program Highly Immersive Programme (HIP) Remedial Instruction (RI) yang merupakan salah satu cabang kepada HIP telah diperkenalkan pada tahun 2023 di seluruh Malaysia. Program ini menyediakan guru dengan kemahiran untuk melaksanakan strategi pemulihan kepada murid Tahun 4 yang belum mencapai tahap CEFR A1. Program ini menyokong pelaksanaan PLaN. Hal ini membolehkan murid yang masih belum menguasai tahap minimum BI untuk meningkatkan penguasaan mereka melalui bimbingan daripada guru.



Sebanyak 1,220 guru BI Tahun 4 telah dilatih untuk melaksanakan intervensi pemulihan dan 43 SISC+ turut menerima latihan sebagai jurulatih dan mentor. Eksibit 2.14 menunjukkan jumlah guru yang terlibat, bilangan guru yang telah menerima bimbingan dalam pelaksanaan intervensi sewaktu PdP dan SISC+ yang telah dilatih mengikut negeri masing-masing.

Eksibit 2.14: Pelaksanaan HIP RI Tahun 2023

Bil	Negeri	Bilangan Guru Dilatih	Bilangan Guru Yang Dibimbing Sewaktu PdP	Bilangan SISC+ Dilatih pada tahun 2023/2024
1	Perlis	18	16	1
2	Kedah	69	24	4
3	Pulau Pinang	24	16	3
4	Kelantan	51	16	3
5	Terengganu	44	13	2
6	Pahang	82	24	4
7	Perak	117	24	4
8	Selangor	74	24	2
9	Negeri Sembilan	36	8	-
10	Melaka	24	8	1
11	Johor	84	16	4
12	WP Kuala Lumpur	12	8	2
13	WP Labuan	7	-	-
14	Sarawak	335	30	8
15	Sabah	243	37	5
<b>Jumlah</b>		<b>1220</b>	<b>264</b>	<b>43</b>

Sumber: English Language Teaching Centre

Berdasarkan intervensi yang dilaksanakan untuk 13,029 murid tahun 4 dari April sehingga Oktober 2023, seramai 3,903 telah berjaya meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris daripada CEFR A1 Low kepada CEFR A1 High.

**Seramai 1,220 guru Bahasa Inggeris Tahun 4 telah dilatih untuk melaksanakan intervensi pemulihan dan 43 SISC+ turut menerima latihan sebagai jurulatih dan mentor program pemulihan**



Murid menjalani aktiviti intervensi oleh guru di bawah bimbingan SISC+

## Dual Language Programme (DLP)

DLP merupakan program PdP mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang layak berdasarkan permohonan sekolah yang telah menepati kriteria yang ditetapkan dalam garis panduan yang sedang berkuat kuasa. Latihan sokongan bagi meningkatkan kompetensi pedagogi dan kemahiran serta keupayaan bahasa Inggeris ditawarkan dalam usaha membantu guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan PdP dengan berkesan. Selain itu, bahan sokongan DLP bagi mata pelajaran Matematik untuk murid Tahun 6 juga dihasilkan.

Skop latihan yang disediakan kepada guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP merangkumi latihan peningkatan kompetensi pedagogi isi kandungan Sains dan Matematik, kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris bagi isi kandungan Sains dan Matematik.

Bagi tahun 2023, sebanyak 126 guru Sains dan matematik telah dilatih untuk kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris manakala kursus peningkatan kompetensi pedagogi isi kandungan melibatkan 130 guru Sains dan Matematik.

Eksibit 2.15: Pencapaian Murid yang Mengikuti DLP dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris SPM

Tahun	Gred SPM (A – E)	Tahap CEFR (B1 ke atas)
2021	96.8	87.5
2022	97	84.2
2023	97	85.1

Sumber: Lembaga Peperiksaan

Hasil daripada latihan sokongan yang diberikan, Eksibit 2.15 menunjukkan peratus pencapaian murid yang mengikuti kelas DLP dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM.



Guru dilatih dari aspek kemahiran bahasa instruksional dalam Kursus Improve with DLP

## 2.3.2 Peningkatan Profisiensi Guru Opsyen Bahasa Inggeris untuk Mencapai Tahap Penguasaan Minimum CEFR C1

### Professional Up-Skilling of English Language Teachers (PRO-ELT)

Selaras hasrat PPPM 2013-2025 dan The Roadmap 2015-2025, semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) opsyen BI perlu berada pada tahap penguasaan minimum CEFR C1. Oleh itu, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2020: Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Berdasarkan Piawaian CEFR dalam kalangan PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM menyatakan bahawa semua PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pendidik murid (guru) di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej tingkatan enam (KTE), kolej vokasional, dan kolej matrikulasi perlu mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1. Perkara 5 dalam Garis Panduan SPI Bilangan 1 Tahun 2020 telah menyarankan semua PPP opsyen BI yang belum mencapai tahap CEFR C1 perlu menduduki ujian penguasaan BI bermula tahun 2019 untuk mencapai tahap CEFR yang ditetapkan.

Berdasarkan hal tersebut, KPM melalui English Language Teaching Centre (ELTC) telah melaksanakan kursus latihan Pro-ELT untuk memastikan guru opsyen BI mencapai tahap penguasaan CEFR C1. Kursus ini telah diluluskan dalam Mesyuarat JKK MBI Bil.13/2012 pada 4 Julai 2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Pro-ELT merupakan sub-NKRA Bahasa Inggeris di bawah Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme, GTP) versi 2.0 dan telah dimulakan pada tahun 2013.

Sehingga tahun 2023, sebanyak 33,894 daripada 47,546 guru telah dilatih. Latihan Pro-ELT Enhance dilaksanakan mulai bulan April 2022 sehingga September 2023.

Eksibit 2.16: Pencapaian Guru Opsyen BI yang Mencapai Tahap Minimum CEFR C1

Tahun	Guru opsyen BI yang mencapai tahap minimum CEFR C1		Jumlah guru yang telah menduduki ujian profisiensi BI
	Bilangan	Peratus	
2019	15,593	62%	25,129
2020	17,191	52.6%	32,712
2021	18,878	49.89%	37,843
2022	18,066	49.53%	36,473
2023	19,485	52.78%	37,090

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 2.16 menunjukkan peratus guru opsyen BI yang telah mencapai tahap yang diaspirasikan. Peratus pencapaian tahap CEFR C1/C2 pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022. Kursus latihan sokongan dan komitmen guru opsyen BI semasa kursus tersebut telah membantu mereka untuk mencapai tahap penguasaan BI CEFR C1/C2. Pada tahun 2024, pihak ELTC akan menyasarkan tambahan 8000 guru opsyen BI untuk menerima latihan dan menduduki ujian profisiensi BI supaya mencapai tahap penguasaan CEFR C1/C2.



Guru menjalani bengkel dengan bimbingan fasilitator yang telah dilatih oleh ELTC



Modul Interaktif Pro-ELT Enhance di Laman Sesawang  
<http://eltc.edu.my>

Bagi guru yang belum mencapai tahap profisiensi yang ditetapkan, akses kepada bahan sokongan dalam bentuk modul interaktif dalam talian dibekalkan agar latihan pengukuhan dapat diteruskan. Selain itu, bimbingan daripada fasilitator terlatih dan pelaksanaan bengkel persediaan ujian secara bersemuka akan dilaksanakan untuk memastikan guru yang terlibat dibekalkan dengan teknik menjawab yang dapat membantu mereka mencapai tahap yang dihasratkan. Guru ini juga dinasihatkan untuk memperbaiki skor komponen ujian yang berkaitan melalui perkhidmatan 'patching' yang disediakan oleh pembekal ujian bagi membolehkan mereka mencapai tahap yang disasarkan.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini akan memberikan tumpuan kepada:

- 1 250 buah sekolah *hotspot* akan dikenal pasti. Guru BI daripada sekolah tersebut akan diupayakan melalui latihan intensif oleh SISC+ di setiap negeri untuk mengenal pasti isu dalam aspek penulisan BI murid menengah atas, menganalisis isu tersebut dan merangka intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid.
- 2 Program Pemulihan HIP akan diperluas kepada 2500 guru BI Tahun 4 dan menyasarkan 40 peratus daripada murid yang terlibat dengan program akan berada/mencapai tahap CEFR A1.
- 3 DLP menyasarkan latihan sokongan dalam aspek isi kandungan dan bahasa Inggeris kepada 360 guru Sains dan Matematik yang mengajar di sekolah yang menawarkan DLP di enam (6) zon iaitu Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Selain itu, dua bahan digital sokongan pembelajaran murid mata pelajaran DLP Matematik dan DLP Sains Tingkatan 4 akan dihasilkan bagi menyokong pembelajaran murid yang mengikuti DLP.
- 4 8,000 guru BI dilatih melalui program Pro-ELT Enhance bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam BI.



## 2.4 PENGAJARAN BAHASA TAMBAHAN DI SEKOLAH MENENGAH

Pengajaran bahasa tambahan di sekolah menengah dilaksanakan dengan hasrat agar murid menguasai kemahiran bahasa tambahan di samping bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa ibunda yang lain. Visi inisiatif ini adalah untuk memastikan murid mencapai tahap *independent proficiency* dalam bahasa tambahan.

Bahasa tambahan yang dimaksudkan ialah bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Korea. Murid boleh memilih satu daripada bahasa-bahasa ini dan mempelajarinya di sekolah menengah bermula dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Pada tahun 2023 fokus inisiatif ini adalah untuk memastikan murid yang mempelajari bahasa tambahan mencapai tahap *independent proficiency* atau berada sekurang-kurangnya pada Tahap 3 dalam PBD berdasarkan aktiviti yang berikut:

### 2.4.1 BIMBINGAN KEPADA GURU BAHASA ANTARABANGSA

### 2.4.2 PENYEDIAAN BAHAN SOKONGAN BAHASA ANTARABANGSA


### 2.4.3 PENGANJURAN PROGRAM BERSAMA AGENSI ANTARABANGSA

### 2.4.4 PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN

### 2.4.1 Bimbingan kepada Guru Bahasa Antarabangsa

KPM berusaha mencapai hasrat agar murid-murid di negara ini mampu menguasai pelbagai bahasa. Bagi memenuhi hasrat ini penawaran mata pelajaran bahasa antarabangsa dilaksanakan di sekolah menengah seluruh negara yang terpilih.

Eksibit 2.17: Bilangan Jenis Sekolah yang Menawarkan Mata Pelajaran Bahasa Antarabangsa Pada Tahun 2023




Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Mata pelajaran bahasa antarabangsa diajar oleh guru tempatan yang berkelayakan dalam bahasa tersebut. Mata pelajaran bahasa Korea pula diajar oleh guru tempatan bersama-sama dengan guru penutur jati warganegara Korea. Jumlah guru mata pelajaran bahasa Jepun ialah 133 orang, guru bahasa Perancis ialah 116 orang, guru bahasa Jerman ialah 77 orang dan guru bahasa Korea ialah 24 orang. Guru penutur jati yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Korea sebanyak 10 orang. Guru penutur jati ini dihantar ke sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Korea di bawah Program Korean Volunteers Teacher (KVT).

Pengajaran mata pelajaran bahasa antarabangsa ini berdasarkan DSKP yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Bagi tujuan meningkatkan kompetensi guru dalam menyampaikan PdP, bimbingan secara bersasar dilaksanakan. Bimbingan ini bukan sahaja bertujuan untuk memastikan semua guru memahami kandungan kurikulum yang perlu disampaikan malah bimbingan juga bertujuan agar guru dapat memastikan kaedah yang digunakan dalam PdP adalah berkesan dan memberi impak yang tinggi. Berikut ialah jumlah guru yang telah menerima bimbingan secara bersasar ini bermula tahun 2019 sehingga 2023.

Eksibit 2.18 Bilangan Guru Bahasa Antarabangsa yang Telah Menerima Bimbingan



\* Pada tahun 2020 bimbingan secara bersasar tidak dilaksanakan.

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

## 2.4.2 Penyediaan Bahan Sokongan Bahasa Antarabangsa

Bagi membantu guru bahasa antarabangsa menyampaikan PdP dengan lebih berkesan, KPM telah menyediakan pelbagai bahan sokongan yang boleh diakses melalui SumberKu. Bahan tersebut dibina berdasarkan 4 kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bahan tersebut juga disediakan mengikut tahap dan keupayaan murid pada pelbagai peringkat.

Pada tahun 2023, KPM telah berjaya menyediakan bahan audio untuk digunakan dalam PdP bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Korea. Bahan ini disediakan berdasarkan DSKP bagi membantu guru mengajarkan kemahiran mendengar dengan lebih mudah dan berkesan. Antara bahan audio yang telah dihasilkan ialah, On Ecoute bagi mata pelajaran Bahasa Perancis, Choukai Renshuu bagi mata pelajaran Bahasa Jepun dan Horen, horen, horen! bagi mata pelajaran Bahasa Jerman.



On Ecoute

Choukai Renshuu

Horen, horen, horen!

## 2.4.3 Penganjuran Program Bersama-sama Agensi Antarabangsa

KPM telah menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi antarabangsa melalui program seperti Nihongo Partners (NP), Program Franco Tour, PASCH-Schulen dan KVT yang melibatkan komunikasi murid bersama-sama penutur jati bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Korea.

Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 ialah:

### I. Program Nihongo Partner dengan kerjasama The Japan Foundation



Melalui program ini, pada tahun 2023, 15 penutur jati dalam kalangan sukarelawan dari negara Jepun telah ditempatkan di 15 buah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Jepun sebagai pembantu guru bagi membantu guru bahasa Jepun tempatan mengajarkan budaya dan bahasa Jepun kepada murid. Pelbagai aktiviti turut diaturkan sepanjang penempatan sukarelawan ini selama lapan (8) bulan berada di sekolah yang terlibat. Program ini memberikan impak yang tinggi terhadap minat dan penguasaan murid dalam bahasa sasaran.

### II. Program Korean Volunteer Teachers dengan kerjasama Kerajaan Republik of Korea

Melalui program ini, pada tahun 2023, 10 guru penutur jati dari negara Korea telah ditempatkan di 10 buah sekolah yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Korea bersama-sama dengan guru bahasa Korea tempatan.



### III. Franco Tour bersama-sama Organisasi Antarabangsa Francophonie



Program ini dijalankan pada setiap tahun sepanjang bulan Mei oleh Kedutaan Perancis di Malaysia. Pada tahun 2023, pihak Kedutaan Perancis telah bekerjasama dengan 8 kedutaan negara anggota Organisasi Antarabangsa Francophonie (Organisation Internationale de la Francophonie) iaitu Perancis, Belgium, Guinea, Mexico, Senegal, Switzerland, Ukraine dan Uruguay. Matlamat program ini diadakan adalah untuk mempromosikan kepelbagaian budaya negara anggota pertubuhan dan penyebaran bahasa Perancis di Malaysia. Program ini dijalankan sepanjang bulan Mei di beberapa buah negeri termasuk Labuan, Sabah dan Sarawak. Tenaga pengajar dan murid-murid dari sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Perancis dilibatkan dalam pelbagai aktiviti seperti tayangan filem Perancis di TGV Cinemas dan GSC, program Hari Kebudayaan Perancis, Pesta Makanan Francophonie, sehari bersama-sama diplomat Pertubuhan Francophonie serta pertandingan kreativiti murid.

### IV. Jomfrancais - La journée de theatre kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Persatuan Pengajar Bahasa Perancis Malaysia (AMPF) dengan Kedutaan Perancis

Salah satu program untuk memberikan peluang kepada murid menggunakan kemahiran berbahasa Perancis. Pertandingan teater dalam bahasa Perancis telah dijalankan pada 16 November 2023 di IPG Kampus Bahasa Antarabangsa untuk semua sekolah di bawah KPM yang menawarkan mata Pelajaran Bahasa Perancis. Aktiviti ini



merupakan kendalian Kedutaan Perancis bersama IPG Kampus Bahasa Antarabangsa dan Persatuan Pengajar Bahasa Perancis Malaysia. Sebanyak 10 sekolah layak mempertandingkan teater mereka pada peringkat akhir. Teater berdasarkan filem-filem arahan seniman P.Ramlee dan disampaikan dalam bahasa Perancis. Program seharian ini telah menobatkan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Jempol sebagai juara teater bagi tahun 2023 dengan tajuk "Ali Baba et 6 voleurs".

#### V. Program PASCH Schulen dengan kerjasama Goethe Institut Kuala Lumpur




Schools: Partner for the Future (PASCH) merupakan satu program untuk menarik minat murid dan guru untuk mendapatkan pengalaman belajar bahasa dan kebudayaan Jerman dengan lebih berkesan. Melalui program ini, pihak Goethe Institut membekalkan buku, peralatan multimedia dan pelbagai alatan atau bahan bantu mengajar untuk sekolah- sekolah yang terlibat. Setakat tahun 2023, terdapat lima (5) buah sekolah yang telah terpilih iaitu Sekolah Menengah Sains (SMS) Sultan Iskandar, Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn, SMK Damansara Utama dan SMK Chung Ling. Murid- murid dari sekolah- sekolah ini juga berpeluang mengikuti aktiviti yang dijalankan bersama dengan penutur jati bahasa Jerman di Malaysia dan juga murid-murid lain dari pelbagai negara yang terlibat dengan program PASCH. Mereka juga berpeluang untuk mengikuti kursus bahasa yang ditaja sepenuhnya di negara Jerman.

### 2.4.4 Pentaksiran dan Penilaian

Pada setiap akhir tahun persekolahan, murid-murid yang mempelajari bahasa antarabangsa akan ditaksir melalui PBD oleh guru mata pelajaran berkenaan dan mereka yang berminat boleh menduduki pentaksiran pusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan peperiksaan antarabangsa oleh agensi antarabangsa yang berkaitan. Berikut adalah perincian keputusan akhir tahun pencapaian murid mata pelajaran bahasa antarabangsa dalam PBD yang telah mencapai tahap *independent proficiency* mengikut mata pelajaran berkenaan.

Eksibit 2.19: Peratus Murid yang Mencapai Tahap 3 dan ke Atas dalam PBD Akhir Tahun 2022 dan 2023



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum



Data menunjukkan peningkatan peratus murid yang mencapai sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam PBD bagi mata pelajaran Bahasa Jepun dan Bahasa Jerman. Terdapat penurunan peratus murid yang mencapai Tahap 3 dan ke atas dalam mata pelajaran Bahasa Korea dan Bahasa Perancis.

Beberapa intervensi telah diambil bagi menangani isu ketiadaan rekod pencapaian murid, antaranya menghubungi pihak sekolah agar mereka memastikan data direkodkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Guru juga telah dimaklumkan agar menggalakkan murid menduduki peperiksaan pusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan supaya pencapaian murid dapat diukur melalui data peperiksaan pusat dan bukan semata-mata bergantung pada data PBD.

Peperiksaan pusat yang boleh diduduki oleh murid dan dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan serta peperiksaan antarabangsa adalah seperti Eksibit 2.20.

Eksibit 2.20 : Peperiksaan Pusat yang Boleh Diduduki oleh Murid

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA)	Diplôme d'étude Langue Française (DELFL)	Japanese Language Proficiency Test	Fit für Deutsch	Test of Proficiency In Korean
<b>Anjuran</b>	<b>Anjuran</b>	<b>Anjuran</b>	<b>Anjuran</b>	<b>Anjuran</b>
Lembaga Peperiksaan	Lembaga Peperiksaan dan Alliance Française	Japan Foundation	Goethe Institut	Saejong Institute, UKM

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, fokus inisiatif ini adalah untuk membangunkan profesionalisme guru secara berterusan dan meneruskan bimbingan kepada guru bahasa antarabangsa. Antara program peningkatan profesionalisme guru yang akan dilaksanakan ialah kursus peningkatan didaktik/pedagogi, program 'Master' dan 'Doctorat' tajaan Kerajaan Perancis melalui Campus France untuk pengajar-pengajar bahasa Perancis melanjutkan pelajaran dalam bidang didaktik bahasa Perancis di universiti negara tersebut.

Disamping itu juga, guru bahasa Perancis diberikan kursus untuk mendapat tauliah sebagai pemeriksa dan juri peperiksaan antarabangsa bahasa Perancis Diplôme d'étude Langue Française (DELFL). Kursus dijalankan oleh wakil dari France Education International, Kementerian Pendidikan Kebangsaan Perancis di Paris dengan kerjasama Kedutaan Perancis, Alliance Française dan Lembaga Peperiksaan KPM. Sijil pengiktirafan sebagai pemeriksa dan juri yang bertempoh selama lima tahun diberikan setelah mereka berjaya lulus dalam ujian sebagai juri dan pemeriksa dan melayakkan tenaga pengajar tersebut untuk mengendalikan ujian lisan di pusat peperiksaan DELFL Scolaire dan memeriksa skrip jawapan peperiksaan DELFL Scolaire.

Penganjuran program bersama-sama agensi antarabangsa akan diadakan bagi meluaskan peluang murid mendapat pengalaman menggunakan bahasa sasaran di luar bilik darjah.

# KISAH INSPIRASI

Inisiatif ini turut disokong oleh pihak kerajaan asing (Jepun, Perancis, Jerman, Korea) yang banyak memberi peluang kepada murid dan guru dalam meningkatkan penguasaan bahasa sasaran melalui pelbagai program. Antara program yang dianjurkan secara berterusan bersama-sama KPM adalah pertandingan pada peringkat antarabangsa (speech contest), program lawatan sambil belajar ke luar negara (Youth Japanese Speaker Forum, International Korean Education Youth Camp), program sekolah angkat, Aktiviti Francophonie - Franco Tour, Program Terjemahan Lagenda Mahsuri Bahasa Perancis, Program Penulisan Komik Bahasa Perancis, Program Biasiswa Murid ke Jerman selama 4 minggu, kelas intensif dan kursus jangka pendek untuk guru di luar negara.

## Pencapaian murid

1. Murid bernama **Nur Umairah Syahmina binti Fadhli** dari **SMK Puteri Titiwangsa, Kuala Lumpur** telah berjaya memenangi pertandingan video pendek anjuran Goethe Institut Kuala Lumpur dan mendapat tajaan hadiah mengikuti International Award Programme selama empat minggu pada 22 Ogos hingga 19 September 2023 di Berlin, Jerman.



2. Bagi peperiksaan antarabangsa DELF Scolaire 2023, murid bernama **Nureen Afanin binti Khairol Amali** ialah calon 20 terbaik bagi tahap B1 dan **Husna Aleeya binti Ikram Shah** calon 20 terbaik tahap A1. Kedua-duanya merupakan murid **SMS Batu Pahat, Johor**.



"Pada mulanya, saya agak ragu-ragu untuk meneruskan peperiksaan DELF B1 kerana kekangan masa untuk mengulangkaji pelajaran memandangkan saya juga sibuk dengan kelas tambahan SPM. Namun, atas nasihat dan sokongan oleh ibu bapa dan guru saya, saya berjaya menghadapi peperiksaan DELF dengan baik. Malah saya agak terkejut apabila dianugerahkan dengan Anugerah Murid Terbaik DELF B1 di Malaysia dengan markah yang cemerlang. Saya gembira kerana dapat menjadi kebanggaan ibu bapa, guru dan sekolah", Nureen Afanin binti Khairol Amali.

"Saya tidak sangka apabila saya berjaya memperoleh markah sebanyak 96 peratus sekaligus berjaya mendapat anugerah Murid Terbaik DELF A1 di Malaysia. Ini adalah kali pertama saya menduduki peperiksaan antarabangsa DELF pada usia 14 tahun (Tingkatan 2). Kejayaan ini semestinya menjadi penyuntik semangat untuk saya meneruskan peperiksaan antarabangsa DELF ke level seterusnya", kata Husna Aleeya binti Ikram Shah.



3. Kursus Didactic & Linguistic, Angers, Perancis Kedutaan Perancis telah membiayai 13 orang guru Bahasa Perancis KPM untuk mengikuti kursus pementapan bahasa Perancis selama sebulan dari 26 November hingga 26 Disember 2023 di Centre International d'Etudes Francaises (CIDEF) dan Atelier Canopé di Angers, Perancis. "Kami bertuah kerana terpilih untuk mengikuti kursus ini. Kami berkesempatan untuk mengaplikasikan sepenuhnya kemahiran bahasa kerana perlu berkomunikasi dengan para pensyarah dan rakan-rakan kursus lain, yang rata-rata merupakan penutur jati", menurut Maya dari SBPI Sabak Bernam. Nur Fadly dari Sekolah Tun Fatimah juga menambah, "kami juga mempelajari cara-cara untuk menjadikan kelas kami lebih menarik dengan menggunakan permainan yang berunsurkan kebudayaan Perancis. Sebelum ini, kami tidak yakin untuk mengadakan aktiviti permainan di kelas kerana risau pelajar kami tidak mampu untuk memahami objektif pembelajaran yang ingin dicapai melalui bahasa Perancis. Namun, pensyarah telah menunjukkan pelbagai cara untuk memudahkan sesuatu permainan agar sesuai dengan laras pemahaman murid". "Kami berharap agar ilmu dan kemahiran yang kami dapat sepanjang kursus ini boleh diaplikasikan di dalam PdP kami, seterusnya meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari bahasa asing. Hal ini selari dengan hasrat kerajaan dalam anjakan ke-2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, untuk membantu murid menyertai tenaga kerja global melalui penguasaan bahasa tambahan", ujar Sofia dari SMK Bukit Saujana.

## 2.5 PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Inisiatif Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad Ke-21 diwujudkan bagi memantapkan keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan KBAT dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta mencipta sesuatu. Inisiatif ini juga berhasrat untuk meningkatkan keupayaan murid bagi menduduki pentaksiran peringkat antarabangsa, memantapkan kompetensi guru dan pentadbir sekolah dalam membudayakan KBAT serta memperkasakan JPN, PPD dalam pembudayaan KBAT melalui pelestarian keupayaan tadbir urus sendiri.

Pembudayaan KBAT berfokus kepada usaha dalam meningkatkan kompetensi guru untuk mencapai tahap cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT dan meningkatkan penguasaan murid dalam literasi Sains, Matematik, Bacaan dan Kewangan selari kehendak global. Usaha ini akan melonjakkan kedudukan negara pada kedudukan satu pertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa menjelang tahun 2025.

Bagi tahun 2023, fokus inisiatif ini ialah:

### 2.5.1 PENINGKATAN KOMPETENSI GURU DALAM MEMBINA ITEM KBAT SETARA DENGAN ITEM PENTAKSIRAN ANTARABANGSA

- ✎ Latihan Pembinaan Item KBAT Melalui Bengkel Pemugaran KBAT Melibatkan 60 Orang JU Kebangsaan
- ✎ Bengkel Perealisasian Item Berfikir Aras Tinggi

### 2.5.2 PENINGKATAN AMALAN PENDEKATAN PDP GURU YANG MEMBUDAYAKAN KBAT

- ✎ Penataran Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT Kepada semua Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran dan Penyelaras KBAT di sekolah
- ✎ Semua Sekolah Menerima Sekurang-Kurangnya Tiga Kali Bimbingan Berkaitan PdP yang Mendorong Minda Murid
- ✎ Program Pembangunan Kandungan Digital Animasi

### 2.5.3 PENINGKATAN KOMPETENSI MURID DALAM MENJAWAB SOALAN ARAS TINGGI BERASASKAN KOMPUTER

- ✎ Pembinaan Modul Interaktif Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) 2023 untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah
- ✎ Pencapaian dalam PKL Sainifik, Matematik, Bacaan dan Kewangan 2023

### 2.5.4 PENINGKATAN KEUPAYAAN MURID DALAM PENTAKSIRAN ANTARABANGSA

**Inisiatif Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad Ke-21 diwujudkan bagi memantapkan keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan KBAT dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta mencipta sesuatu**



## 2.5.1 Peningkatan Kompetensi Guru dalam Membina Item KBAT Setara dengan Item Pentaksiran Antarabangsa

### Latihan Pembinaan Item KBAT Melalui Bengkel Pemugaran KBAT

Bengkel Pemugaran KBAT telah dilaksanakan daripada Mac hingga Mei 2023 untuk meningkatkan kompetensi guru dalam membina item KBAT setara dengan item pentaksiran antarabangsa.



*Bengkel Pemugaran KBAT*

Buku Panduan Pembinaan Item KBAT telah dihasilkan dan diedarkan kepada semua sekolah rendah dan menengah untuk membantu guru dalam penghasilan item KBAT. Buku panduan ini juga digunakan sebagai bahan untuk melatih 60 JU Kebangsaan dalam Bengkel Pemugaran KBAT.

### Bengkel Peralaksanaan Item Berfikir Aras Tinggi

Bengkel Peralaksanaan Item Berfikir Aras Tinggi telah diadakan pada Jun hingga Oktober 2023 melibatkan 707 guru bagi mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seluruh Malaysia.

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada guru mengenai prinsip pentaksiran, prinsip pembinaan dan penilaian item memantapkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran.

Hasilnya, 500 item pentaksiran bagi Literasi Bacaan, Matematik, Kewangan dan Sainifik berdasarkan prinsip pembinaan item bagi sekolah rendah dan sekolah menengah selesai dihasilkan. Item KBAT yang dibina telah dipilih dan dimasukkan dalam PKL bagi tahun 2023.



*Bengkel Peralaksanaan Item Berfikir Aras Tinggi*



## 2.5.2 Peningkatan Amalan Pendekatan PdP Guru Yang Membudayakan KBAT

### Penataran Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT kepada semua Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran dan Penyelaras KBAT di sekolah

Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT dalam PdP (ISPPK) digunakan oleh semua Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran dan Penyelaras KBAT untuk menilai keberkesanan pembudayaan KBAT di sekolah seluruh Malaysia.

Sejumlah 302,905 guru telah dinilai menggunakan ISPPK tersebut dan 98.65 peratus guru mencapai tahap baik dan cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT jika dibandingkan pada tahun 2022 iaitu 96.28 peratus. Manakala bagi tahun 2023, 53.57 peratus guru mencapai tahap cemerlang berbanding pada tahun 2022 hanya 43.35 peratus.

Hal ini menunjukkan bahawa intervensi dalam inisiatif telah berjaya meningkatkan amalan pembudayaan KBAT bagi tahun 2023. Oleh hal yang demikian, bagi tahun 2024, bimbingan terhadap 100 sekolah yang masih belum mencapai tahap minimum akan diteruskan oleh JPN.


### Semua sekolah menerima sekurang-kurangnya tiga kali bimbingan berkaitan PdP yang mendorong minda murid

Penataran ISPPK KBAT kepada Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran dan Penyelaras KBAT di sekolah secara bersasar telah dilaksanakan bermula Mei sehingga Jun 2023.

Program ini melibatkan tiga Bengkel Kerja ToT kepada Pegawai KBAT JPN, Pegawai Unit Pembangunan Bakat Murid JPN, School Improvement Partner Plus (SIP+), SISC+ dan Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) KBAT di setiap zon.

Hasil daripada siri bengkel tersebut, setiap JPN telah menghasilkan pelan tindakan untuk penataran ISPPK pada peringkat PPD dan sekolah terpilih. Penataran ISPPK pada peringkat daerah dan sekolah berakhir pada 31 Oktober 2023. Sebanyak 11 JPN telah berjaya melaksanakan penataran ISPPK sepenuhnya, manakala penataran oleh lima JPN yang tidak dapat menyelesaikan penataran pada tahun 2023 dan akan diteruskan pada tahun 2024.

Eksibit 2.21: Peratusan Sekolah yang Menerima Penataran Mengikut Negeri



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

## Program Pembangunan Kandungan Digital Animasi

Program Pembangunan Kandungan Digital Animasi bertujuan untuk memupuk kemenjadian dan kreativiti murid. Melalui program ini juga, murid menyelesaikan cabaran yang diberikan dengan mengintegrasikan pelbagai aplikasi Apple seperti iMovie, Pages, Keynote, Clips dan Garageband. Program ini telah mendapat kerjasama strategik Universiti Multimedia (MMU) Kampus Cyberjaya dan Apple Education Malaysia.

Sebanyak 300 murid dari kesemua sekolah berasrama penuh (SBP) dilibatkan dalam program ini dan sebanyak 10 sekolah telah berjaya menghasilkan bahan digital yang diiktiraf terbaik oleh panel juri profesional dalam Majlis Penyampaian Anugerah Bahan Digital Animasi pada 6 Oktober 2023.

Program ini terbukti menjadi satu platform kepada murid untuk membina kemahiran seperti berkolaboratif dengan rakan-rakan serta mencipta dan berinovasi selain berupaya menonjolkan kebolehan dan bakat seni murid dalam membuat filem pendek menggunakan pelbagai aplikasi.



*Program Pembangunan Kandungan Digital dan Animasi*

## 2.5.3 Peningkatan Kompetensi Murid dalam Menjawab Soalan Aras Tinggi Berasaskan Komputer

### Pembinaan Modul Interaktif Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) 2023 untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah

Modul Interaktif Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) dibina dengan tujuan untuk menilai tahap pengetahuan, kebolehan, dan kemahiran individu dalam sesuatu bidang atau domain tertentu. Dalam konteks literasi, objektif pentaksiran adalah untuk mengukur kemampuan individu untuk memahami, menginterpretasikan dan menggunakan maklumat secara berkesan dalam pelbagai konteks.

Selain itu, Modul Interaktif PKL dihasilkan untuk meningkatkan kemahiran murid menjawab item KBAT dan sebagai persediaan untuk guru menyediakan murid bagi menghadapi pentaksiran antarabangsa seperti Trend In Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA). Selain itu, modul ini juga diharap dapat membiasakan murid dengan item bertaraf antarabangsa dan menjadi rujukan kepada guru dengan item mengikut domain kognitif.

Modul Interaktif PKL pada tahun 2023 dibina dengan menggunakan aplikasi Jotform dan Google Form yang boleh diakses melalui Google Site PKL <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/pkl2023-2/utama> yang dibina. Modul ini ditadbir kepada murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.

## Pencapaian dalam PKL Saintifik, Matematik, Bacaan dan Kewangan 2023

Pencapaian peratus murid yang mencapai skor 600 ke atas dalam PKL Saintifik, Matematik, Bacaan dan Kewangan 2023 bagi sampel murid sekolah rendah dan sekolah menengah adalah seperti yang berikut:

Eksibit 2.22: Pencapaian Peratus Murid yang Mencapai Skor 600 ke Atas dalam PKL

Literasi	Bilangan sampel	Tertinggi (>600)	
		Bil	%
Saintifik Ting. 2	18,761	893	4.76
Matematik Ting. 2	18,315	4,862	26.55
Kewangan Ting. 2	18,115	3,167	17.48
Bacaan Ting. 2	18,316	11,095	60.58
Saintifik Tahun 6	39,398	8,727	22.15
Matematik Tahun 6	39,304	6,285	16.00
Kewangan Tahun 6	39,005	6,107	15.66
Bacaan Tahun 6	36,817	7,835	21.28

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Sebanyak 38,631 murid sampel telah menduduki PKL sekolah rendah dan peratusan murid yang berjaya mendapat skor PKL pencapaian 600 mata ke atas adalah melebihi 15 peratus iaitu Sains 22.15 peratus (8727 murid), Matematik 16.00 peratus (6285 murid), Bacaan 21.28 peratus (7,835 murid) dan Kewangan 15.66 peratus (6,107).

Bagi sekolah menengah pula, sebanyak 18,376 murid sampel telah menduduki PKL dan literasi bacaan menunjukkan pencapaian sebanyak 60.58 peratus (11,095 murid) berjaya mencapai skor melebihi 600 mata, diikuti Matematik 26.55 peratus (4,862 murid), Kewangan 17.48 peratus (3,167 murid) dan Sains 4.76 peratus (893 murid).

Perbezaan antara skor PKL bagi tahun 2022 dengan 2023 dapat dilihat apabila skor PKL bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan bagi literasi Sains, Matematik dan Bacaan pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Hanya literasi Kewangan menunjukkan penurunan sebanyak 3.41 peratus bagi PKL sekolah rendah dan 2.67 peratus bagi PKL sekolah menengah.

Setiap skor PKL ini dilaporkan kepada sekolah yang terlibat. Data skor PKL ini akan menjadi asas dalam membantu sekolah tersebut merancang program intervensi yang bersesuaian bagi setiap literasi.

## 2.5.4 Penyertaan Malaysia dalam Pentaksiran Antarabangsa

Malaysia telah menyertai kajian penandaarasan antarabangsa PISA bagi pusingan tahun 2022 yang dianjurkan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Kajian PISA telah ditadbir bermula pada 17 April hingga 31 Mei 2022 di 199 buah sekolah.

Pengumuman rasmi keputusan kajian PISA peringkat antarabangsa telah diumumkan oleh OECD pada 5 Disember 2023 di Paris serentak dengan Majlis Pengumuman Rasmi Pencapaian Malaysia dalam PISA 2022 pada peringkat kebangsaan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Sektor Operasi Sekolah dengan liputan oleh pihak media.

Buku dan kad Laporan Awal Pencapaian Malaysia dalam PISA 2022 telah diterbitkan dan dilancarkan semasa sesi Pengumuman Rasmi PISA 2022 dalam bentuk salinan cetak dan salinan lembut. Salinan lembut telah dimuat naik ke laman sesawang rasmi KPM Dashboard Penandaarasan Penyelidikan Antarabangsa (iBe@m).



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Malaysia mencatat 52.1 peratus dalam penguasaan minimum Aras 2 hingga tertinggi Aras 6 bagi Literasi Saintifik, manakala Literasi Matematik pula 41.0 peratus dan Literasi Bacaan (41.9 peratus). Perbandingan dengan negara Asean yang lain menunjukkan Singapura, Vietnam dan Brunei mengatasi Malaysia dalam ketiga-tiga domain literasi yang ditaksir. Namun, dapatan PISA 2022 menunjukkan bahawa Malaysia mengatasi Thailand, Indonesia, Filipina dan Kemboja dalam ketiga-tiga domain literasi yang ditaksir.



Eksibit 2.23: Skor Purata Murid Malaysia berbanding dengan Skor Purata OECD bagi Ketiga-Tiga Literasi Matematik, Sainifik dan Bacaan



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

KPM meneliti beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam meningkatkan keupayaan murid dalam pentaksiran antarabangsa dengan mengambil tindakan untuk menyemak dan menilai kandungan kurikulum kebangsaan serta memberi penekanan terhadap keperluan kandungan yang berfokus dan mendalam bagi pembelajaran secara aktif.

Selain itu, KPM turut menggalakkan penggunaan peranti digital dalam pembelajaran. Pada masa yang sama, KPM akan meneliti semula syarat agihan bantuan yang memberikan fokus kepada murid sosioekonomi rendah.

# MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi meningkatkan lagi pembudayaan KBAT dalam PdP di sekolah menengah dan rendah serta peningkatan keupayaan murid dalam pentaksiran antarabangsa fokus utama inisiatif ini pada tahun 2024 ialah:

- 1** Peningkatan amalan pendekatan PdP yang membudayakan KBAT
- 2** Peningkatan kompetensi pensyarah IPG, Kolej Matrikulasi, dan guru dalam PdP dan membina item KBAT
- 3** Peningkatan kemahiran aras berfikir murid sekolah menengah
- 4** Peningkatan kompetensi murid dalam menjawab soalan aras tinggi berasaskan komputer

## 2.6 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM diperkenalkan sebagai salah satu platform untuk melengkapkan murid dengan kemahiran pengaplikasian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dunia yang semakin dinamik.

Inisiatif ini memberikan tumpuan kepada peningkatan kompetensi guru bidang STEM dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran yang berkaitan, pemupukan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu termasuk aktiviti kokurikulum serta kesedaran terhadap STEM dalam kalangan pentadbir sekolah dan ibu bapa.

Usaha ini meningkatkan kadar enrolmen murid dalam bidang STEM pada tahun 2023 kepada 45.73 peratus.

Fokus Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM pada tahun 2023 ialah:

**2.6.1 PENINGKATAN KOMPETENSI GURU BIDANG STEM DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN STEM BERSEPADU**

**2.6.2 PENINGKATAN KESEDARAN PEMEGANG TARUH DALAM STEM**

**2.6.3 PENINGKATAN PEMBUDAYAAN STEM MURID MELALUI PENDIDIKAN STEM BERSEPADU DAN AKTIVITI KOKURIKULUM**

**2.6.4 PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS STEM MURID**

**Usaha ini meningkatkan kadar enrolmen murid dalam bidang STEM pada tahun 2023 kepada 45.73 peratus.**

### 2.6.1 Peningkatan Kompetensi Guru Bidang STEM dalam Pelaksanaan Pendidikan STEM Bersepadu

Seramai 2,350 guru dan pensyarah telah terlibat dalam latihan peningkatan kompetensi PdP STEM sepanjang tahun 2023. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:

#### **Peluasan Latihan Pendidikan STEM Bersepadu Melalui Modul Doing\_STEM**

Latihan pendidikan STEM bersepadu melalui Modul Doing\_STEM telah diberikan kepada guru Sains, Matematik serta Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah. Modul Doing\_STEM dibangunkan bertujuan memberikan cadangan aktiviti pengintegrasian bidang Sains, Matematik dan RBT berdasarkan DSKP melalui aktiviti pembelajaran berasaskan projek, serta mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai etika STEM dalam kehidupan sebenar. Modul ini telah diperluaskan di JPN Kedah, Pulau Pinang, Johor, Perak, Perlis dan Melaka melalui beberapa aktiviti praktikal.

Sebanyak 537 peserta telah hadir, terdiri daripada 405 guru, 12 pegawai IPGM, 51 Jurulatih Utama, 27 pegawai JPN dan 29 pegawai SISC+.

Modul In-STEM khusus kepada guru prasekolah yang bertujuan memantapkan pemahaman guru dalam mereka bentuk kandungan yang boleh memupuk minat murid untuk bertanya dan melibatkan diri dalam aktiviti STEM. Modul ini telah dapat diperluas secara praktikal di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, dan JPN Pahang dan telah disertai oleh 172 peserta termasuk 114 guru sekolah rendah, 30 guru prasekolah, 2 pegawai IPGM, 17 JU, 6 pegawai JPN dan 3 pegawai SISC+ yang hadir.



*Pelaksanaan Modul Doing\_STEM*

### **Modul STEM Inquiry-based Learning (IBL)**

Penataran Modul STEM Inquiry-based Learning (IBL) telah dilaksanakan kepada 1617 pensyarah bidang STEM di 15 Kolej Matrikulasi melalui tiga fasa bengkel kerja sepanjang tahun 2023 dengan menggunakan modul STEM IBL Program Matrikulasi KPM.

Hasil daripada bengkel kerja tersebut, 16 pensyarah dan 20 pelajar telah menghasilkan produk STEM IBL yang telah dibentangkan melalui sesi perkongsian Kolokium Praktis Amalan Terbaik Pendidikan STEM di setiap Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia. Aplikasi STEM IBL oleh pensyarah ini dapat memastikan tiada keciciran dalam kalangan murid untuk melanjutkan pengajian di IPTA dalam bidang STEM .

### **Sesi Latihan Kemahiran Penyelesaian Masalah**

Sebanyak 24 guru di sekolah pendidikan khas seluruh Malaysia telah mengikuti sesi latihan kemahiran penyelesaian masalah dalam PdP STEM yang telah diadakan di SSTP Negeri Sembilan pada Mei 2023.

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman guru tentang elemen kemahiran penyelesaian masalah dalam sesi PdP membantu guru merancang aktiviti yang bersesuaian dalam sesi tersebut bagi pembangunan murid berkeperluan pendidikan khas.

**Hasil daripada bengkel kerja tersebut, 16 pensyarah serta 20 murid telah menghasilkan produk STEM IBL yang telah dibentangkan melalui sesi perkongsian Kolokium Praktis Amalan Terbaik Pendidikan STEM di setiap Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia**



## **Penghasilan Bahan Inovasi dalam Pembelajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)**

Sebanyak 15 bahan sokongan berkaitan kemahiran penyelesaian masalah dalam PdP STEM bersepadu telah dihasilkan oleh guru di SMK Pendidikan Khas dan SMPKV.

Melalui maklum balas yang telah dijalankan oleh guru selepas aktiviti berlangsung, didapati bahawa bahan inovasi ini dapat membantu murid berkeperluan pendidikan khas untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam bidang akademik mahupun bidang kemahiran.

## **Pembangunan Instrumen Penilaian Kompetensi Guru Bidang STEM**

Instrumen Penilaian Kompetensi Guru bidang STEM telah dibangunkan untuk melaksanakan penilaian sendiri kompetensi guru bidang STEM berdasarkan rujukan Dokumen Kompetensi Guru Bidang STEM KPM yang telah dihasilkan dan disebarluaskan melalui Portal KPM dan saluran DELIMa 2.0

Instrumen ini dibangunkan bertujuan untuk mengukur kompetensi guru terhadap enam (6) elemen kompetensi utama dalam bidang STEM iaitu Kepercayaan Pembelajaran STEM, Pengetahuan dan Kemahiran STEM, Pedagogi STEM, Aplikasi STEM, Integrasi STEM dan Bukan STEM serta Literasi Data, Digital dan Teknologi. Dokumen ini boleh dijadikan panduan kepada pihak berkepentingan dalam merancang dan membangunkan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) guru agar lebih berfokus dan berstruktur.

Sebanyak 1,677 daripada 2,302 guru yang menjalani latihan pemantapan kompetensi STEM (72.84 peratus) telah menjadi responden Instrumen Kompetensi Guru bidang STEM tahun 2023. Keputusan menunjukkan sebanyak 1658 guru (98.87 peratus) adalah kompeten.

**Instrumen ini dibangunkan bertujuan mengukur kompetensi guru terhadap enam elemen kompetensi utama dalam bidang STEM iaitu Kepercayaan Pembelajaran STEM, Pengetahuan dan Kemahiran STEM, Pedagogi STEM, Aplikasi STEM, Integrasi STEM dan Bukan STEM serta Literasi Data, Digital dan Teknologi**

## 2.6.2 Peningkatan Kesedaran Pemegang Taruh dalam STEM

Pemimpin memainkan peranan penting sebagai peneraju, pembimbing dan pendorong di sekolah. Oleh itu, Jelajah Pendidikan STEM dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran pemegang taruh khususnya pemimpin sekolah dalam bidang STEM terutama sekali dalam kalangan Pengetua dan Guru Besar (PGB).

Jelajah melibatkan 16 JPN dan 53 PPD di seluruh Malaysia. Sebanyak 6,290 PGB telah mengikuti program ini dan bersetuju untuk memberikan maklumat tambahan berkaitan peningkatan kesedaran dan kefahaman Pendidikan STEM dalam kalangan PGB.



*Jelajah Pendidikan STEM*

Secara puratanya, 96 peratus peserta telah bersetuju bahawa Jelajah Pendidikan STEM dapat meningkatkan pemahaman konsep STEM sebagai pendorong dalam melaksanakan Pendidikan STEM dan menjadi panduan dalam melaksanakan Pendidikan STEM bersepadu.

## 2.6.3 Peningkatan Pembudayaan STEM Murid Melalui Pendidikan STEM Bersepadu dan Aktiviti Kokurikulum

### Projek STEM Executive Consultation (STEMEC)

Projek STEMEC bertujuan untuk menghasilkan pembelajaran bermakna melalui Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) STEM Bersepadu dengan pengintegrasian beberapa mata pelajaran STEM dan bukan STEM.

Sebanyak 248 buah sekolah telah terlibat dalam peluasan Projek STEMEC Kohort 3 melalui PBL STEM Bersepadu.


Peluasan projek ini menggunakan e-Modul Pelaksanaan PBL STEM Bersepadu yang telah dimantapkan dan boleh diakses melalui pautan <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/pbl-stem-bersepadu/utama>.

### Program Young STEMist Expo (YSE) Kohort 2

YSE Kohort 2 melibatkan 64 buah sekolah yang mempunyai enrolmen murid kumpulan B40 paling ramai dan tidak mempunyai sebarang pelibatan dalam aktiviti STEM pada peringkat negeri atau kebangsaan. Tiga (3) buah sekolah menengah dan sebuah (1) sekolah rendah telah dipilih daripada setiap negeri bagi tujuan peluasan program ini.

Murid dan guru daripada sekolah YSE telah diberikan sokongan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan dalam bidang STEM termasuk aktiviti kemahiran digital. Sekolah terlibat telah diberikan sokongan kepakaran, kemudahan guna sama dan dana untuk melaksanakan program dalam bidang STEM.

Agensi luar KPM seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Elvira Sdn. Bhd., Chumbaka, Intel Malaysia, Shell, Maxis telah membantu menjayakan program ini dalam memberikan sokongan kepakaran, perkakas, perisian, tenaga pengajar dan pertandingan khusus bagi menyokong penyertaan murid dalam program YSE. YSE memfokuskan lima program iaitu:



## **Karnival STEM Peringkat Kebangsaan Edisi ke-7 Tahun 2023**

Karnival STEM telah diadakan pada September 2023 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Sebanyak 20 sekolah daripada kalangan peserta YSE telah membuat pameran dalam bidang dron, Internet of Things (IoT), 3D *Design*, animasi dan robotik.

Melalui penganjuran YSE dan Karnival STEM, setiap murid yang terpilih dari setiap negeri berupaya dalam meningkatkan kemahiran digital, pengintegrasian bidang STEM serta kemahiran kesenian dan keusahawanan.

100 orang murid daripada kumpulan B40 yang telah menyertai YSE dan 50 guru juga turut serta dalam Karnival STEM ini. Selain itu, murid program STEMEC dan murid Sekolah Pendidikan Khas yang terlibat pada peringkat kebangsaan turut diiktiraf dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Melalui inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM, minat murid dalam bidang STEM berjaya dipertingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah termasuklah aktiviti kokurikulum dengan melibatkan pendekatan STEM. Aktiviti PdP berkaitan bidang STEM dioptimumkan dengan menggunakan pendekatan inkuiri melalui pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran berasaskan masalah dalam konteks dunia sebenar.

**Melalui inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM, minat murid dalam bidang STEM berjaya dipertingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah termasuklah aktiviti kokurikulum dengan melibatkan pendekatan STEM**



## 2.6.4 Pentadbiran Kajian Indeks STEM Murid (ISM)

Tahap pembudayaan STEM diukur melalui Instrumen Indeks STEM murid yang merujuk pencapaian murid terhadap empat (4) domain iaitu PdP, sikap, kokurikulum dan literasi STEM. Data ISM diperoleh menerusi pengumpulan data primer melalui soal selidik dan ujian literasi yang melibatkan murid sampel sebanyak 36,959 orang yang terdiri daripada murid Tahun 6 (10,901), Tingkatan 3 (13,118) dan Tingkatan 4 (12,940) yang telah menjawab soal selidik secara dalam talian. Proses menganalisis data menggunakan statistik deskriptif dan ISM diukur melalui tahap pembudayaan STEM murid.

Indeks Tahap Pembudayaan STEM murid sekolah rendah menunjukkan skor 49.36 diikuti murid sekolah menengah atas 45.56 (tahap rendah), dan murid menengah rendah 45.40 (tahap rendah). Secara keseluruhan, indeks Tahap Pembudayaan STEM telah meningkat daripada 44.09 pada tahun 2022 kepada 46.77 (tahap rendah) pada tahun 2023.

**Indeks Tahap Pembudayaan STEM telah  
meningkat daripada 44.09 pada tahun 2022  
kepada 46.77 pada tahun 2023**

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pelbagai strategi perlu disusun bagi meningkatkan kompetensi guru bidang STEM khususnya dalam subjek Matematik, memperluas peluang pendidikan STEM di KPM dalam bidang TVET khasnya dan pembudayaan STEM menerusi aktiviti kokurikulum. Oleh itu, fokus tahun 2024 akan memberi tumpuan kepada aktiviti utama seperti yang berikut:

- 1** Peningkatan kompetensi guru bidang STEM
  - i. Peningkatan kompetensi guru bidang STEM dalam pelaksanaan pendidikan Matematik
- 2** Peningkatan enrolmen murid dalam bidang STEM
  - i. Pemupukan minat murid terhadap STEM
  - ii. Peningkatan peratus enrolmen murid STEM bukan TVET pada peringkat menengah atas
  - iii. Peningkatan peratus enrolmen murid STEM TVET pada peringkat menengah atas
  - iv. Pemeraksanaan kemahiran asas Matematik dalam kalangan murid menengah rendah
  - v. Pelaksanaan kajian ISM

# KISAH INSPIRASI

Di sebalik kejayaan luar biasa kumpulan inovasi Aifa, murid dari Kolej Matrikulasi Pahang, yang telah dinobatkan sebagai Johan kategori Pra Universiti di Temasya STEM Project Competition Southeast Asian STEM Education Fair and Exposition 2023 (SEA STEM Fair & Expo 2023) di Bangkok, Thailand, terdapat kisah seorang pensyarah dan pasukannya dalam membimbing murid mereka.

Ts. Wan Mohd Azlan, seorang pensyarah Kejuruteraan Mekanikal di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang, telah menggabungkan pengalaman dan kepakarannya selama 18 tahun dalam pendidikan dengan pendekatan pengajaran yang inovatif. Beliau mengintegrasikan kursus Fizik, Kimia, dan Matematik dengan bidang Kejuruteraan, mendorong muridnya untuk berfikir kritis, menyelesaikan masalah secara praktikal, dan menerapkan konsep yang dipelajari dalam dunia sebenar. Aktiviti STEM yang dirancangnya sering melibatkan kerja berpasukan, yang mengajar murid untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan efektif. Dengan penekanan pada kemahiran teknikal dan praktikal, beliau mempersiapkan murid untuk berjaya dalam kerjaya STEM di masa hadapan.

Penglibatan Ts. Wan Mohd Azlan dalam Modul STEM IBL Matrikulasi juga merupakan elemen penting dalam kejayaan muridnya. Sebagai Ketua Pengubal Modul dan Jurulatih Utama, beliau memastikan modul ini relevan dan dapat digunakan secara efektif dalam pembelajaran dan pertandingan. Kejayaan kumpulan Aifa dalam pertandingan antarabangsa membuktikan keberkesanan pendekatan beliau.

Bimbingan yang diberikan oleh Ts. Wan Mohd Azlan dan pasukannya melibatkan pemahaman yang mendalam dan penyelesaian tugas modul STEM yang telah dibangunkan oleh mereka. Modul ini telah diverifikasi dan diiktiraf sebagai modul penanda aras bagi negara-negara Asia yang terlibat dengan SEAMEO STEM Bangkok. Setelah murid berjaya menyiapkan modul ini, mereka perlu membangunkan satu projek inovatif yang melengkapkan modul tersebut. Kombinasi antara modul dan projek ini menjadi kekuatan utama kumpulan Aifa, yang akhirnya membawa mereka ke peringkat antarabangsa dan meraih kejayaan yang membanggakan.

Inovasi yang dibangunkan oleh kumpulan Aifa, iaitu Pin Door Lock yang menggunakan nombor pin, sistem solar, dan sambungan alarm ke telefon pintar, telah membuktikan keupayaan murid dalam menerapkan ilmu STEM secara praktikal. Projek ini tidak hanya menjimatkan tenaga dengan penggunaan sistem solar, tetapi juga memberikan ciri keselamatan tambahan dengan sambungan alat penggera yang diaktifkan melalui telefon pintar. Kejayaan ini bukan sahaja mengharumkan nama negara, tetapi juga menjadi inspirasi kepada ramai murid dan pendidik di seluruh Asia.

Sokongan daripada Pengarah Kolej, Puan Hadidah Binti Abd Rahman, juga memainkan peranan penting dalam merealisasikan impian ini. Beliau bukan sahaja memberikan sumbangan kewangan, tetapi juga mendorong seluruh warga kolej untuk menyokong usaha ini, membuktikan bahawa kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak.



**“Kepada semua pendidik, kita adalah pejuang pendidikan yang membentuk masa depan generasi kita. Dengan dedikasi dan semangat kita semua, kita sedang membuka pintu kepada dunia sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik yang penuh dengan kepelbagai kemungkinan. Setiap langkah yang kita ambil, walau kecil sekalipun, akan membawa kepada kejayaan yang besar di masa hadapan. Saya harap pengorbanan yang kami lakukan ini akan menginspirasi lebih ramai murid dan pendidik untuk terus berusaha.”**  
kata Ts. Wan Mohd Azlan

## 2.7 TRANSFORMASI IPG UNTUK MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN GURU

Inisiatif ini diperkenalkan bagi memastikan hasrat transformasi profesion keguruan sebagai profesion pilihan menjadi kenyataan. Transformasi IPG ini diharapkan dapat menyokong usaha meletakkan tahap dan taraf IPG bagi mencapai visi sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru dan pengajian tinggi sehingga ke tahap global.

Bagi mencapai objektif ini, IPG meletakkan empat fokus utama iaitu penarafan IPG, pemimpin pertengahan IPG, pensyarah IPG dan modul latihan guru.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif IPG adalah seperti yang berikut:

### 2.7.1 PENINGKATAN TAHAP STANDARD PENARAFAN IPG KPM

### 2.7.2 PEMANTAPAN KOMPETENSI PEMIMPIN IPG

### 2.7.3 PENGUKUHAN KOMPETENSI PENSYARAH IPG


### 2.7.4 PENINGKATAN KUALITI MODUL DAN LATIHAN IPG

### 2.7.1 Peningkatan Tahap Standard Penarafan IPG KPM

Peningkatan Tahap Standard Penarafan IPG (SP IPG) KPM merupakan inisiatif yang membolehkan IPG KPM mengenal pasti profil kampus masing-masing melalui tujuh dimensi kualiti iaitu kualiti kepimpinan, kualiti pensyarah, kualiti penyelidikan dan inovasi, kualiti infrastruktur dan infostruktur, kualiti kurikulum, kualiti pelajar dan kualiti latihan.

Hasil inisiatif ini dapat dilihat dengan jelas melalui prestasi keseluruhan tahap standard dalam Eksibit 2.24.

Eksibit 2.24: Bilangan IPG yang mencapai Standard Penarafan



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Eksibit 2.24 menunjukkan peningkatan prestasi kampus berdasarkan audit standard penarafan yang telah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun sejak tahun 2021 hingga tahun 2023. Bilangan IPG yang telah diiktiraf cemerlang telah meningkat daripada dua (2) ke 18 buah IPG pada tahun 2023. Penarafan IPG berdasarkan penilaian daripada tujuh (7) dimensi iaitu kualiti kepimpinan, kualiti pensyarah, kualiti penyelidikan dan inovasi, kualiti infrastruktur dan infostruktur, kualiti kurikulum, kualiti pelajar dan kualiti latihan. Dapatan daripada audit standard penarafan ini membantu IPG merancang, merangka dan menambah baik kualiti IPG secara keseluruhannya.

## 2.7.2 Pemantapan Kompetensi Pemimpin IPG

Pengesanan profil pemimpin pertengahan atau *profiling middle leaders* ketua jabatan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kepimpinan IPG dan meningkatkan keterampilan pemimpin IPG dalam kepimpinan instruksional. Usaha ini dijalankan melalui kursus-kursus pemantapan yang dilaksanakan berdasarkan dapatan tahap kompetensi yang dicapai oleh pemimpin *middle leaders* dalam profiling telah dilaksanakan. Sebanyak 84 pemimpin IPG yang telah menghadiri kursus kepimpinan ini berasa lebih yakin sebagai pakar rujuk dan peneraju perubahan kepada pensyarah, guru pelatih dan pegawai di IPG. Hal ini dibuktikan melalui Sistem Penilaian Kompetensi Pemimpin IPG KPM. Data pengesanan profil pemimpin pertengahan ketua jabatan, sebanyak 79.76 peratus daripada jumlah pemimpin pertengahan tersebut mencapai Kompetensi Kepimpinan IPG Tahap Cemerlang.

Sistem Penilaian Kompetensi Pemimpin (*myProfiling*)


**sebanyak 79.76 peratus  
daripada jumlah pemimpin  
pertengahan tersebut  
mencapai Kompetensi  
Kepimpinan IPG Tahap  
Cemerlang**



## 2.7.3 Pengukuhan Kompetensi Pensyarah IPG

Dalam pengukuhan kompetensi pensyarah IPG, terdapat empat elemen yang diukur iaitu kelayakan akademik dan kecemerlangan perkhidmatan, pembangunan profesionalisme berterusan, penulisan dan pengkayaan serta pemanfaatan digital. Pencapaian tersebut telah diperolehi melalui empat aktiviti utama bagi meningkatkan potensi pensyarah yang telah dibahagikan kepada pelaksanaan 11 aktiviti sokongan bermula pada bulan Mac hingga November 2023.

Eksibit 2.25: Aktiviti Utama Peningkatan Potensi Pensyarah



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia

Hasil daripada aktiviti pengukuhan kompetensi pensyarah ini, peratus pensyarah IPG yang telah mencapai Standard Kualiti Tahap Cemerlang pada tahun semasa ialah 71.30 peratus. Dapatan ini menunjukkan nilai peratus *baseline* 40 peratus yang sepatutnya dicapai pada tahap cemerlang pada tahun 2023 telah berjaya melebihi *baseline* berkenaan.

## 2.7.4 Peningkatan Kualiti Modul dan Latihan IPG

Peningkatan Kualiti Modul dan Latihan IPG KPM merupakan usaha untuk meningkatkan kualiti modul dan latihan IPG. Usaha ini telah memantapkan standard pembinaan modul untuk dijadikan garis panduan dalam pembinaan modul yang berkualiti.

Dalam usaha meningkatkan kualiti modul dan latihan IPG, praaudit Standard Modul Latihan, aktiviti peningkatan kualiti modul latihan dan audit Standard Modul Latihan telah dijalankan. Praaudit modul dilaksanakan bagi melestarikan dan membudayakan kualiti terbaik dalam penghasilan modul.

Hasilnya, bermula dengan 33 modul latihan yang selesai dibangunkan pada Ogos 2023, sebanyak 21 modul atau 63.64 peratus modul telah diperaku, berbanding 50 peratus pada tahun 2022. Modul ini terdiri daripada 8 kluster Pendidikan, 1 kluster Kemanusiaan, 6 kluster Bahasa, 2 kluster Kokurikulum, 1 Al-quran dan 3 STEM manakala 12 modul yang tidak mencapai standard telah ditambahbaik dan dimurnikan berdasarkan cadangan auditor IPGM dan IPG Kampus.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, pemantapan IPG akan lebih menumpukan peningkatan kualiti latihan guru praperkhidmatan dan dalam Perkhidmatan dengan menyasarkan:

- 1 150 panel pakar mencapai Standard Kualiti Akademik dan Kokurikulum yang diiktiraf oleh agensi/institusi pakar
- 2 Program latihan dalam perkhidmatan yang diperaku dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan

## 2.8 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bertujuan meningkatkan profesionalisme dan kualiti PPP mengikut laluan kerjaya sedia ada iaitu PdP, kepimpinan dan pengurusan, dan kepakaran bidang khusus pendidikan (SME).

Usaha ini digerakkan melalui program pembangunan profesionalisme secara berstruktur bagi memastikan PPP kekal kompeten. Di samping itu, inisiatif ini turut memberi penekanan kepada usaha memastikan kesejahteraan psikologi PPP melalui Program Kesejahteraan Psikologi dan Program Literasi Undang-Undang agar PPP terus kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan.

Usaha pemantapan profesionalisme PPP diteruskan pada tahun 2023 dengan:

### 2.8.1 PEMERKASAAN PROFESIONALISME KEGURUAN, LALUAN KERJAYA DAN PERKHIDMATAN

- ✎ Pembangunan Sistem *Interactive Training Cart* (i-Tc)
- ✎ Pemantapan Kompetensi dan Pembangunan Kerjaya PPP
- ✎ Pembangunan Kepakaran PPP dalam Bidang Khusus Pendidikan di KPM
- ✎ Pelaksanaan Mobiliti dan Fleksibiliti dalam Laluan Kerjaya PPP di KPM

### 2.8.2 PELESTARIAN KECEMERLANGAN PEMIMPIN PENDIDIKAN

- ✎ Pembangunan Profesionalisme Pemimpin Sistem dan Pembestarian Pemimpin Muda
- ✎ Pembangunan Profesionalisme bagi Pembestarian Pemimpin Muda

### 2.8.3 PENINGKATAN KOMPETENSI GURU

- ✎ Pembangunan Profesionalisme Guru dalam Aspek PdP

### 2.8.4 KELESTARIAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI PPP

- ✎ Pelaksanaan Program Latihan dan Intervensi Kesejahteraan Psikologi
- ✎ Pelaksanaan Hub Kesejahteraan Psikologi
- ✎ Pelaksanaan Program Literasi Undang-Undang, Integriti dan Salah Laku Penjawat Awam

### 2.8.1 Pemeraksanaan Profesionalisme Keguruan, Laluan Kerjaya dan Perkhidmatan

#### Pembangunan Sistem *Interactive Training Cart* (i-Tc)

KPM sentiasa berusaha untuk memperkasakan profesionalisme keguruan bagi memastikan PPP sentiasa kompeten dan berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, melalui inisiatif ini KPM telah membangunkan Sistem i-Tc. Melalui sistem ini, PPP akan dapat menyediakan Pelan Pembangunan Individu (Individual Development Plan, IDP) bagi merancang pembangunan kerjaya secara berstruktur dan sistematik berdasarkan laluan kerjaya, gred, peranan, tanggungjawab dan organisasi tempat bertugas. Sistem i-Tc telah diluluskan pada Oktober 2023 dan dijangka siap pada bulan September 2024.

**PPP dapat menyediakan Pelan Pembangunan Individu bagi merancang pembangunan kerjaya secara berstruktur dan sistematik berdasarkan laluan kerjaya, gred, peranan, tanggungjawab dan organisasi tempat bertugas**

## Pemantapan Kompetensi dan Pembangunan Kerjaya PPP

KPM juga telah membangunkan dokumen dasar berkaitan dengan pemantapan profesionalisme PPP yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM. Dokumen tersebut ialah:

- i. Dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM2.0) yang telah dilancarkan pada 10 Mei 2023 dan dimuat naik dalam laman sesawang KPM. SGM2.0 menjadi panduan kepada PPP untuk mengenal pasti kompetensi diri dalam aspek nilai, kemahiran dan pengetahuan;
- ii. Dasar Kawalan Kualiti Latihan (DKKL) PPP yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-224 pada bulan Ogos 2023. DKKL ini menguatkuasakan standard, garis panduan dan prosedur berkaitan dengan kawalan kualiti latihan yang perlu dirujuk dan dipatuhi oleh pembekal latihan, jabatan, agensi, organisasi atau institusi dari dalam dan luar KPM; dan
- iii. Kamus Kompetensi PPP Lualan PdP yang telah diluluskan pada 22 Jun 2023 dan dimuat naik dalam laman sesawang KPM. Kamus Kompetensi ini menjadi rujukan kepada PPP dalam Lualan PdP bagi mengetahui tahap dan deskripsi kompetensi mengikut gred jawatan.



*Standard Guru Malaysia 2.0*



*Kamus Kompetensi PPP Lualan PdP*



## **Pembangunan Kepakaran PPP dalam Bidang Khusus Pendidikan di KPM**

KPM sedang dalam usaha untuk mengiktiraf PPP yang berkelayakan untuk diiktiraf sebagai kumpulan pakar dalam bidang-bidang khusus pendidikan. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan pembangunan syarat, kriteria dan instrumen pemilihan calon pakar serta garis panduan pelaksanaan senarai kepakaran.

## **Pelaksanaan Mobiliti dan Fleksibiliti dalam Laluan Kerjaya PPP di KPM**

Dokumen Garis Panduan Mobiliti dan Fleksibiliti dalam Kluster Laluan Utama: Laluan Kerjaya PPP di KPM telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) pada 18 Julai 2023. Dokumen ini menjadi panduan kepada PPP untuk merancang perkembangan kerjaya daripada satu laluan kerjaya kepada laluan kerjaya yang lain.

## **2.8.2 Pelestarian Kecemerlangan Pemimpin Pendidikan**

### **Pembangunan Profesionalisme Pemimpin Sistem**


Pemimpin sistem merupakan PPP berjawatan hakiki dalam pengurusan gred DG41 hingga DG54 yang bertugas di PPD, JPN, Bahagian KPM dan Institusi di KPM. Pemimpin sistem yang mengikuti latihan pembangunan profesionalisme akan menjadi ejen perubahan bagi kecemerlangan organisasi. Pada tahun 2023, sebanyak 120 pemimpin sistem (gred DG48 hingga DG54) di Sarawak telah mengikuti kursus ini secara bersemuka dan 100 daripadanya (83.33 peratus) telah mencapai tahap piawai kompetensi sekurang-kurangnya tahap tinggi dan berjaya memperoleh sijil pencapaian setelah melengkapkan Laporan Projek Strategik Organisasi dan Info Grafik Bacaan Buku. Laporan Projek Strategik Organisasi yang terbaik telah diterbitkan dalam buku **Dinamika Kepimpinan Pemimpin Sistem**.

**Sebanyak 120 pemimpin sistem (gred DG48 hingga DG54) di Sarawak telah mengikuti kursus ini secara bersemuka dan 83.33 peratus (100 pemimpin) telah mencapai tahap piawai kompetensi sekurang-kurangnya tahap tinggi**

## Pembangunan Profesionalisme bagi Pembestarian Pemimpin Muda

Pemimpin muda ialah pemimpin pelapis yang memegang jawatan hakiki dalam pengurusan gred DG41 hingga DG44 di sekolah, PPD, JPN, Bahagian KPM dan institusi di KPM. Kumpulan pemimpin ini berpotensi dalam bidang pengurusan dan kepimpinan. Pada tahun 2023, sebanyak 165 peserta telah dilatih melalui kursus Pembestarian Pemimpin Muda dan 145 peserta (87.8 peratus) daripadanya telah mendapat Sijil Pencapaian Pemimpin Muda.

Eksibit 2.26: Pencapaian Prestasi Pemimpin Muda yang Manghadiri Kursus Tahun 2023



Sumber: Bahagian Profesionalisme Guru

## 2.8.3 Peningkatan Kompetensi Guru

### Pembangunan Profesionalisme Guru Dalam aspek PdP

Guru gred DG48 merupakan kumpulan yang berperanan sebagai pembimbing. Oleh itu, guru gred DG48 perlu mempunyai kemahiran dalam aspek bimbingan dan pementoran. Sebanyak 18,494 guru gred DG48 telah mengikuti kursus peningkatan kompetensi dalam aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Sejumlah 16,143 atau 87.3 peratus guru telah berjaya mencapai tahap baik (80 peratus ke atas) piawaian kompetensi seperti dalam Eksibit 2.26.

Empat (4) modul PdP yang telah diikuti oleh peserta kursus iaitu:

- i. Modul Pembangunan Kompetensi Latihan Guru Sejarah Sekolah Menengah;
- ii. Modul Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
- iii. Modul Literasi Pemikiran Pasak Sembilan (LIPS); dan
- iv. Modul Latihan Kompetensi Pedagogi *Glocal Science Teacher* (GST) iaitu:
  - Modul Fizik
  - Modul Kimia
  - Modul Biologi



Modul-modul pedagogi, kandungan dan PBD


**Sebanyak 18,494 guru gred DG48 telah mengikuti kursus peningkatan kompetensi dalam aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Sejumlah 16,143 atau 87.3 peratus guru telah berjaya mencapai tahap baik (80 peratus ke atas)**

## 2.8.4 Kelestarian Kesejahteraan Psikologi PPP


### Pelaksanaan Program Latihan dan Intervensi Kesejahteraan Psikologi

Program Latihan dan Intervensi Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan melibatkan proses saringan Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) dan bagi PPP yang mencapai tahap kesejahteraan psikologi di bawah tahap sederhana tinggi, mereka akan menjalani program intervensi yang dikelolakan oleh Kaunselor Organisasi di PPD seluruh negara. Pelaksanaan program yang bermula pada tahun 2021 sehingga 2023 adalah seperti yang berikut:

Eksibit 2.27: Bilangan PPP yang mencapai Tahap Sederhana Tinggi dalam IKPsi



Sumber: Bahagian Psikologi dan Kaunseling



Bahan e-Pembelajaran dalam DELIMA

### Pelaksanaan Hub Kesejahteraan Psikologi

KPM telah membangunkan Hub Kesejahteraan Psikologi mulai tahun 2022. Hub berkenaan merupakan *one stop centre* kepada guru untuk mendapatkan maklumat dan pembelajaran sendiri bagi kesejahteraan psikologi dan mengandungi beberapa aplikasi yang bersifat interaktif dan video-video yang menarik untuk tujuan pembelajaran berkaitan kesejahteraan psikologi. Hub Kesejahteraan Psikologi mengandungi e-buku dan video-video penerangan ringkas berkaitan dengan lapan konstruk kesejahteraan psikologi. Pada tahun 2023, Hub Kesejahteraan Psikologi telah dipautkan di dalam aplikasi DELIMA dan telah mencapai akses pengguna sebanyak 104,904.



Laman Hub Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan



## Pelaksanaan Program Literasi Undang-Undang, Integriti dan Salah Laku Penjawat Awam

KPM telah memberikan pendedahan kepada guru berkaitan literasi undang-undang khususnya berkaitan kes yang melibatkan guru, ibu bapa, murid, komuniti dan sekolah. Kesedaran dan pemahaman terhadap literasi undang-undang, integriti dan salah laku penjawat awam dalam kalangan guru dapat mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib. Pada tahun 2023, dua (2) program utama telah dilaksanakan di bawah Program Literasi Undang-undang iaitu:



Dokudrama Literasi Undang-Undang bertajuk "Dakwat Merah Dakwat Biru"

- i. Penghasilan tiga (3) Dokudrama Literasi Undang-undang yang telah dimuat naik dalam laman sesawang KPM melalui pautan DELIMa seperti tajuk di bawah:
  - a. Wang dan Kuasa;
  - b. Musafir Luka; dan
  - c. Khilaf Mukhlis.

Dokudrama Literasi Undang-undang bertajuk "Dakwat Merah, Dakwat Biru" telah dimuat naik dalam laman sesawang KPM pada Jun 2023 dan boleh ditonton melalui pautan <https://www.youtube.com/live/-VzKgIHylbE?si=VeOLSIZAz5kGQmxY>

- ii. *Training of Trainers (ToT)* fasilitator Literasi Undang-undang di JPN dan Bahagian.

Perlaksanaan aktiviti dan Program Literasi Undang-undang sepanjang tahun 2023 telah berjaya meningkatkan kesedaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan khususnya guru dalam memastikan perkhidmatan yang berintegriti dan mengelakkan daripada sebarang tindakan tatatertib yang boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan dan imej perkhidmatan awam.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, tumpuan inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

- 1 Pemantapan kompetensi PPP melalui pelaksanaan latihan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berstruktur berdasarkan laluan kerjaya, gred dan jawatan PPP melalui Sistem *i-Tc*
- 2 Pengiktirafan kepakaran PPP di KPM bagi bidang-bidang khusus pendidikan
- 3 Kelestarian kesejahteraan psikologi PPP bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti

## 2.9 PEMERKASAAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) BAGI PENINGKATAN KUALITI PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

IAB ialah sebuah institusi latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan pada semua peringkat KPM. Bagi menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi maju mengikut acuan sendiri, kompetensi pensyarah perlu diperkasakan. IAB telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan kualiti pensyarah demi mencapai visi sebagai Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan yang unggul.

KPM terus komited untuk meningkatkan jurang kepakaran pensyarah, menyediakan kumpulan pensyarah pakar untuk kecemerlangan berterusan, meningkatkan keterampilan pensyarah, menjadikan IAB sebagai pusat rujukan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan dan memperkasakan IAB sebagai institusi latihan yang diiktiraf.

Bagi tahun 2023, fokus inisiatif ini adalah:

### 2.9.1 PENINGKATAN PROFESIONALISME PENSYARAH

- ✍ Pemantapan Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah
- ✍ Peningkatan Bilangan Pensyarah Profisien dalam Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah
- ✍ Pengiktirafan Kepakaran Pensyarah daripada Badan Profesional Bertauliah

### 2.9.2 PELUASAN AKTIVITI KHIDMAT KONSULTASI KEPADA AGENSI LUAR KPM DALAM BIDANG KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN


#### 2.9.1 Peningkatan Profesionalisme Pensyarah

##### Pemantapan Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah

Kompetensi pensyarah IAB diukur berdasarkan enam (6) fungsi IAB iaitu latihan, khidmat pembangunan profesional, pentaksiran, penyelidikan dan penulisan. Pembinaan kerangka Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah (LPPP) merupakan inisiatif ke arah meningkatkan kompetensi pensyarah IAB agar lebih kompetitif dan relevan dengan keperluan serta kehendak pelanggan. Dengan terhasilnya LPPP, semua pensyarah berupaya mencapai sehingga ke tahap pakar bagi memenuhi kompetensi yang ditetapkan dalam Standard Kompetensi Pensyarah.

Penghasilan *dashboard* LPPP ini membolehkan pengurusan tertinggi IAB memantau kompetensi profesionalisme pensyarah dan juga membuat pemetaan profisiensi bagi membangunkan laluan kerjaya pensyarah. *Dashboard* ini berupaya menapis data pensyarah mengikut kampus dan pusat. Hal ini memberi peluang kepada Pengarah Cawangan IAB dan Ketua Pusat IAB menyelia tahap kepakaran pensyarah di bawah seliaan masing-masing. Pensyarah IAB juga akan dapat mengesan keperluan pembangunan kompetensi mereka sendiri melalui *dashboard* ini. Selain itu, *dashboard* juga dapat memetakan tahap kepakaran pensyarah berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka di IAB.

## PAPARAN DASHBOARD (POWER BI)



Contoh paparan dashboard yang digunakan IAB untuk memantau prestasi pembangunan profesionalisme pensyarah IAB

### Bilangan Pensyarah Profisien dalam Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah

Kerangka LPPP yang telah dibangunkan pada tahun 2022 berupaya memetakan kepakaran pensyarah IAB kepada lima tahap iaitu Permulaan, Asas, Kompeten, Profisien dan Pakar. Pada tahun 2023, seramai 171 orang (57.6 peratus) daripada 297 pensyarah IAB berada pada tahap Profisien berdasarkan LPPP. Jumlah ini termasuk 23 orang pensyarah yang mencapai tahap Pakar. *Dashboard* yang dihasilkan membantu dalam pengurusan PPB untuk pensyarah IAB secara berstruktur dan berfokus.

Peningkatan profesionalisme dan kompetensi pensyarah turut memperkasakan kreativiti dan inovasi pensyarah. Dalam tahun 2023, selain berjaya mengungguli empat pertandingan inovasi peringkat antarabangsa, pensyarah IAB turut terlibat aktif menyumbang kepakaran sebagai panel penilai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan memberikan latihan berkaitan inovasi pada peringkat KPM. Pertandingan KIK peringkat IAB juga telah berjaya menarik sebanyak 166 penyertaan pensyarah dari kesemua kampus IAB di seluruh negara.

**Kompetensi pensyarah IAB diukur berdasarkan enam fungsi IAB iaitu latihan, khidmat pembangunan profesional, pentaksiran, penyelidikan dan penulisan**


## Pengiktirafan Kepekaran Pensyarah daripada Badan Profesional Bertauliah

Pada tahun 2023, sebanyak lima (5) orang pensyarah berjaya memperoleh pensijilan profesional daripada badan profesional bertauliah khusus dalam *Certified Data Analysis Professional* (1 orang), *Certified Design Thinking Professional* (1 orang), *Certified OKR Professional* (2 orang) dan *Mastering Articulate 360* (1 orang). Hal ini merupakan suatu kejayaan apabila terdapat peningkatan bilangan pensyarah berbanding tahun sebelumnya. Kejayaan ini menjadikan jumlah keseluruhan pensyarah yang memperoleh pensijilan profesional sehingga ke tahun 2023 ialah sebanyak 11 orang.

### 2.9.2 Peluasan Aktiviti Khidmat Konsultasi kepada Agensi Luar KPM dalam Bidang Kepimpinan dan Pengurusan

Melalui peluasan khidmat konsultasi organisasi di luar KPM, sebanyak 22 orang pensyarah IAB atau turut dikenali sebagai pasukan Pemberi Khidmat Konsultasi (PKK) telah mula memberi khidmat konsultasi kepada enam organisasi di luar KPM.

Eksibit 2.28: Peluasan Khidmat Konsultasi Organisasi di Luar KPM



Sumber: Institut Aminuddin Baki

Khidmat konsultasi yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kompetensi kepimpinan organisasi, pengurusan sumber manusia, pemantapan amalan bimbingan dan pementoran organisasi, pemantapan JU bagi institusi dan pembangunan modul latihan organisasi.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pencapaian IAB dalam peningkatan kompetensi pensyarah akan menyediakan sumber tenaga penting kepada Kluster Korporat IAB. Oleh itu, tahun 2024 akan memberi penekanan dalam aspek-aspek berikut:

- 1 Penambahan bilangan pensyarah yang memperoleh pensijilan profesional pada masa hadapan
- 2 Pelibatan lebih ramai pensyarah dalam khidmat konsultasi kepada agensi luar KPM
- 3 Pelaksanaan Kluster Korporat IAB yang akan menyokong permintaan agensi luar KPM, sektor swasta dan luar negara khususnya dalam latihan pengurusan dan kepimpinan



## 2.10 PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN PIHAK SWASTA DALAM PENDIDIKAN

Inisiatif Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS) telah diperkenalkan pada tahun 2013 bagi menyokong Anjakan 9: Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas dalam PPPM 2013-2025. Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah yang telah dibangunkan, dijadikan panduan untuk kegunaan pihak sekolah.

Kedua-dua sarana ini telah digabungkan dan dijenamakan semula sebagai Inisiatif Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta dalam Pendidikan pada tahun 2019.

PIBKS bergerak mengikut tiga (3) gelombang transformasi dalam PPPM 2013-2025 di mana Gelombang 1 (2013-2015) memberi fokus kepada menyokong pelibatan ibu bapa dan pihak swasta; Gelombang 2 (2016-2020) memberi tumpuan kepada pementapan pelibatan ibu bapa dan komuniti serta peluasan kerjasama pihak awam – swasta; dan Gelombang 3 (2021-2025) menggalakkan lebih banyak inovasi daripada pihak swasta.

Sehingga kini, inisiatif PIBKS dilihat sangat penting kerana sokongan semua pihak untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pelibatan secara sukarela dalam menyokong kemenjadian murid secara menyeluruh.

Pelaksanaan inisiatif ini pada tahun 2023 menumpukan dua fokus utama:

### 2.10.1 PENINGKATAN BILANGAN KERJASAMA SEKTOR SWASTA

### 2.10.2 PENINGKATAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI SECARA SUKARELA DI SEKOLAH

### 2.10.3 KONVENSyen PIBKS TAHUN 2023


#### 2.10.1 Peningkatan Bilangan Kerjasama Sektor Swasta

Pada tahun 2023, kerjasama sektor swasta dengan KPM telah meningkat kepada 80.16 peratus yang menyokong kepada empat (4) bidang utama iaitu akademik, sahsiah dan disiplin murid, kokurikulum dan infrastruktur. Selain itu, sebanyak RM 183,562,186.75 nilai tajaan sumbangan daripada pihak swasta untuk sokongan berterusan terhadap kemenjadian murid dan kualiti sekolah.

## 2.10.2 Peningkatan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti Secara Sukarela di Sekolah

Kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti secara sukarela semakin meningkat selepas Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2018 Garis Panduan Pelibatan Ibu Bapa, Penjaga dan Komuniti sebagai sukarelawan di dalam kelas dikeluarkan oleh KPM. Eksibit 2.29 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.14 peratus kepada 97.9 peratus pelibatan ibu bapa dan komuniti secara sukarelawan di sekolah menunjukkan komitmen serta tahap kesedaran dalam kalangan ibu bapa terutama bagi aktiviti akademik, sahsiah dan disiplin murid, kokurikulum serta infrastruktur.

Eksibit 2.29: Peratus Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti Secara Sukarela



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



Sembang Santai Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) Bersama-sama PPD

### Konvensyen PIBKS Tahun 2023

Konvensyen PIBKS ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keperluan pendidikan semasa, memperkukuh jalinan dan jaringan rakan strategik serta melestarikan kerjasama sektor awam dan swasta dan sebagai satu tanda terima kasih kepada PIBKS yang telah menyumbang dan menyokong KPM. Program ini telah dilaksanakan pada bulan Mei 2023 bertempat di Dewan Perdana, Kuala Nerus, Terengganu. Sebanyak 500 orang dalam kalangan ibu bapa, komuniti, sektor swasta dan pegawai KPM telah hadir di Konvensyen ini.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi memastikan peningkatan dan sokongan secara berterusan daripada PIBKS, pasukan inisiatif yang melibatkan KPM, JPN dan PPD akan menerokai bidang lain yang membolehkan PIBKS memacu usaha ke arah peningkatan keberhasilan murid. Bidang yang berpotensi ini termasuklah pelibatan rakan media untuk kempen pendidikan dan inisiatif pengumuman perkhidmatan awam dan kerjasama dengan syarikat peruncit yang besar bagi menyokong KPM melonjakkan kualiti pendidikan negara. Seterusnya, pasukan inisiatif ini juga akan meningkatkan kesedaran ibu bapa, komuniti dan swasta untuk terlibat dalam transformasi pendidikan secara sukarela dengan merancang aktiviti-aktiviti yang membolehkan pelibatan mereka secara aktif.

# BAB 03

**MENINGKATKAN EKUITI  
DALAM PENDIDIKAN**





## 3.1 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH

KPM di bawah inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) mengambil langkah yang proaktif dalam usaha memastikan jurang pencapaian SPM berjaya dirapatkan tanpa mengira lokasi, status sosioekonomi dan jantina. Justeru itu, peranan JPN, PPD dan sekolah sangat penting dalam memastikan setiap murid mendapat peluang pendidikan yang sama secara ekuiti mengikut keperluan lokaliti. DTP secara khususnya berperanan meningkatkan tahap keupayaan sistem sokongan JPN, PPD dan sekolah dalam menghasilkan sekolah yang berkualiti dan kemenjadian murid secara menyeluruh.

Objektif DTP ini adalah untuk:

- Meningkatkan pencapaian murid layak menerima sijil SPM melalui intervensi berfokus berdasarkan potensi, kecenderungan dan bakat murid;
- Meningkatkan keupayaan dan kesediaan JPN dan PPD dalam memberi sokongan kepada sekolah mengikut keperluan; dan
- Meningkatkan keluwesan dan akauntabiliti sekolah dalam melaksanakan intervensi khusus berasaskan sekolah.

Pada tahun 2023, inisiatif DTP telah memberi fokus kepada pengupayaan peranan JPN dan PPD dalam meningkatkan prestasi sekolah menerusi:

### 3.1.1 PROGRAM PENGUPAYAAN SISTEM SOKONGAN JPN, PPD DAN SEKOLAH

- ✎ Penguasaan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)
- ✎ Penguasaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

### 3.1.2 DIALOG PRESTASI NASIONAL

### 3.1.3 PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DTP 2023

**KPM juga memfokuskan kepada peningkatan autonomi guru dalam aspek PdP dan mengharapkan kaedah ini akan dibudayakan di semua sekolah**

### 3.1.1 Program Pengupayaan Sistem Sokongan JPN, PPD dan Sekolah


Program ini adalah program pengupayaan bagi meningkatkan Penguasaan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP) dan Penguasaan DSKP kepada 149 guru dari 23 buah sekolah fokus, 53 orang pegawai PPD dari 14 PPD dan 13 orang pegawai JPN dari tiga (3) JPN.

#### Peningkatan Penguasaan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)

Penilaian sebelum program menunjukkan bahawa terdapat 57 peratus peserta yang mengetahui tentang penggunaan data IKP murid terutama dalam aspek merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selepas pelaksanaan program, semua peserta memahami, yakin dan tahu menggunakan IKP dan dapat menggunakan IKP dalam merancang serta melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan kecenderungan dan potensi murid.



Eksibit 3.1: Prapenilaian & Pascapenilaian Penguasaan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

### Penguasaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Sebelum program dilaksanakan, terdapat guru yang kurang menguasai pemahaman kandungan dan penggunaan DSKP mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, sebanyak 64 peratus peserta bersetuju berkongsi maklumat tentang DSKP. Sebanyak 51 peratus peserta pula bersetuju bahawa penggunaan IKP murid dapat membantu sesi PdP dalam kedua-dua mata pelajaran. Setelah mengikuti program penguasaan DSKP, keseluruhan peserta dapat memahami kandungan dan penggunaan DSKP Sejarah dan Bahasa Melayu seterusnya sedia berkongsi maklumat tersebut dengan rakan-rakan yang lain. Selain itu, peserta juga bersetuju bahawa data IKP dan aktiviti permainan dinamika dapat membantu guru meningkatkan kualiti PdP.

Eksibit 3.2: Prapenilaian Penguasaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

### 3.1.2 Dialog Prestasi Nasional

Dialog Prestasi Nasional (DPN) merupakan satu platform untuk menyemak prestasi berdasarkan data setiap negeri. Pelaksanaan DPN membantu organisasi supaya lebih fokus kepada komponen sokongan dan akauntabiliti untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian ke arah meningkatkan kecemerlangan organisasi yang berfokuskan empat (4) kluster utama.

Dialog Prestasi Nasional Bilangan 1 telah dilaksanakan pada Jun 2023 di Kelantan yang berfokuskan kepada kluster berikut:

<b>1</b>	<b>Kluster 1 - Enrolmen Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Prestasi kehadiran murid</li><li>ii. Trend keciciran murid Tingkatan 5 Kohort 2023/2024</li></ul>
<b>2</b>	<b>Kluster 2 - Kemenjadian Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pencapaian murid Tingkatan 5 Kohort 2023/2024</li><li>ii. Trend tahap penguasaan PLaN murid Tahap 1 Kohort 2023/2024</li></ul>
<b>3</b>	<b>Kluster 3 - Hal Ehwal Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Data perekodan amalan baik murid Tahun 2021 hingga 2023</li><li>ii. Trend perkhidmatan bimbingan dan kaunseling murid Tahun 2021 hingga 2023</li></ul>
<b>4</b>	<b>Kluster 4 – Kecemerlangan Organisasi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Hubungkait antara kecemerlangan organisasi dan keberhasilan murid</li><li>ii. Trend tahap kesejahteraan guru</li></ul>

Dialog Prestasi Nasional Bilangan 2 pula telah berlangsung pada November 2023 di Johor. Fokus DPN pada kali ini ialah:


<b>1</b>	<b>Kluster 1 - Enrolmen Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Kehadiran Murid Tingkatan 5 Sesi 2023/2024</li><li>ii. Pengurusan Murid MBPK</li><li>iii. Pengurusan Murid Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik</li></ul>
<b>2</b>	<b>Kluster 2 - Kemenjadian Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pencapaian Akademik Murid Tingkatan 5 Sesi 2023/2024</li><li>ii. Pencapaian Murid Bagi Bidang Kokurikulum</li><li>iii. Pencapaian Pentaksiran Alternatif Murid MBPK</li><li>iv. Prestasi Pencapaian Murid Peralihan</li></ul>
<b>3</b>	<b>Kluster 3 - Hal Ehwal Murid</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Kebolehpasaran Murid Lulusan SPM</li><li>ii. Pengesanan dan Intervensi Murid dibuang Sekolah</li></ul>
<b>4</b>	<b>Kluster 4 – Kecemerlangan Organisasi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Trend Guru Bersara Pilihan</li><li>ii. Pencapaian Prestasi Guru</li><li>iii. Pencapaian Prestasi Latihan Guru</li><li>iv. Pengurusan Asrama Sekolah Harian KPM</li></ul>



Dialog Prestasi Nasional Bilangan 2/2023

Hasil daripada intervensi yang dijalankan, pencapaian DTP adalah seperti yang berikut:


Eksibit 3.3 Peratus Pencapaian Layak Mendapat Sijil (LMS) SPM Tahun 2019-2023



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 3.3 menunjukkan peratus pencapaian layak mendapat sijil (LMS) SPM 2023 meningkat sebanyak 1.90 peratus daripada SPM 2022.

Eksibit 3.4 Jurang Pencapaian Gred Purata SPM Bandar – Luar Bandar Tahun 2012 – 2023




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 3.4 menunjukkan jurang pencapaian gred purata SPM 2023 bandar dan luar bandar merapat sebanyak 29.51 peratus daripada tahun 2012.




Eksibit 3.5 Jurang Pencapaian LMS SPM Mengikut Jantina Tahun 2016 – 2023



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 3.5 menunjukkan jurang pencapaian LMS SPM 2023 mengikut jantina telah merapat sebanyak 48.33 peratus daripada tahun 2016

Eksibit 3.6 Jurang Pencapaian LMS SPM Mengikut Status Sosioekonomi Tahun 2021-2023



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 3.6 menunjukkan jurang pencapaian LMS SPM 2023 mengikut status sosioekonomi telah merapat sebanyak 55.80 peratus daripada tahun 2021.

### 3.1.3 Perkongsian Amalan Terbaik DTP 2023

Perkongsian Amalan Terbaik DTP 2023 merupakan program yang julung kali dianjurkan oleh KPM agar semua pegawai JPN, PPD dan sekolah dapat membina jaringan, berkongsi idea dan amalan terbaik pengoperasian berdasarkan lokaliti masing-masing. Program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam pada bulan November 2023 bertempat di Alor Setar, Kedah.

Program ini melibatkan semua 16 JPN yang terdiri daripada Pengarah Pendidikan Negeri, Pengurus Program DTP Negeri, 142 Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengurus Program DTP Daerah dan 145 Pengetua sekolah fokus DTP sesi 2022/2023.

# MELANGKAH KE HADAPAN

Meneruskan usaha untuk merapatkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar (BLB), pencapaian murid mengikut Status Sosioekonomi (SES) dan jantina menjelang 2025, inisiatif Pelaksanaan Program Transformasi Daerah merangka dua strategi yang lebih berfokus pada tahun 2024 iaitu memantapkan sistem sokongan dan kompetensi pegawai JPN, PPD dan sekolah secara menyeluruh.

Selaras dengan itu, lapan (8) aktiviti utama telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2024, iaitu:

- 1** Pemerkasaan program bimbingan kepada JPN dan PPD secara bersasar
- 2** Pemantapan pegawai JPN dalam melaksanakan pemantauan intervensi murid berisiko secara berfokus
- 3** Pemantapan keberkesanan bimbingan PPD secara berfokus
- 4** Pengukuhan sistem sokongan sekolah dalam menyediakan intervensi secara khusus
- 5** Pembangunan indeks transformasi JPN dan PPD
- 6** Penambahbaikan kriteria kompetensi dalam pemilihan pegawai JPN dan PPD
- 7** Pemantapan kompetensi pegawai baharu JPN dan PPD
- 8** Pengukuhan kompetensi pegawai JPN dan PPD

## 3.2 TRANSFORMASI PENDIDIKAN MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI

Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan peribumi bertujuan untuk menyediakan kesamarataan akses pendidikan yang berkualiti dan relevan seiring dengan murid yang berada dalam arus perdana berdasarkan keperluan semasa.

Pihak Kementerian sentiasa komited untuk menambahbaik akses pendidikan melalui peningkatan transisi murid Orang Asli dari sekolah rendah ke sekolah menengah, kehadiran murid peribumi (Dusun Bonggi dan Penan) ke sekolah serta TP minimum Tahun 3 dalam PBD bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif ini transformasi pendidikan murid Orang Asli dan peribumi ialah:

### 3.2.1 PEMANTAPAN INTERVENSI KEHADIRAN MURID PERIBUMI SABAH (DUSUN BONGGI) DAN SARAWAK (PENAN)

- ✎ Sesi Libat Urus (SLU)
- ✎ Program Outreach Bersama-sama Rakan Strategik

### 3.2.2 PENINGKATAN PERATUS TRANSISI MURID ORANG ASLI DARI TAHUN 6 KE TINGKATAN 1

- ✎ Program Outreach Bersama-sama JPN, PPD dan JAKOA
- ✎ Program Jom Belajar di Kelantan, Pahang, Perak, Kedah dan Selangor

### 3.2.3 PENINGKATAN PERATUS MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI TAHUN 3 YANG MENCAPAI TP MINIMUM PBD DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS DAN MATEMATIK

- ✎ Penataran Modul Latihan Pedagogi Terbeza
- ✎ Kunjung Bantu Bersepadu Pembelajaran
- ✎ Karnival Pendidikan Murid Orang Asli dan Peribumi Peringkat Kebangsaan 2023

### 3.2.1 Pemantapan Intervensi Kehadiran Murid Peribumi Sabah (Dusun Bonggi) dan Sarawak (Penan)

#### Sesi Libat Urus (SLU)

Sesi libat urus dijalankan bersama-sama JPN Sarawak, PPD Baram, PPD Belaga serta melibatkan agensi swasta dan rakan strategik seperti Setiausaha Tetap Ministry of Education, Innovation and Talent Development Sarawak (MEITD), Sarawak Energy Berhad (SEB), Tabung Amanah Bakun, Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Islam, Bank Rakyat, Tun Jugah Foundation, dan Unit Perancang Ekonomi, Premier Sarawak.



Mesyuarat Penyelarasan dan sesi libat urus Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah Belaga dan Baram dan rakan strategik

Berdasarkan perancangan SLU, beberapa intervensi telah dilaksanakan bagi membantu komuniti Penan. Antara bantuan yang telah disalurkan ialah:

- i. sumbangan peralatan persekolahan;
- ii. program motivasi yang melibatkan komuniti dan murid di kawasan terlibat;
- iii. sumbangan dana secara *one-off*; dan
- iv. pembiayaan pengangkutan kepada murid ke sekolah.

Sesi libat urus di Sabah pula melibatkan JPN Sabah, PPD Kudat bersama-sama agensi swasta dan rakan strategik seperti United Nation Children's Funds (UNICEF), Petrosains Discovery Centre, BSN, Bank Islam dan Bank Rakyat.

Di Sabah, beberapa intervensi telah dilaksanakan untuk membantu murid Dusun Bonggi. Antara bantuan yang telah disumbangkan ialah:

- i. sumbangan peralatan persekolahan;
- ii. sumbangan secara *one-off*; dan
- iii. bantuan pengangkutan ke sekolah.

Melalui SLU bersama-sama Petrosains, beberapa program telah dikenal pasti bagi menggalakkan perkembangan potensi murid dalam bidang STEM seperti program khas robotik dan program lawatan sambil belajar ke Discovery Centre Petrosains Kota Kinabalu.

Sebanyak 23 sekolah peribumi telah menjalankan intervensi bagi meningkatkan peratus kehadiran murid peribumi (Dusun Bonggi dan Penan) seperti yang berikut:

- i. Sijil Kehadiran 100 peratus;
- ii. program Ziarah Kasih;
- iii. program Sukaneka;
- iv. program Jom ke Sekolah; dan
- v. program Jom Masuk Asrama

## **Program Outreach Bersama-sama Rakan Strategik**

Program ini dijalankan bersama-sama komuniti, ibu bapa murid Penan, agensi dan NGO. Program motivasi ini disasarkan kepada sekolah-sekolah Peribumi semasa KPM, JPN Sarawak, PPD dan rakan strategik seperti Setiausaha Tetap *MEITD*, SEB, Tabung Amanah Bakun, BSN, Bank Islam, Bank Rakyat, Tun Jugah Foundation dan Unit Perancang Ekonomi Premier, Sarawak.

Antara pengisian Program *Outreach* bersama-sama rakan strategik telah dilaksanakan ialah:

- i. Program motivasi komuniti dan warga sekolah;
- ii. Program aktiviti bersama-sama murid;
- iii. Program Jom ke Sekolah;
- iv. Karnival sukan;
- v. Minggu kebudayaan dan kesenian;
- vi. Program STEM;
- vii. Minggu pameran digital; dan
- viii. Program Duta Sahsiyah.





Program Jom Sekolah

Karnival sukan dan program Jom ke Sekolah telah berjaya meningkatkan kehadiran murid peribumi khususnya di sekolah peribumi Pulau Banggi, Kudat, daerah Baram dan daerah Belaga.

Eksibit 3.7: Peratus Kehadiran Murid Peribumi (Dusun Bonggi dan Penan) dari Tahun 2019 Sehingga 2023


Tahun	Peratus Kehadiran Murid di Sekolah Peribumi	Sarawak	Sabah
2019	84.61%	8 sekolah	8 sekolah
2020	78.06%	9 sekolah	10 sekolah
2021	94.56% *semasa PKP	9 sekolah	10 sekolah
2022	79.13%	9 sekolah	10 sekolah
2023	83.12%	13 sekolah	10 sekolah

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## 3.2.2 Peningkatan Peratus Transisi Murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1

Pelaksanaan aktiviti intervensi berfokuskan transisi murid Orang Asli melibatkan tujuh (7) negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Perak, Kelantan dan Terengganu.

Eksibit 3.8: Peratus Pencapaian Transisi Murid Orang Asli Peringkat Kebangsaan (Tahun 2021 Sehingga 2023)



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pada tahun 2023, peratus transisi murid telah meningkat kepada 89.86 peratus daripada tahun 2022. Antara aktiviti yang dilaksanakan bagi menyokong usaha ini ialah:

### Program Outreach

Program Outreach bagi 13 sekolah murid Orang Asli di negeri Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu melibatkan komuniti ibu bapa. Pengisian program Outreach tersebut meliputi:

- i. pengesanan murid yang tercicir daripada sesi persekolahan;
- ii. penyampaian bantuan peralatan sekolah kepada murid yang tidak hadir ke sekolah; dan
- iii. sesi temu mesra bersama-sama Tok Batin.

## Peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 telah meningkat kepada 89.86 peratus



Sesi Outreach Intervensi Transisi Murid Orang Asli di Kampung Orang Asli Lenjang, Lipis



Sesi temu mesra di rumah Tok Batin Kampung Orang Asli Lenjang, Lipis



## Program Jom Belajar

Program Jom Belajar dilaksanakan bagi kanak-kanak warganegara khususnya anak Orang Asli yang tinggal di luar bandar, pedalaman dan pulau untuk mendapatkan hak pendidikan serta untuk mengurangkan kadar keciciran murid.

Sehingga tahun 2023, sebanyak 15 sekolah telah melaksanakan Program Jom Belajar melibatkan sebanyak 373 murid seperti Eksibit 3.9.

Eksibit 3.9 Senarai Sekolah Program Jom Belajar

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	Gua Musang, Kelantan	SK Aring	71
2	Kuala Krai, Kelantan	SK Ladang Taku	5
3	Jerantut, Pahang	SK Kuala Tahan	45
4	Jerantut, Pahang	SK Kuala Sat	25
5	Jerantut, Pahang	SK Merting	29
6	Jerantut, Pahang	SK Kg Pagi	23
7	Lipis, Pahang	SK LKTP Kechau 1	27
8	Lipis, Pahang	SK Teluk Gunung	21
9	Lipis, Pahang	SK Pagar Sasak	13
10	Hulu Perak, Perak	SK Sungai Tiang	34
11	Hulu Perak	SK Pahit	19
12	Hulu Perak	SK Bukit Sapi	22
13	Hulu Perak	SMK Tan Sri Abdul Aziz	18
14	Klang, Selangor	SJKC Hwa Lien	10
15	Baling, Kedah	SK Siong	11
			<b>373</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kunjung bantu juga telah diadakan sepanjang tahun 2023 bagi membantu pihak sekolah melaksanakan program ini secara berkesan dengan kerjasama agensi luar seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).



Murid sedang mengikuti PdP di dalam kelas khusus bagi Program Jom Belajar di SK Siong, Kedah

### 3.2.3 Peningkatan Peratus Murid Orang Asli dan Peribumi Tahun 3 yang Mencapai Tahap Penguasaan (TP) Minimum PBD dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik

Pada tahun 2022, surat pemakluman telah dikeluarkan tentang pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi di semua sekolah rendah KPM termasuk semua sekolah murid Orang Asli dan peribumi. Program ini diperluas kepada semua sekolah rendah untuk memastikan murid yang berada pada Tahun 2 dan 3 boleh menguasai sekurang-kurangnya TP minimum iaitu TP3 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Eksibit 3.10 Analisis Keputusan PBD Murid Tahun 3 Sekolah Orang Asli dan Peribumi bagi Sesi Akademik 2023/2024

Mata Pelajaran	Bahasa Melayu			
	Pertengahan Sesi Akademik		Akhir Sesi Akademik	
	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)
Bil. Murid	1,310	1,440	845	1,882
Peratus	46.92%	51.58%	30.89%	68.07%
Enrolmen Murid	2,792		2,765	
Pemeringkatan	<b>+18.07</b>			
Mata Pelajaran	Bahasa Inggeris			
	Pertengahan Sesi Akademik		Akhir Sesi Akademik	
	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)
Bil. Murid	1,671	1,078	1,213	1,521
Peratus	59.85%	38.61%	43.87%	55.01%
Enrolmen Murid	2,792		2,765	
Pemeringkatan	<b>+6.01</b>			
Mata Pelajaran	Matematik			
	Pertengahan Sesi Akademik		Akhir Sesi Akademik	
	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)	Belum Menguasai (TP1-TP2)	Menguasai (TP3-TP6)
Bil. Murid	1,334	1,416	948	1,788
Peratus	47.78%	50.72%	34.29%	64.67%
Enrolmen Murid	2,792		2,765	
Pemeringkatan	<b>+12.67</b>			

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian


Dapatan analisis PBD menunjukkan peningkatan pencapaian pertengahan dan akhir sesi akademik 2023/2024 bagi tiga subjek. Peratus murid Tahun 3 yang menguasai tahap penguasaan minimum iaitu TP3 ke atas bagi mata pelajaran Bahasa Melayu telah meningkat sebanyak 18.07 peratus daripada 52.58 peratus (1,440 orang) kepada 68.07 peratus (1,882 orang). Bahasa Inggeris pula meningkat sebanyak 6.01 peratus daripada 38.61 peratus (1,078 orang) kepada 55.01 peratus (1,521 orang), manakala bagi Matematik telah meningkat sebanyak 12.67 peratus daripada 50.72 peratus (1,416 orang) kepada 64.67 peratus (1,788 orang). Program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan peratus TP murid adalah seperti berikut:



## Penataran Modul Latihan Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Murid Orang Asli dan Peribumi

Penataran Modul ini telah bermula dari September 2022 sehingga Februari 2023 di Zon Borneo dengan pelibatan sebanyak 80 orang Jurulatih Negeri yang bertindak sebagai pakar rujuk pada peringkat negeri.

Eksibit 3.11: Taburan Jurulatih Negeri dalam Penataran Modul Latihan Pedagogi Terbeza



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Rentetan daripada penataran modul latihan pedagogi terbeza yang telah dilaksanakan di empat (4) zon tersebut, satu modul sokongan telah dirangka berdasarkan dapatan dan maklum balas yang telah diterima. Asas pembinaan modul ini berdasarkan elemen yang terdapat dalam MoLIB yang merupakan modul sokongan dalam PLaN.

Aktiviti yang dirangka dalam modul ini telah diselaraskan mengikut aras murid yang telah dipecahkan kepada tiga (3) kumpulan yang berbeza. Elemen peribumi turut dijadikan sebagai sandaran ketika pembangunan modul latihan ini yang juga telah diujarkannya mengikut DSKP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

## Fokus Kunjung Bantu Bersepadu Pembelajaran adalah:

- i. penjaminan kualiti PBD;
- ii. pengoperasian program pemulihan khas; dan
- iii. pelaksanaan PLaN

Kunjung bantu telah dilaksanakan di sekolah fokus di SK Balar, Gua Musang Kelantan dan SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang. Program ini telah melibatkan guru mata pelajaran Tahun 3 bagi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik, guru pemulihan serta semua guru kelas biasa. Dapatan daripada kunjung bantu ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Pelaksanaan penjaminan kualiti PBD di peringkat sekolah:
  - a. Pihak sekolah perlu membuat pumbugaran penjaminan kualiti PBD kepada Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP)/Ketua Panitia (KP)/guru secara terperinci agar pengesanan, penyelarasan, pementoran dan pemantauan (4P) PBD dapat ditambah baik dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan di sekolah.
  - b. Pihak sekolah telah melaksanakan PBD dengan baik dan faham akan kepentingan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, GB memerlukan bantuan penolong kanan pentadbiran dan penyelar PBD semasa menjawab beberapa soalan berkaitan pengurusan dan penjaminan kualiti PBD.
  - c. Penjaminan kualiti PBD di sekolah kurang dilaksanakan dan masih memerlukan penambahbaikan. Bimbingan susulan penjaminan kualiti PBD akan dilaksanakan untuk memantapkan pelaksanaan PBD di sekolah.
  - d. Aspek pengesanan dan penyelarasan perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan sekolah, selain tumpuan kepada pementoran dan pemantauan.
- ii. Pelaksanaan PdP menggunakan bahan sokongan MOLIB PLaN sekolah rendah menunjukkan bahawa:
  - a. guru tidak mendapat pendedahan berkaitan MoLIB;
  - b. guru tidak menguasai kemahiran merangkai dan merungkai DSKP bagi mata pelajaran yang diajar;
  - c. pelaksanaan PdP tidak mengikut Rancangan Pengajaran Harian (RPH); dan
  - d. guru tidak memahami pelaksanaan konsep pedagogi terbeza dalam PdP.
- iii. Pelaksanaan Program Pemulihan Khas:
  - a. Guru opsyen telah berpindah dan guru yang mengambil alih adalah guru arus perdana yang tidak mempunyai kemahiran mengajar murid pemulihan.
  - b. Guru tidak didedahkan dengan kemahiran mengajar murid pemulihan khas.

## Karnival Pendidikan Murid Orang Asli dan Peribumi Peringkat Kebangsaan 2023

Karnival Pendidikan Murid Orang Asli dan Peribumi Peringkat Kebangsaan 2023 adalah bertujuan untuk memberi peluang dan kesamarataan akses serta memupuk kemenjadian murid Orang Asli dan Peribumi. Antara objektif Program Karnival Pendidikan Murid Orang Asli dan Peribumi Peringkat Kebangsaan 2023 ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada murid Orang Asli dan peribumi untuk mempamerkan bakat dalam pelbagai bidang seperti pertandingan nyanyian solo, deklamasi puisi, bercerita, action song. Di samping itu, memupuk minat murid Orang Asli dan peribumi terhadap bidang robotik dan STEM bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi.



Amir Sisi murid Tahun 6 dari Sekolah kebangsaan Pos Kemar, Gerik, Perak telah memenangi 'The Chosen One', pertandingan nyanyian realiti TV yang telah disiarkan di Astro Ceria & Astro Prima. Murid Orang Asli yang dikenal pasti potensi dalam bidang nyanyian. Amir, yang berasal dari Pos Kemar di Gerik, Perak, menjadi kegemaran ramai dan dengan kemenangannya pada Oktober 2023, menjadi anak Orang Asli pertama memenangi pertandingan nyanyian di televisyen.

Cikgu Mohd Zulkhairi bin Umar dan Cikgu Wan Rahmat bin Wan Ismail merupakan guru pembimbing yang berjaya mengasah potensi murid Aizal a/l Rashid dan Nazril a/l Nazaran dari Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang Pahang yang telah berjaya mewakili Malaysia ke Make X Robotics Competition: World Championship 2023 yang diadakan di Yantai, Shandong, China.

Debbie Chau dan Suhairi Pakiah dari SK Kapitangan, Kudat, Sabah menunjukkan minat dalam bidang bercerita mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan HIP Outreach Program Organizer: The Host in collaboration with UNRWA : United Nation Reliefs and Works Agency for Palestine Refugees in the near East.



Adik Ervin bah Roslan dan adik Almin bin Rimi beraksi dalam bidang sukan besbol serta menjadi contoh kepada warga Sekolah Kebangsaan Jernang K9, Sungkai Perak.



Murid Orang Asli SMK Panggung Jaya, Gua Musang, Kelantan berjaya menonjolkan bakat melalui persembahan Choral Speaking.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, Inisiatif Transformasi Pendidikan murid Orang Asli dan peribumi diperkukuh dengan:

- 1 Follow up follow through (FUFT) bagi mengenal pasti keberkesanan program yang telah dilaksanakan
- 2 Peluasan program Sekolah Komprehensif K9 dan K11 juga diteruskan mengikut keperluan dan kesediaan oleh JPN dan PPD bagi mengurangkan keciciran dalam kalangan murid Orang Asli dan peribumi
- 3 Pemantapan PIBKS serta rakan strategik dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi
- 4 Sesi libat urus bersama-sama rakan strategik akan diperbanyakkan lagi untuk memberikan tumpuan kepada hala tuju pendidikan, akses pengangkutan dan program motivasi kepada masyarakat Penan dan Dusun Bonggi
- 5 Pemantapan PdP bagi mata pelajaran BM, BI dan Matematik di sekolah murid Orang Asli dan Peribumi
- 6 Pemeraksanaan penjaminan kualiti bagi PBD supaya murid dapat ditaksir dengan adil mengikut kemampuan mereka

## 3.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

KPM menyediakan pendidikan bagi MBPK menerusi tiga (3) pilihan persekolahan, iaitu sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI). SPK ialah sekolah yang dibina khusus bagi MBPK yang terdiri daripada sekolah kebangsaan pendidikan khas, sekolah menengah kebangsaan pendidikan khas (SMKPK) dan sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV). PPKI ialah program pendidikan bagi MBPK yang hanya dihadiri oleh MBPK di kelas khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Manakala, PPI ialah program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri bersama-sama dengan murid arus perdana dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Terdapat enam kategori MBPK seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, iaitu murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pertuturan, masalah pembelajaran dan ketidakupayaan pelbagai.

Matlamat khusus inisiatif adalah untuk meningkatkan potensi MBPK dengan membuka akses yang lebih luas menerusi pelibatan MBPK dengan rakan-rakan murid di arus perdana. Selain itu, inisiatif ini bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan dan potensi MBPK serta sumbangan mereka dalam masyarakat dapat ditingkatkan melalui pendidikan lanjutan dan peluang pekerjaan.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif ini ialah:

### 3.3.1 PEMERKASAAN PENGURUSAN PENDIDIKAN KHAS

- ✎ Penambahbaikan Buku Kod Amalan Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
- ✎ Penyediaan Indeks Inklusiviti
- ✎ Program Memperkasakan PPI bagi Pemimpin di JPN, PPD dan Pemimpin Sekolah
- ✎ Program Penataran Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua

### 3.3.2 PENINGKATAN KUALITI PENDIDIKAN KHAS

- ✎ Pembangunan Empat Modul Latihan Guru

### 3.3.3 PEMANTAPAN KESEDIAAN KEBOLEHPASARAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS


- ✎ Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK
- ✎ Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi Pemantapan Kesediaan Kebolehpasaran MBPK
- ✎ Saringan penentuan MBPK
- ✎ Program Terapis ke Sekolah



### 3.3.1 Pemerkasasaan Pengurusan Pendidikan Khas

Pada tahun 2023, sebanyak 113,186 MBPK berdaftar di SPK, PPKI dan PPI di seluruh Malaysia. Sebanyak 101,741 MBPK (89.89 peratus) berada dalam PPI pada tahun 2023 berbanding 53,818 MBPK (60.87 peratus) pada tahun 2019 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 29.02 peratus. Inisiatif ini telah menyokong Dasar Pendidikan Inklusif yang bermatlamat untuk memastikan lebih ramai MBPK berada dalam PPI melalui pelibatan MBPK dengan rakan-rakan murid di kelas arus perdana.

Eksibit 3.12: Peratus MBPK Berada Dalam PPI



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk memperkasakan pengurusan pendidikan khas, antaranya ialah:

#### **Penambahbaikan Buku Kod Amalan Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas**

Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan khas telah dihasilkan pada tahun 2015. KPM telah melaksanakan Bengkel Kerja Semakan dan Penambahbaikan Isi Kandungan Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas selaras dengan perkembangan semasa pendidikan khas berdasarkan input dan maklumat yang diperolehi daripada 100 panel yang terdiri daripada pegawai bahagian KPM, JPN, PPD, guru pendidikan khas, pengamal undang-undang, KPT, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan NGO serta wakil ibu bapa. Satu laporan penambahbaikan kandungan Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas dihasilkan selaras dengan pelan tindakan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan 2020-2025.

## Penyediaan Indeks Inklusif

Selain meningkatkan akses dalam PPI, KPM turut memberi keutamaan terhadap kualiti pelaksanaan PPI. Selaras dengan itu, KPM sedang dalam proses membangunkan indeks inklusif PPI. Indeks ini dibangunkan bertujuan mengukur pelaksanaan PPI dalam aspek kualiti serta mengikut garis panduan yang ditetapkan. Sebanyak 36 guru pendidikan khas dan arus perdana telah terlibat dalam tiga (3) siri bengkel untuk:

- i. mendapatkan input daripada pelaksana di sekolah berkaitan pelaksanaan PPI;
- ii. melaksanakan pengesahan item draf Indeks Inklusif di sekolah KPM; dan
- iii. menambah baik item Indeks Inklusif di sekolah KPM.

Indeks inklusif ini dapat memberikan manfaat kepada sekolah yang melaksanakan PPI supaya PPI dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berkualiti serta mengikut garis panduan yang ditetapkan. Guru yang terlibat dalam pembangunan dan penyediaan item Indeks Inklusif dapat meningkatkan kualiti pelaksanaan PPI di sekolah.

## Program Memperkasakan Pengurusan Program Pendidikan Inklusif bagi Pemimpin di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pemimpin Sekolah

Pengurusan Program Pendidikan Inklusif terus diperkasakan pada peringkat negeri, daerah dan sekolah melalui Kursus Kepimpinan Bimbingan dan Pementoran. Program tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pemahaman tentang pendidikan khas kepada pemimpin sistem dan pemimpin sekolah melalui pendekatan bimbingan dan pementoran. Kursus ini melibatkan 14 pegawai JPN dan 18 pegawai PPD dan 33 pemimpin sekolah.

## Program Penataran Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua

Penyediaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan elemen penting dalam pelaksanaan pendidikan khas. RPI disediakan bagi memastikan keperluan pembelajaran MBPK dipenuhi. Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua telah dihasilkan pada tahun 2022. SLU bersama-sama bahagian di KPM yang dihadiri 21 pegawai bertujuan meningkatkan kefahaman pegawai KPM berhubung pelaksanaan RPI berdasarkan Buku Panduan RPI terkini.

### 3.3.2 Peningkatan Kualiti Pendidikan Khas

#### Pembangunan Empat Modul Latihan Guru

Pembangunan modul latihan khusus untuk guru dalam pendidikan khas merupakan langkah penting ke arah meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan sebagai bahan tambahan pedagogi guru pendidikan khas. Empat modul latihan yang digunakan oleh guru pendidikan khas adalah untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menyokong PdP yang lebih berkesan. Pembangunan empat modul latihan guru telah dibangunkan secara berterusan oleh IPGM bagi memenuhi keperluan tersebut. Empat modul tersebut adalah:

- i. Modul Latihan Orientasi dan Mobiliti;
- ii. Modul Latihan Kemahiran Membraille dan Membaca Braille;
- iii. Modul Latihan Pembinaan Grafik Taktil; dan
- iv. Modul Latihan Intervensi MBPK dengan Sokongan Maksimum.

Modul tersebut digunakan sebagai bahan rujukan tambahan oleh guru pendidikan khas bagi melaksanakan PdP yang sesuai untuk MBPK.



Modul Latihan Guru Pendidikan Khas

**Empat modul latihan yang digunakan oleh guru pendidikan khas adalah untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menyokong PdP yang lebih berkesan**


### 3.3.3 Pemantapan Kesiediaan Kebolehpasaran MBPK

Kebolehpasaran MBPK merujuk kepada MBPK yang tamat persekolahan sama ada:

- i. melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA dan ILKS);
- ii. melanjutkan pelajaran di pusat Pendidikan yang tidak menawarkan sijil pengiktirafan; atau
- iii. bekerja sendiri atau bekerja di sektor awam atau swasta.

Pencapaian kebolehpasaran MBPK menunjukkan peningkatan sebanyak 1.87 peratus pada tahun 2023, iaitu 71.14 peratus berbanding 69.27 peratus pada tahun 2022.

Eksibit 3.13 Peratus Kebolehpasaran MBPK



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pelbagai program yang telah dilaksanakan bagi menyokong dan meningkatkan kebolehpasaran MBPK, antaranya ialah:

#### Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK

Karnival *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MADANI MBPK Tahun 2023 telah dilaksanakan bagi memacu serta meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan MBPK. Program ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti pemain industri, institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, rakan strategik dan badan berkanun. Karnival *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MADANI MBPK Tahun 2023 juga melibatkan penyertaan pihak swasta seperti Wakaf An-Nur, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, PERKESO, J-Biotech, Yayasan Corporation Johor, Hospital Penawar Johor, MyIPO, Majlis Belia OKU, Lembaga Pelabuhan Johor dan Syarikat Air Johor.

Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK Tahun 2023 telah memberikan pendedahan kepada lebih 1,000 MBPK dan 500 guru pendidikan khas sekitar negeri Johor dalam meningkatkan kebolehpasaran MBPK. Penganjuran karnival ini menjadi platform dalam mengetengahkan potensi MBPK kepada peneraju industri ke arah kebolehkerjaan MBPK. Karnival seumpama ini akan diteruskan pada peringkat negeri dan diperluas ke negeri-negeri lain supaya peluang MBPK dalam bidang kerjaya dapat ditingkatkan sekali gus membantu ke arah kebolehkerjaan MBPK dan meningkatkan kualiti hidup mereka.





*Karnival Outreach Inklusif dan Kebolehpasaran MADANI MBPK Tahun 2023*

## **Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi Pemantapan Kesediaan Kebolehpasaran MBPK**

Pemerkasaan pelaksanaan Program Transisi ke Kerjaya (PTK) MBPK pada peringkat sekolah menengah diperkasakan melalui Bengkel Kerja Komuniti Pembelajaran Profesional bagi meningkatkan PTK MBPK Tahun 2023 telah dilaksanakan bagi penerapan komponen transisi ke kerjaya MBPK secara merentas kurikulum.

Program ini melibatkan 20 guru PPKI dan 16 pegawai Sektor Pendidikan Khas JPN dari seluruh Malaysia. Selain daripada itu, pelaksanaan latihan industri di Persatuan Day Break sebagai pendedahan komponen PTK turut dikongsikan.



*Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) KPM*

## **Saringan penentuan MBPK**

Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) KPM merupakan suatu program yang dilaksanakan untuk mengenal pasti murid Tahun 3 dalam program pemulihan khas di sekolah yang tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) serta mempunyai ciri-ciri berkeperluan pendidikan khas. Pemilihan murid yang mengikut program PROSPER dikawal selia oleh guru pemulihan khas di sekolah menggunakan instrumen khusus. Program ini melibatkan pegawai bidang khusus di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), pegawai perubatan KKM, agensi universiti awam dan agensi swasta.

Selain daripada mengenal pasti tahap keupayaan murid Program Pemulihan Khas Tahun 3 yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran, PROSPER juga dapat:

- i. melaksanakan pemeriksaan lanjut bagi murid yang mempunyai ciri berkeperluan pendidikan khas untuk pengesahan diagnosis oleh pegawai atau pengamal perubatan;
- ii. mencadangkan program pendidikan yang bersesuaian mengikut kategori ketidakupayaan murid; dan
- iii. membantu pelaksanaan intervensi yang bersesuaian kepada murid berdasarkan dapatan saringan dan penilaian.

Pada tahun 2023, KPM telah melaksanakan sebanyak 91 siri PROSPER di seluruh negara dengan melibatkan seramai 5,500 murid. Kerjasama padu daripada 55 pegawai bidang khusus 3PK serta hampir 1,500 jurupulih dan pegawai perubatan JKN, PKD, Klinik Kesihatan dan hospital universiti telah dapat mengesahkan seramai 3,796 murid sebagai MBPK.

## Program Terapis ke Sekolah

Program Terapis ke Sekolah merupakan program yang dilaksanakan oleh 55 pegawai bidang khusus 3PK dalam memberi khidmat sokongan pendidikan khas kepada guru dan murid di sekolah. Perkhidmatan sokongan yang merangkumi intervensi berbentuk saringan, terapi dan perkongsian ilmu berkaitan pengurusan murid di sekolah. Perkhidmatan ini telah memberikan manfaat kepada 564 murid di 61 sekolah di seluruh negara. Program ini melibatkan pegawai bidang khusus seperti:

- 3.1 Audiologi
- 3.2 Terapi Cara Kerja
- 3.3 Terapi Pertuturan-Bahasa
- 3.4 Psikologi
- 3.5 Psikologi Klinikal
- 3.6 Fisioterapi
- 3.7 Pegawai Intervensi

**Kerjasama padu daripada 55 pegawai bidang khusus 3PK serta hampir 1,500 jurupulih dan pegawai perubatan JKN, PKD, Klinik Kesihatan dan hospital universiti telah dapat mengesahkan seramai 3,796 murid sebagai MBPK**

## MELANGKAH KE HADAPAN

Inisiatif ini akan diteruskan bagi meningkatkan kualiti pengoperasian Pendidikan Khas pada tahun 2024 menerusi aktiviti yang berikut:

- 1** Program Pengesanan Perkembangan dan Intervensi Murid Prasekolah (PROSPIM) kepada murid prasekolah di 16 negeri
- 2** Program Memperkasakan Pengurusan Program Pendidikan Inklusif di 16 buah Jabatan Pendidikan Negeri
- 3** Kem Kecemerlangan Akademik Bahasa Melayu dan Sejarah SPM di JPN
- 4** Pemantapan Penggunaan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua di JPN
- 5** Karnival Kebolehpasaran MBPK



# KISAH INSPIRASI



“Saya hanyalah cikgu biasa sahaja. Anak-anak murid sayalah yang berjaya lakukan banyak perkara yang mungkin ramai tidak menyangka dapat dilaksanakan”. Begitulah ungkapan kata Cikgu Azam apabila disoal berkaitan dengan dirinya. Berasal dari Miri, Sarawak, Cikgu Wan Muadzam bin Wan Abidin, atau lebih mesra disapa sebagai Cikgu Azam telah berkhidmat selama 15 tahun sebagai guru pendidikan khas di SK Klang, Selangor. Antara kejayaan tertinggi yang telah diperolehi oleh beliau ialah Cikgu Azam telah disenarai pendek sebagai finalis 50 teratas Global Teacher Prize setelah tiga tahun Malaysia tidak mempunyai wakil dalam anugerah terkemuka dunia tersebut.

Kegigihan beliau melatih MBPK ketidakupayaan penglihatan telah memberi inspirasi kepada murid yang lain. Hasilnya anak muridnya berjaya memperoleh emas dalam acara olahraga 100 meter, 200 meter, lompat jauh dan lontar peluru dalam Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Negeri Selangor dan Kebangsaan bagi tahun 2021-2023.

Selain itu, beliau terpilih sebagai finalis Program Rancangan Realiti TV (INNOVATHON) di saluran Astro anjuran Kementerian Sains & Teknologi bersama Kementerian Ekonomi. Antara inovasi telah dihasilkan oleh Cikgu Azam, iaitu:

- i. menjalankan program pencarian bakat membabitkan MBPK ketidakupayaan penglihatan dengan menganjurkan pertandingan olahraga khas peringkat Negeri Selangor;
- ii. membina sebuah alat bantu latihan bagi MBPK ketidakupayaan penglihatan dikenali sebagai ‘Caballus’ bagi menyertai aktiviti sukan olahraga; dan
- iii. mereka cipta sebuah inovasi yang dinamakan sebagai Orientasi Persekitaran (E-OP) yang membantu murid mengenal persekitaran dan tempat bagi orang kurang upaya (OKU) penglihatan. Ini merupakan kali pertama MBPK mereka cipta inovasi STEM dalam kemenjadian MBPK.

Berikut merupakan antara anugerah yang telah dimenangi oleh Cikgu Wan Muadzam:

- i. Top 50 Global Teacher Prize 2023 (VARKEY FOUNDATION & UNESCO Paris)
- ii. Rise Educator Award 2023
- iii. Edufluencer KPM 3.0 2023
- iv. Top 10 Malaysia Teacher Prize 2022
- v. Tokoh Hari Penglihatan Sedunia 2022
- vi. Anugerah Kreatif (sempena Hari Sambutan OKU Kebangsaan 2021)



Cikgu Azam turut dijemput untuk berkongsi pengalaman di pelbagai persidangan, konvensyen dan perkongsian webinar pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya adalah acara anjuran SEAMEO-SEN dan UNESCO.

Dalam melaksanakan pembelajaran bermakna bagi kemenjadian murid, beliau turut aktif dalam penulisan kajian tindakan dan amalan terbaik serta memenangi empat (4) pingat emas, dua (2) pingat perak dan memenangi satu Anugerah Pembentang Terbaik pada peringkat antarabangsa.



# BAB 04

**MEMBANGUNKAN KARAKTER  
DAN MEMUPUK PERPADUAN  
MELALUI PENDIDIKAN**





## 4.1 PENGUKUHAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah berhasrat untuk mengukuhkan perpaduan dan membentuk identiti nasional dalam kalangan warga sekolah. Pengukuhan perpaduan merangkumi menyemai sikap toleransi, saling memahami, menerima dan menghormati kepelbagaian serta berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, etnik, agama mahupun status sosioekonomi.

Segala usaha ini diukur melalui Kajian Indeks Perpaduan yang menjadi indikator tahap pembudayaan semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

Pelbagai usaha dijalankan bagi mencapai hasrat ini termasuklah mengiktiraf sekolah yang mengamalkan perpaduan, penerapan nilai perpaduan yang memastikan pembangunan karakter murid dan mengukuhkan peranan pemimpin sekolah dalam pemupukan dan penyemaian nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

Sehubungan dengan itu, untuk tahun 2024 dan berikutnya, usaha perlu dilipatgandakan untuk memastikan momentum peningkatan ini berterusan dan kekal lestari.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif adalah seperti yang berikut:

### 4.1.1 PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS PERPADUAN TAHUN 2023 DI SEKOLAH KPM

- Tinjauan Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan

### 4.1.2 PEMBANGUNAN KOMPETENSI PEMIMPIN PENDIDIKAN DALAM PENGURUSAN PERPADUAN DI SEKOLAH

### 4.1.3 PENAMBAHBAIKAN PROGRAM/KURSUS LATIHAN GURU SEDIA ADA DI IPG DALAM PENERAPAN PERPADUAN

### 4.1.4 PENGUKUHAN PERPADUAN DALAM EKOSISTEM SEKOLAH

- Pembudayaan Amalan Perpaduan di Sekolah Melalui Kurikulum dan Aktiviti Kokurikulum
- Pengiktirafan Sekolah yang Membudayakan Perpaduan dan Identiti Nasional

### 4.1.5 PENUBUHAN JAWATANKUASA PERPADUAN PADA PERINGKAT KPM


### 4.1.1 Pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan Tahun 2023 di sekolah KPM

#### Tinjauan Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan


Kajian Indeks Perpaduan telah diperkenalkan bagi mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid berkaitan dengan keupayaan untuk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa sama ada ketika di dalam bilik darjah mahupun ketika berada di luar bilik darjah.

Trend indeks perpaduan di sekolah KPM adalah pada tahap erat dan nilai indeks telah meningkat secara konsisten dari tahun 2018 hingga 2023. Pada tahun 2023, nilai indeks telah meningkat kepada 7.51, seperti ditunjukkan dalam Eksibit 4.1. Dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi semakin baik dalam konstruk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan dalam kalangan warga sekolah terutamanya dalam kalangan guru berbanding dengan murid (eksibit 4.2).

Eksibit 4.1: Trend Indeks Perpaduan di Sekolah KPM 2014-2023



Eksibit 4.2: Tahap Indeks Perpaduan Guru dan Murid Mengikut Konstruk



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Penilaian terhadap guru sekolah menengah dan sekolah rendah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan ini telah mencapai tahap perpaduan sangat erat dalam konteks menghormati perbezaan dan mengurus perbezaan. Oleh itu, proses perpaduan dalam kalangan mereka perlu terus dikekalkan. Dalam konteks menerima perbezaan, tahap perpaduan mereka adalah erat. Ini menunjukkan bahawa proses perpaduan perlu terus diperkukuhkan.

Murid sekolah menengah menunjukkan tahap perpaduan yang erat dalam kesemua konteks iaitu menerima, menghormati dan mengurus perbezaan.

Bagi murid sekolah rendah, tahap perpaduan adalah erat dalam konteks menghormati perbezaan dan mengurus perbezaan. Dalam konteks menerima perbezaan, hanya dua komponen iaitu bekerjasama dan percaya yang mencapai tahap erat manakala bersikap terbuka dan toleransi masih apda tahap sederhana yang memerlukan usaha penyatupaduan dipertingkatkan.

Rumusannya, tahap perpaduan akan terus meningkat selaras perkembangan tahap kematangan pemikiran, pendedahan dalam pergaulan dan proses penyesuaian kehidupan.

Eksibit 4.3: Interpretasi Indeks Perpaduan

Indeks	Tahap Perpaduan	Interpretasi
0.0 – 2.5	Longgar	Proses penyatupaduan perlu diusahakan dengan gigih
2.6 – 5.0	Sederhana	Proses penyatupaduan perlu dipertingkatkan
5.1 – 7.5	Erat	Proses penyatupaduan perlu diperkukuhkan
7.6 – 10.00	Sangat Erat	Proses penyatupaduan perlu dipertahankan

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Berdasarkan Eksibit 4.4, tahap perpaduan adalah erat bagi kesemua elemen bahasa, etnik, kelas sosial dan jantina. Pencapaian yang agak rendah bagi murid sekolah menengah bagi elemen jantina. Namun, beberapa buah negeri menunjukkan pencapaian baik berbanding elemen yang lain.

Eksibit 4.4: Tahap Indeks berdasarkan elemen bahasa, etnik, kelas sosial dan jantina

	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	WP Kuala Lumpur	WP Labuan
Bahasa	7.20	6.48	6.18	7.09	7.45	6.33	7.09	6.13	7.00	7.43	7.5	6.91	6.24	7.04	7.28
Etnik	7.15	6.47	6.17	7.04	7.37	6.36	7.02	6.04	6.93	7.47	7.38	6.87	6.22	6.98	7.23
Kelas Sosial	7.15	6.6	6.4	7.13	7.42	6.51	7.03	6.25	7.00	7.39	7.24	6.99	6.47	7.04	7.27
Jantina	6.91	6.29	6.16	6.86	7.23	6.32	6.81	6.1	6.79	7.13	7.13	6.63	6.24	6.76	6.69

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Para guru telah menunjukkan tahap perpaduan yang sangat erat pada tahun 2023 manakala murid masih kekal pada tahap perpaduan yang erat.

#### 4.1.2 Pembangunan Kompetensi Pemimpin Pendidikan dalam Pengurusan Perpaduan di Sekolah

Pihak PGB merupakan agen pemupukan dan kelestarian budaya perpaduan yang paling utama.

Oleh itu, sebanyak 212 PGB telah diberikan latihan dan penerangan mengenai kepentingan merancang, melaksana dan memantau program atau aktiviti perpaduan secara berterusan di sekolah bagi memastikan murid sentiasa memahami kepentingan perpaduan kepada kestabilan dan kemakmuran negara.

Pada tahun 2023, dua siri kursus telah dilaksanakan secara e-Pembelajaran dan tiga siri kursus berjaya diadakan secara bersemuka, dan diikuti dengan sesi FUFT.



Impak daripada pelaksanaan Kursus Penerapan Nilai Perpaduan dan FUFT antaranya ialah:

- i. mencetuskan kesedaran PGB untuk melaksanakan peranan sebagai peneraju organisasi dengan penuh integriti dan akauntabiliti;
- ii. meningkatkan ilmu dan kefahaman dan kemahiran PGB dalam pengurusan perpaduan di sekolah;
- iii. memberi pencerahan kepada salah tanggapan yang berlaku dalam kalangan PGB dan telah diberi pencerahan;
- iv. mewujudkan jalinan dan jaringan antara sekolah dan institusi bagi tujuan kolaborasi (dalam pelaksanaan aktiviti perpaduan); dan
- v. menyediakan PGB untuk berkongsi amalan terbaik berkaitan pengurusan perpaduan di sekolah.

### **4.1.3 Penambahbaikan Program/Kursus Latihan Guru Sedia Ada di IPG dalam Penerapan Perpaduan**

Selain daripada pentadbiran yang cekap dalam perancangan dan pelaksanaan program atau aktiviti, para guru merupakan agen terpenting dalam rangkaian usaha menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan murid. Latihan yang menyeluruh perlu diberikan kepada para guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui kegiatan di dalam dan di luar bilik darjah bagi memastikan murid sentiasa menyedari kepentingan membudayakan nilai perpaduan dalam diri mereka.

Garis Panduan Penerapan Elemen Perpaduan dan Nilai Merentas Kurikulum telah disediakan bertujuan meningkatkan pedagogi pensyarah dalam memahami, mengaplikasikan dan menerapkan elemen perpaduan dan nilai di dalam atau luar bilik kuliah. Teras perpaduan yang difokuskan ialah patriotisme dan demokrasi, identiti nasional serta ekosistem perpaduan melalui tiga konstruk iaitu menerima perbezaan, menghormati perbezaan dan mengurus perbezaan. Tiga (3) teras perpaduan yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara diperincikan dalam topik berkaitan dengan kurikulum yang dikenal pasti untuk menerapkan elemen perpaduan dan nilai merentas kurikulum.

**Garis Panduan Penerapan Elemen Perpaduan dan Nilai Merentas Kurikulum telah disediakan bertujuan meningkatkan pedagogi pensyarah dalam memahami, mengaplikasikan dan menerapkan elemen perpaduan dan nilai di dalam atau luar bilik kuliah**



## 4.1.4 Pengukuhan Perpaduan dalam Ekosistem Sekolah

### Pembudayaan Amalan Perpaduan di Sekolah Melalui Aktiviti Kurikulum dan Kokurikulum

Semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah dapat dilihat melalui persefahaman dan komunikasi yang sopan dan berkesan. Untuk memastikan pelibatan maksimum murid dalam kegiatan kokurikulum supaya semangat kebersamaan dan setiakawan dapat dipupuk merentas perbezaan kaum, etnisiti, sosioekonomi, lokasi dan jantina, pelbagai ruang dan peluang perlu diwujudkan untuk murid saling mengenali dan bercampur gaul. Sehubungan dengan itu, setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan adalah untuk mewujudkan ruang dan peluang bagi menyemarakkan semangat perpaduan.

Berdasarkan dapatan daripada Kajian Indeks Perpaduan di sekolah tahun 2022, terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan pencapaian yang rendah secara relatif iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak yang secara umumnya adalah homogenus. Oleh itu, satu kem perpaduan peringkat kebangsaan telah dilaksanakan bagi mewujudkan peluang murid bercampur gaul dengan murid pelbagai bangsa dari negeri Selangor dan Kuala Lumpur.




*Amalan Perpaduan di Sekolah Melalui Aktiviti Kokurikulum*

### Pengiktirafan Pembudayaan di Sekolah yang Membudayakan Perpaduan dan Identiti Nasional

Kejayaan membudayakan nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah bergantung kepada pentadbiran dan usaha seluruh sekolah. Sehubungan dengan itu, Penilaian Pengiktirafan Perpaduan di Sekolah KPM telah dijalankan pada bulan Ogos hingga September 2023 di 57 sekolah yang dicalonkan oleh JPN dan 13 Sekolah Wawasan.

Daripada jumlah yang dicalonkan, 19 sekolah atau 27.14 peratus telah mencapai skor purata antara 90.00 hingga 100 peratus dan diberikan pengiktirafan 5 bintang, iaitu 14 sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah.

Eksibit 4.5 : Bilangan Sekolah yang mendapat pengiktirafan 5 bintang



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Pengiktirafan 4 bintang telah diberikan kepada 39 sekolah iaitu 55.72 peratus daripada jumlah sekolah yang mencapai skor purata antara 80.00 hingga 89.99 peratus. Sekolah ini terdiri daripada 29 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah.

Sebanyak 12 sekolah atau 17.14 peratus telah meraih pengiktirafan 3 bintang untuk semua kategori dengan skor di antara 70.00 hingga 79.99 peratus yang terdiri daripada 11 sekolah rendah, termasuk tiga (3) sekolah wawasan dan satu (1) sekolah menengah.

Kesimpulannya, sebanyak 58 sekolah atau 82 peratus telah memperoleh pengiktirafan 4 dan 5 bintang daripada 70 buah sekolah yang dinilai.

#### 4.1.5 Penubuhan Jawatankuasa Perpaduan pada Peringkat KPM

Untuk memastikan aspirasi menyemarakkan semangat perpaduan kekal lestari pada semua peringkat, satu Jawatankuasa Perpaduan peringkat KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan dianggotai oleh para Pengarah Bahagian dan Negeri telah diwujudkan. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan perkara berkaitan usaha KPM memperkasakan pembudayaan nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah dan penyelesaian untuk isu atau cabaran yang timbul.

# MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, Kementerian meneruskan usaha untuk melaksanakan aktiviti yang berikut:

- 1** Pemantapan profesionalisme pensyarah dan Pegawai Alur Kerja (WSL) Inisiatif Pengukuhan Perpaduan dan latihan kepada PGB secara lebih berfokus
- 2** Bengkel *Train The Trainer*
- 3** Kursus Penerapan Nilai Perpaduan untuk PGB
- Tinjauan Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan dilaksanakan di:
  - 4** 4.1. Terengganu
  - 4.2. Sekolah Wawasan
  - 4.3. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
- Menyemarakkan pembudayaan amalan perpaduan di sekolah dengan kerja sama bersama sama rakan strategik
  - 5** 5.1. Program Kenali Budaya Kita
  - 5.2. Kem Anak Malaysia
  - 5.3. Bakat Merdeka
  - 5.4. Video TikTok Perpaduan
- 6** Penilaian Pengiktirafan Perpaduan ke atas 109 sekolah
- 7** Pemantapan penerapan elemen perpaduan dan nilai merentas kurikulum
- 8** Memastikan cadangan daripada Kajian Indeks 2023 dimasukkan ke dalam perancangan setiap aktiviti tahun 2024
- 9** Pengupayaan semula Jawatankuasa perpaduan pada peringkat JPN, PPD dan sekolah

## 4.2 PEMBANGUNAN POTENSI DAN KARAKTER MURID

Pembangunan karakter murid bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai kualiti dalam semua aspek kehidupan baik dari segi pendidikan, tingkah laku, pekerjaan, cara berfikir dan bertindak. Isu utama yang menjadi perhatian masyarakat ialah salah laku disiplin dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, salah satu objektif inisiatif ini adalah untuk mengekang isu salah laku disiplin murid. Pelbagai intervensi dan program sahsiah diri murid diperkenalkan untuk membina kualiti murid agar tidak terlibat dengan salah laku disiplin. Inisiatif ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk guru, ibu bapa dan komuniti luar agar hasrat untuk melahirkan modal insan yang holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) tercapai.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif ini adalah bertumpu kepada:

### 4.2.1 PEMBANGUNAN KARAKTER DAN SAHSIAH MURID

- ✎ Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA)
- ✎ Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM)
- ✎ Program Khidmat Masyarakat di Semua Sekolah di KPM (KHIDMAS)

### 4.2.2 PENGUKUHAN PERANAN DAN KOMPETENSI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING (OPSYEN) SERTA GURU BIMBINGAN LANTIKAN DALAMAN (BUKAN OPSYEN)

### 4.2.3 PENINGKATAN BILANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA KAUNSELOR MALAYSIA

### 4.2.4 PEMANTAPAN KIT PEMUGARAN ELEMEN PEMBANGUNAN KARAKTER BERASASKAN TEMA (VERSI RINTIS)

## 4.2.1 Pembangunan Karakter dan Sahsiah Murid

### Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA)

PRISMA bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan minda murid khususnya melalui pembelajaran sosial emosi dan kemahiran gaya daya tindak murid. Di samping itu, PRISMA membantu murid meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan mental, mengurus emosi dengan baik dan panduan mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan sesuatu cabaran atau masalah.

Dapatan pra dan pasca PRISMA menunjukkan bahawa peningkatan keberkesanan sebanyak 410 murid sekolah rendah Tahun 5 dan 6, 520 murid menengah rendah, Tingkatan 1 hingga 3 dan 520 murid menengah atas Tingkatan 4 hingga di seluruh Malaysia telah menyertai program ini. Modul PRISMA yang digunakan dalam aktiviti bersama-sama murid telah menunjukkan peningkatan dalam lima (5) domain utama kecerdasan emosi seperti kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi, empati dan kemahiran sosial.




Keyakinan diri peserta juga telah meningkat dan mereka menjadi lebih menyayangi dan menghargai diri sendiri serta menghormati perasaan orang lain. Para peserta juga dapat mengenal pasti sebab berlakunya gangguan emosi dan dapat bertindak untuk mengaplikasikan kemahiran mengurus emosi dengan baik.

Eksibit 4.6 : Jadual Proses Pelaksanaan PRISMA


Saringan Minda Sihat	PraPRISMA	PRISMA	PascaPRISMA	Tindak susul kepada murid yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan
Murid yang telah dikenal pasti mempunyai tanda-tanda awal kesukaran dalam mengurus emosi dipilih untuk menyertai PRISMA	Sebelum PRISMA, kemahiran gaya daya tindak dan kemahiran mengurus emosi murid dikenal pasti	Melalui PRISMA, murid diberikan pendedahan pembelajaran sosial emosi dan kemahiran gaya daya tindak	Selepas PRISMA kemahiran gaya daya tindak dan kemahiran mengurus emosi murid telah dikenal pasti	Murid mengikuti sesi kaunseling di sekolah Konsultasi bersama-sama ibu bapa/penjaga Rujukan ke klinik/hospital

Eksibit 4.7 : Dapatan Pra dan Pasca Mengikut Domain Kecerdasan Emosi Murid Sekolah Rendah




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Eksibit 4.8: Dapatan Pra dan Pasca Mengikut Domain Kecerdasan Emosi Murid Sekolah Menengah Rendah



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Dapatan pascaPRISMA menunjukkan peningkatan kemahiran murid dalam mengurus emosi dan penjagaan kesihatan mental. Murid juga dapat memahami kemampuan diri, mengendalikan emosi dengan baik dan memanfaatkan kelebihan yang ada untuk kemajuan diri.

### Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM)


KPM amat mengambil berat isu salah laku disiplin dalam kalangan murid. Oleh itu, PPSDM dilaksanakan untuk mengurus dan memberikan kesedaran kepada murid untuk membuat perubahan sikap dan tingkah laku bagi membangunkan potensi diri secara menyeluruh. Pelaksanaan PPSDM telah dijalankan secara berfokus mengikut 4 fasa utama, iaitu fasa kenal pasti peserta, fasa intervensi, fasa perkembangan dan pengukuhan serta fasa pengayaan.

Tumpuan PPSDM kepada lima (5) salah laku kategori berat yang meliputi salah laku berunsur jenayah, kelucahan, tingkah laku musnah, ponteng sekolah, merokok, buli dan pelibatan dengan gejala dadah. Di samping itu, salah laku juga direkod berkategori ringan seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri, kenakalan dan tingkah laku tidak mementingkan masa turut diambil kira dan juga direkod dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). Pada tahun 2023, sebanyak 179 sekolah menengah terpilih dari seluruh negara yang melibatkan seramai 895 orang murid telah menjadi fokus bagi pelaksanaan PPSDM.

Impak PPSDM dapat dilihat melalui dapatan skor Ujian Pra dan Pasca yang ditadbirkan kepada peserta. Ujian pra dan pasca menunjukkan skor perubahan diri murid dalam aspek nilai jati diri, nilai tanggungjawab, nilai harga diri dan nilai kualiti diri. Analisis skor ujian pra dan pasca adalah seperti yang berikut:

**Dapatan pascaPRISMA menunjukkan peningkatan kemahiran murid dalam mengurus emosi dan penjagaan kesihatan mental**

Eksibit 4.10: Analisis Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Ujian pra PPSDM menunjukkan 0.13 peratus murid berada pada tahap rendah dan 7.69 peratus pada tahap sederhana, manakala majoriti murid iaitu 64.76 peratus berada pada tahap tinggi dan 27.42 peratus sangat tinggi. Namun, tiada lagi murid berada pada tahap rendah. Penurunan peratus juga berlaku pada tahap sederhana iaitu daripada 7.69 peratus kepada 1.36 peratus. Peningkatan yang ketara dapat dilihat pada tahap sangat tinggi iaitu daripada 27.42 peratus kepada 67.25 peratus.

Keputusan ini menunjukkan bahawa PPSDM telah memberi impak kepada murid mengikut aspek yang diukur. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui penurunan bilangan Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) berbanding tahun 2018 seperti Eksibit 4.11.

Eksibit 4.11: Bilangan Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) Tahun 2017 sehingga 2023




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

## Program Khidmat Masyarakat (KHIDMAS) di Semua Sekolah di KPM

KHIDMAS ditakrifkan sebagai aktiviti yang dijalankan oleh murid secara individu atau secara berkumpulan dengan mana-mana pihak termasuk individu, komuniti, agensi kerajaan, persatuan, pihak swasta dan NGO sama ada di dalam atau di luar sekolah.

Murid yang melibatkan diri dalam program KHIDMAS, dari sudut psikologi dapat meningkatkan rasa kepuasan diri apabila dapat membantu orang lain secara sukarela serta dapat mengurangkan stres dan kemurungan. Dari segi sosial pula, program ini memberi peluang kepada murid secara tidak langsung untuk menjalankan hubungan atau keakraban yang lebih erat bersama pihak komuniti. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan personal, pengalaman sendiri serta membangunkan kemahiran komunikasi interpersonal murid.

Eksibit 4.12 : Peratus Murid mengikut Skor Pelaksanaan Khidmat Masyarakat



Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Pada tahun 2023, sebanyak 485,101 daripada 733,648 atau 66 peratus murid sekolah menengah telah mendapat skor 10 kerana telah melaksanakan lebih daripada lima (5) aktiviti khidmat masyarakat secara aktif, komited dan menunjukkan potensi diri yang tinggi.

Eksibit 4.13 : Skor Murid yang Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat

SKOR	DESKRIPSI
10 markah	Murid melaksanakan <b>lima (5)</b> aktiviti khidmat masyarakat secara sangat aktif, komited dan menunjukkan potensi diri yang tinggi.
8 markah	Murid melaksanakan <b>empat (4)</b> aktiviti khidmat masyarakat secara aktif, komited dan menunjukkan potensi diri yang tinggi.
6 markah	Murid melaksanakan <b>tiga (3)</b> aktiviti khidmat masyarakat secara komited dan menunjukkan kesungguhan.
4 markah	Murid melaksanakan <b>dua (2)</b> aktiviti khidmat masyarakat secara komited dan menunjukkan minat.
2 markah	Murid melaksanakan <b>satu (1)</b> aktiviti khidmat masyarakat di tahap minimum.

Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

**Murid yang melibatkan diri dalam program KHIDMAS dapat meningkatkan rasa kepuasan diri apabila dapat membantu orang lain secara sukarela serta dapat mengurangkan stres dan kemurungan**



## 4.2.2 Penguatan Peranan dan Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (Opsyen) dan Guru Bimbingan Lantikan Dalaman (Bukan Opsyen)

Program Peningkatan Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) Opsyen dan Bukan Opsyen dilaksanakan bagi meningkatkan profesionalisme GBK dalam merancang, melaksana, menilai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sistematik, berkualiti dan berimpak. Program ini juga dapat menyediakan GBK yang kompeten bagi memenuhi keperluan melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berkesan di sekolah.

Seramai 198 orang GBK (Opsyen) dan 75 Guru Bimbingan Lantikan Sekolah (Bukan Opsyen) (GBLS) daripada JPN Sabah, Selangor, Pahang, Perak dan Johor telah mengikut program pembangunan kompetensi ini.

Melalui program ini, peserta mendapat suntikan motivasi supaya GBK dan GBLS dapat melaksanakan program Unit Bimbingan dan Kaunseling dengan proaktif. Pengisian slot bengkel yang bersesuaian dengan keperluan pembangunan kemahiran GBK dan berbentuk praktikal dapat meningkatkan keyakinan GBK untuk memberikan perkhidmatan kaunseling yang berkualiti.

Aktiviti perbincangan dalam kumpulan dan perkongsian dengan penerima anugerah, perkongsian amalan terbaik peringkat negeri dan kebangsaan juga berupaya meningkatkan kefahaman peserta tentang kompetensi berkaitan dengan kaunseling.



*Peserta program mendengar sesi perkongsian amalan terbaik perkhidmatan bimbingan dan kaunseling daripada GBK berpengalaman*



*Peserta dibimbing secara terus dan aktif melalui sesi perbincangan dalam kumpulan*

**Program ini juga dapat menyediakan GBK yang kompeten bagi memenuhi keperluan melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berkesan di sekolah**

### 4.2.3 Peningkatan Bilangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia

Program Pendaftaran GBK sebagai Kaunselor Berdaftar bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dan pertauliahannya kepada GBK di sekolah. Sebanyak tiga (3) siri program telah dilaksanakan. Siri pertama dan kedua di Lembaga Kaunselor di Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya melibatkan 35 GBK manakala siri ketiga di Universiti Tun Hussien Onn, Batu Pahat Johor melibatkan 25 GBK. Bilangan GBK yang berdaftar sebagai kaunselor berdaftar telah meningkat kepada 55.07% pada tahun 2023 berbanding 41 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah kaunselor berdaftar menunjukkan iltizam dan kesungguhan bagi memastikan murid di sekolah KPM mendapat khidmat bimbingan dan kaunseling yang terbaik.



Proses semakan borang dan dokumen oleh sekretariat Lembaga Kaunselor



Program Pendaftaran GBK sebagai Kaunselor Berdaftar Siri 2/2024 berlangsung di Pejabat Pendaftar, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Parit Raja, Johor

**Bilangan GBK yang berdaftar sebagai kaunselor berdaftar telah meningkat kepada 55.07% pada tahun 2023 berbanding 41 peratus pada tahun sebelumnya**

### 4.2.4 Pemantapan Kit Pemugaran Elemen Pembangunan Karakter Berasaskan Tema (Versi Rintis)

Pemantapan kit Pemugaran Elemen Pembangunan Karakter Berasaskan Tema adalah bertujuan untuk memantapkan dan memurnikan aktiviti PdP berdasarkan tema Pendidikan Karakter. Pemantapan Kit ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kebolehgunaan kit yang akan digunakan sebagai panduan dalam kajian rintis pelaksanaan elemen pembangunan karakter melalui kurikulum berasaskan tema di sekolah rendah dan menengah.

Eksibit 4.14 : Peratus Penerimaan Tahap Kebolehlaksanaan Elemen Pembangunan Karakter Melalui Kurikulum Berasaskan Tema (Sangat Setuju dan Setuju)

	Kebolehlaksanaan Oleh Guru	Penerimaan Cadangan Pendekatan EPK Dalam Kit	Kesesuaian Integrasi Dalam Aktiviti Umum	Kesesuaian Integrasi Dalam Aktiviti PdP	Kebolehlaksanaan Dengan Sumber Sedia Ada	Usaha Meneruskan
Guru	70%	72%	73%	71%	72%	72%
Pentadbir	81%	81%	82%	85%	90%	87%

Nota: Dalam analisis ini, hanya peratus sangat setuju dan setuju diambil kira, selainnya ialah peratus (agak setuju, agak tidak setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju)

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kajian tentang penerimaan tahap kebolehlaksanaan elemen pembangunan karakter melalui kurikulum berasaskan tema telah dijalankan kepada guru dan pentadbir. Dapatan ini merumuskan sokongan yang kuat terhadap pendekatan melibatkan elemen pembangunan karakter melalui kurikulum berasaskan tema.

Maklumat yang diperolehi melalui aktiviti ini akan memberikan kesan positif kepada pembangunan karakter murid, pembentukan generasi yang berintegriti dan berdaya saing.

## MELANGKAH KE HADAPAN

KPM akan meneruskan usaha memperkukuh pendidikan karakter murid melalui peluasan program pembangunan karakter murid di sekolah dan pemantapan PdP dalam kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum.

Di samping itu, peranan pihak berkepentingan akan terus diperkasakan seperti peningkatan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah serta pelibatan ibu bapa, komuniti dan agensi luar dalam pembangunan karakter murid.

Peranan serta kualiti perkhidmatan kaunseling di sekolah akan menjadi fokus utama KPM untuk mengukuhkan peranan GBK (opsyen) dan GBK (bukan opsyen).

### 1 Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA)

Peningkatan kesejahteraan minda (tahap sosial emosi dan kemahiran gaya daya tindak murid) melalui PRISMA

Peningkatan kualiti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah melalui Coaching dan Mentoring Guru Bimbingan Lantikan Dalaman

### 2 Program Khidmat Masyarakat

Peluasan Program Khidmat Masyarakat melalui aktiviti peringkat negeri

### 3 Pemantapan Kit Pemugaran Elemen Pembangunan Karakter Berasaskan Tema

Cadangan Pelaksanaan Elemen Pembangunan Karakter Melalui Kurikulum Berasaskan Tema

Kajian Masa Hadapan iaitu dengan membangunkan kaedah menangani masalah seperti kawalan kelas dan kekangan masa untuk memastikan pelaksanaan elemen pembangunan karakter melalui kurikulum berasaskan tema berjalan lancar

### 4 Pengukuhan dan peluasan Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid

Menyasarkan 100 peratus pengurangan sekolah bermasalah disiplin tinggi dengan membendung pelibatan murid dalam kes salah laku berat termasuk penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang



# BAB 05

**MEMANTAPKAN KECEKAPAN  
PENYAMPAIAN PENDIDIKAN**





## 5.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH

Infrastruktur fizikal di sekolah yang selamat dan selesa amat penting dalam memastikan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dapat dicapai. Tumpuan inisiatif ini adalah untuk memastikan semua sekolah dilengkapi secukupnya bagi menyokong penyampaian kurikulum dan pedagogi. Oleh itu, usaha pembangunan semula atau menaik taraf sekolah yang mempunyai bangunan daif mengikut standard infrastruktur berdasarkan kesesuaian dan keperluan setempat di semua sekolah KPM perlu diutamakan. Hal ini juga selari dengan keperluan pembangunan infrastruktur sekolah yang telah digariskan dalam PPPM 2013-2025.

Pada tahun 2023, inisiatif ini memberikan tumpuan kepada:

### 5.1.1 PENINGKATAN PERATUS SEKOLAH YANG TELAH MENCAPAI TANDA ARAS INFRASTRUKTUR ASAS YANG DITETAPKAN

### 5.1.2 PEMBANGUNAN SEMULA DAN NAIK TARAF BANGUNAN DAIF DARIPADA SENARAI SEKOLAH YANG MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF SKALA 6 DAN SKALA 7

### 5.1.3 PENAMBAHBAIKAN MODUL INFRASTRUKTUR EMIS


#### 5.1.1 Pencapaian Peratus Sekolah yang Telah Mencapai Tanda Aras Infrastruktur Asas yang Ditetapkan

EMIS (Educational Management Information System) ialah sebuah aplikasi yang digunakan sebagai satu sistem pengurusan maklumat pendidikan utama bertujuan membantu pihak pengurusan KPM dalam membuat perancangan, pemantauan dan keputusan berkaitan dengan pendidikan. Pemantapan dan penyelarasan data EMIS adalah sangat penting bagi memastikan setiap perancangan pembangunan fizikal KPM dapat dibuat dengan komprehensif. Oleh itu, pelaksanaan sepuluh Bengkel Verifikasi Pengisian Data Modul Infrastruktur EMIS bersama-sama Jurulatih Utama Guru Data (JUGD/PPD) telah dilaksanakan di Perlis, Sabah, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pengisian data yang betul, tepat dan terkini akan menjadikan maklumat tersebut lebih berkualiti dan dipercayai serta membantu pihak pengurusan KPM membuat keputusan berkaitan dengan perancangan pembangunan pendidikan dengan lebih efektif.

**Tumpuan inisiatif ini adalah untuk memastikan semua sekolah dilengkapi secukupnya bagi menyokong penyampaian kurikulum dan pedagogi**

Sehingga bulan Disember 2023, terdapat peningkatan pada lima garis aras kemudahan minimum untuk penyampaian kurikulum berbanding pada tahun 2022. Namun ada sedikit penurunan pada kemudahan sukan.

Eksibit 5.1: Pencapaian Garis Asas Kemudahan Minimum untuk Penyampaian Kurikulum bagi Tahun 2022 dan 2023



## 5.1.2 Pelaksanaan Pelan Operasi Tahun 2023 Pembangunan Semula dan Naik Taraf Bangunan Daif daripada Senarai Sekolah yang Mempunyai Bangunan Daif Skala 6 dan Skala 7

Lawatan tapak untuk menentukan ketersediaan tapak bagi projek pembangunan semula sekolah dengan bangunan daif dan beberapa siri bengkel bersama-sama jabatan teknik seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Sebanyak 47 projek pembangunan semula sekolah dengan bangunan daif yang selamat dan kondusif telah berjaya disiapkan pada tahun 2023.

*Eksibit 5.2 : Senarai Projek Pembangunan Semula Sekolah dengan Bangunan Daif telah Selesai Dinaik Taraf untuk Tahun 2023*

Negeri	Kawasan	Bilangan Projek Siap
Kedah	Pendang	2
Perak	Bagan Serai	1
Sabah	Beaufort	1
	Beluran	3
	Keningau	4
	Kimanis	1
	Kinabatangan	1
	Kota Marudu	2
	Kudat	1
	Papar	1
	Penampang	1
	Ranau	2
	Silam	1
Sarawak	Batang Lupar	1
	Batang Sadong	2
	Bintulu	4
	Hulu Rajang	2
	Julau	1
	Kanowit	2
	Kapit	1
	Kota Samarahan	2
	Lubok Antu	1
	Santubong	1
	Saratok	1
	Sarikei	1
	Selangau	3
	Serian	3
	Sri Aman	1
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan

### 5.1.3 Penambahbaikan Modul Infrastruktur EMIS

Penambahbaikan item dalam EMIS berdasarkan kriteria penyelenggaraan yang telah dimuktamadkan telah siap dilaksanakan sepenuhnya, antaranya ialah:

- i. mewujudkan tab permohonan penyelenggaraan untuk memudahkan pihak sekolah/institusi pendidikan memohon permohonan peruntukan bagi penyelenggaraan;
- ii. penambahan maklumat berdasarkan templat pelaporan yang diperlukan untuk prestasi perbelanjaan;
- iii. ringkasan senarai permohonan yang dijana mengikut susunan keutamaan oleh JPN/Bahagian dan bukan mengikut kod sekolah; dan
- iv. penambahan struktur bukan bangunan yang memerlukan peruntukan penyelenggaraan seperti rumah pam, menara tangki, dewan terbuka, rumah solar, susur gajah dan koridor. Bagi bangunan sekolah baharu, tempat menunggu bas sekolah yang dibina di atas tanah KPM akan didaftarkan sebagai aset KPM dan penyelenggaraan adalah di bawah KPM.

Penambahbaikan yang dilakukan telah memberi impak positif kepada proses pembaikan dan penyelenggaraan yang diperlukan kerana perancangannya dilaksanakan dengan lebih cekap dan menjadikan persekitaran fizikal yang lebih kondusif untuk murid belajar. Antara penambahbaikan kriteria dalam EMIS adalah seperti yang berikut:

Tab Muat Turun Data

NO	KOD	JPN	KOD	NAMA	STATUS	Jumlah	Masa	Masa
1	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
2	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
3	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
4	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
5	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
6	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
7	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
8	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
9	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
10	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
11	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
12	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
13	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
14	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
15	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
16	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
17	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
18	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
19	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0
20	0400	JPN	0400	0400	0	0	0	0

Tab Pemantauan Pengisian

## MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini akan melaksanakan aktiviti yang berikut:

- 1 Pemantauan kemudahan infrastruktur asas di semua sekolah
  - i) Pemantauan status infrastruktur sekolah melalui Sub-Modul Infrastruktur, EMIS
  - ii) Pemerksaan peranan guru data, pegawai teknikal J (Kader JKR) dan pegawai perancangan dan pegawai Pendidikan khas dalam pengisian data di EMIS
  - iii) Penambahbaikan tatacara pengurusan sekolah yang mempunyai bangunan daif melalui Sub-Modul Infrastruktur EMIS
- 2 Pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf sekolah dengan bangunan daif



## 5.2 PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT DAN PENINGKATAN PENGURUSAN DATA KPM

Pelaksanaan Transformasi ICT dan Peningkatan Pengurusan Data KPM dilaksanakan untuk mewujudkan ekosistem ICT dan gerbang tunggal yang mantap, selamat, berintegriti dan bersepadu bagi penyampaian perkhidmatan berkualiti.

Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) KPM Peringkat Keupayaan dilaksanakan kerana terdapat pertindihan fungsi aplikasi dan kekangan integrasi antara aplikasi di KPM. Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT KPM melibatkan permohonan kelulusan pindah butiran 2,884 perjawatan Juruteknik Komputer (JTK) dari sekolah ke JPN.

Pada tahun 2023, inisiatif ini memberikan tumpuan kepada:

### 5.2.1 PEMBANGUNAN ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA) KPM PERINGKAT KEUPAYAAN

### 5.2.2 PEMUSATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT KPM

#### 5.2.1 Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) KPM Peringkat Keupayaan

Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) KPM Peringkat Keupayaan dilaksanakan kerana terdapat pertindihan fungsi aplikasi dan kekangan integrasi antara aplikasi di KPM. Di samping itu, terdapat penambahan dan perubahan keperluan pengguna serta proses kerja yang memerlukan penambahbaikan. Kajian ini melibatkan 24 Bahagian, empat (4) JPN dan tiga (3) PPD.

KPM perlu memperkasakan infrastruktur dan infostruktur digital yang sesuai untuk tujuan kalis masa hadapan dan holistik bagi memenuhi keperluan pembangunan aplikasi teras yang bersepadu. EA yang dibangunkan KPM meliputi pengumpulan portfolio aplikasi semasa, reka bentuk aplikasi baharu dan pentakrifan pelan implementasi dan migrasi bagi:

- i. pengurusan Pelajar;
- ii. pengurusan Pengajar;
- iii. pengurusan Institusi Pendidikan;
- iv. pengurusan Peperiksaan dan Pentaksiran;
- v. pengurusan Biasiswa dan Bantuan Kewangan; dan
- vi. pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan.

Catatan: Berdasarkan dokumen Pelan Tranformasi ICT KPM 2019-2023 (perlanjutan 2024 – 2025).

Reka bentuk EA KPM Peringkat Keupayaan yang merangkumi empat (4) domain iaitu Bisnes, Data, Aplikasi dan Teknologi (BDAT) akan menjadi input dan rujukan dalam pelaksanaan pembangunan aplikasi teras baharu bagi memastikan aplikasi yang dibangunkan berupaya memenuhi keperluan perkhidmatan seterusnya menyokong pengurusan data yang berintegriti.

Sebanyak dua (2) bengkel telah dilaksanakan iaitu Bengkel Validasi EA KPM dan Bengkel Penjajaran EA KPM. Bengkel Validasi EA KPM bertujuan untuk membentang dan mengesahkan penemuan daripada analisis as-is (semasa) EA yang menyokong skop ini. Bengkel ini turut mengumpul maklum balas dan input daripada peserta berkenaan keperluan analisis *to-be* (sasaran).

Bengkel Penjajaran EA KPM pula dilaksanakan untuk perkongsian pandangan berkenaan sasaran EA yang merangkumi integrasi antara domain BDAT bagi menyokong perkhidmatan KPM serta pelan implementasi dan migrasi berdasarkan sasaran EA yang telah dihasratkan. Sepanjang tempoh projek juga, beberapa sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion, FGD), kumpulan pelaksana (working group) dan semakan dokumen serahan telah diadakan.

Dokumen utama mengikut Fasa Pembangunan EA KPM Peringkat Keupayaan adalah seperti yang berikut:

Fasa 1: Permulaan (Julai 2022 hingga Oktober 2022)

- a) Dokumen Permulaan Projek Pembangunan EA

Fasa 2: Penilaian (September 2022 hingga April 2023)

- a) Dokumen Proses Bisnes KPM
- b) Dokumen Arkitektur Semasa EA KPM

Fasa 3: Penakrifan (Disember 2022 hingga November 2023)

- a) Dokumen Arkitektur Sasaran EA KPM
- b) Dokumen Keperluan Kefungsian
- c) Dokumen Keperluan Teknikal
- d) Pelan Implementasi dan Migrasi

Fasa 4: Pengoperasian (Ogos 2023 hingga November 2023) :

- a) Dokumen Pengoperasian EA KPM

## 5.2.2 Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT KPM

Sebelum pemusatan ini diluluskan, norma perjawatan Juruteknik Komputer (JTK) ialah seorang bagi setiap sekolah yang mempunyai Pusat Akses. Oleh itu, hanya terdapat 2,884 buah sekolah sahaja yang mempunyai JTK berbanding keseluruhan 10,034 sekolah KPM. Permohonan pemusatan ini telah berjaya diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) pada 11 September 2023. Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT KPM membolehkan semua sekolah KPM menerima perkhidmatan teknikal ICT secara terus dan sama rata daripada JTK yang dipusatkan dan ditadbir urus JPN.



Mesyuarat Penyelarasan Perjawatan JTK Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Perlis pada 5 September 2023

# MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini memerlukan usaha dalam memastikan:

- 1 Rujukan kepada pembangunan aplikasi teras baharu bagi mengukuhkan keupayaan KPM dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan untuk menyokong inisiatif pembelajaran digital pada masa hadapan
- 2 Pelaksanaan Perkhidmatan Teknikal ICT KPM

## KISAH INSPIRASI

### Pembangunan EA Peringkat Keupayaan

Inspirasi bagi projek pembangunan EA KPM Peringkat Keupayaan:

- a) Projek ini mengemukakan proses kerja yang diselaraskan bagi aplikasi utama baharu yang menyokong perkhidmatan utama KPM dalam skop ini
- b) Membangunkan Pelan Implementasi dan Migrasi yang merangkumi peralihan daripada aplikasi sedia ada kepada aplikasi utama baharu. Pelan ini akan menunjukkan perubahan daripada Arkitektur Semasa kepada Arkitektur Sasaran

### Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT KPM (Secara Pindah Buliran)

Semenjak pemusatan ini dilaksanakan, didapati semua program dan projek ICT dapat dilaksanakan dengan lancar di sekolah seperti kelas hybrid, menaik taraf rangkaian, pembekalan peranti digital, TIMSS, PISA dan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK).

Pelaksanaan pemusatan ini juga membolehkan pusat panggilan aduan ICT dapat dilaksanakan secara berpusat dan berkesan. Setiap aduan dan permohonan direkod, dipantau dan perlu diselesaikan dalam tempoh Service Level Agreement (SLA) yang telah ditetapkan. Pada tahun 2023, sejumlah 36,640 aduan dan permohonan perkhidmatan teknikal ICT yang diterima berjaya diselesaikan.

Selain itu, pelaporan berkala mengenai kemudahan dan infrastruktur ICT hasil daripada aktiviti verifikasi dan penyelenggaraan peralatan yang dilaksanakan secara pemusatan ini dapat memastikan ketersediaan maklumat dikongsikan pada peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM. Maklumat ini dapat membantu pihak pengurusan atasan KPM membuat keputusan berkesan bagi menambah baik dan memantapkan penyampaian perkhidmatan KPM.

## 5.3 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Inisiatif Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM merupakan inisiatif bawah anjakan ke-10, iaitu memaksimumkan keberhasilan murid hasil daripada kos yang dibelanjakan. Objektif inisiatif ini adalah untuk memanfaatkan peluang kecekapan dengan mengagihkan peruntukan mengikut keutamaan, mengoptimumkan peruntukan yang disalurkan untuk keberhasilan bagi murid dan memastikan kesaksamaan dalam pengagihan peruntukan bantuan persekolahan mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Inisiatif ini meneruskan pemberian autonomi kepada pengurus sekolah untuk membuat pindah peruntukan antara lima jenis Bantuan Persekolahan (BP) Umum KPM kepada kohort seterusnya berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Pemberian autonomi ini memberikan satu kelebihan kepada sekolah untuk membuat pindah peruntukan pada peringkat pengurusan sekolah masing-masing.

Pada tahun 2023, fokus inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

### 5.3.1 PEMBERIAN AUTONOMI KEPADA PENGURUS SEKOLAH (PGB) KOHORT 2

### 5.3.2 PENATARAN, PEMANTAUAN DAN BIMBINGAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN KAEDAH PEMBIAYAAN BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN UMUM KPM KOHORT 2 TAHUN 2023-2025

### 5.3.3 PELAKSANAAN BIMBINGAN KEPADA PENGURUS SEKOLAH

**Inisiatif Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM merupakan inisiatif bawah anjakan ke-10, iaitu memaksimumkan keberhasilan murid hasil daripada kos yang dibelanjakan**

### 5.3.1 Pemberian Autonomi Kepada Pengurus Sekolah (PGB) Kohort 2

Pelaksanaan autonomi dalam kaedah pembiayaan bagi BP Umum membantu sekolah untuk mengoptimumkan perbelanjaan mengikut keperluan sekolah melalui pengurusan kewangan yang lebih strategik dan efisien serta meningkatkan keberhasilan murid. Pemberian autonomi pindah peruntukan antara lima (5) jenis BP Umum KPM memberikan kelebihan kepada sekolah yang terpilih untuk membelanjakan peruntukan tahun semasa yang diterima secara optimum berdasarkan keperluan dan keutamaan sekolah.

Berdasarkan pemantauan dan bimbingan yang telah dilaksanakan pada tahun 2023, terdapat sebuah sekolah di PPD Seremban yang telah membuat pindah peruntukan antara lima (5) jenis BP Umum yang diberikan dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan, manakala sekolah lain yang terlibat memaklumkan tiada keperluan untuk membuat pindah peruntukan.



### 5.3.2 Penataran, Pemantauan dan Bimbingan Pelaksanaan Garis Panduan Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan Bagi Bantuan Persekolahan Umum KPM Kohort 2 Tahun 2023-2025

Pemberian autonomi kepada sekolah kohort kedua (tahun 2023-2025) adalah melalui Surat Siaran Pelaksanaan Kohort Kedua Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan bagi Bantuan Persekolahan Umum KPM bertarikh 11 Julai 2023. Sebanyak 998 sekolah telah dipilih berdasarkan laporan audit sekolah yang mencapai status audit cemerlang dalam pengurusan kewangan sekolah dan audit tanpa teguran dalam penyediaan penyata kewangan sekolah bagi tahun 2018 hingga 2020. Melalui surat siaran ini, sekolah yang terpilih diberi autonomi untuk membuat pindah peruntukan antara lima jenis BP Umum mulai 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2025. Namun, bilangan tersebut terpaksa dijadikan 997 sekolah kerana SK Sembayang, Sarawak dikeluarkan daripada senarai dengan kelulusan surat penangguhan daripada JPN Sarawak kerana sekolah tidak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2023.

Jawatankuasa Inisiatif telah melaksanakan penataran kepada sekolah yang terpilih dengan bantuan pegawai penghubung JPN yang telah dilantik dan akauntan/penolong akauntan di JPN/PPD dari bulan Ogos hingga Oktober 2023.

Buku Garis Panduan Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan bagi BP Umum KPM Kohort 2 Tahun 2023-2025 telah diterbitkan dan diedarkan kepada seluruh JPN serta sekolah sebagai panduan pelaksanaan kaedah pembiayaan bagi Bantuan Persekolahan Umum. Garis panduan yang diedarkan merangkumi topik berikut:

Topik 1: Pengenalan/Penataran Autonomi dalam Kaedah Pembiayaan BP Umum KPM


Topik 2: Garis Panduan Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan bagi Bantuan Persekolahan Umum KPM (Kohort 2) tahun 2023-2025

Topik 3: Tatacara pengurusan perakaunan kumpulan wang sekolah/ pindah peruntukan BP Umum bagi sekolah yang diberi autonomi (Kohort 2) tahun 2023-2025

Topik 4: Tatacara audit bagi pindah peruntukan BP Umum bagi sekolah yang diberi autonomi (Kohort 2) tahun 2023-2025

Pemantauan dan bimbingan secara bersemuka melibatkan 104 sekolah autonomi kohort 2 untuk membuat semakan dan mengenal pasti tahap pematuhan sekolah terhadap semua peraturan/ tatacara perakaunan yang sedang berkuat kuasa khususnya berkaitan dengan proses pindah peruntukan yang dibenarkan bawah autonomi ini serta menyemak prestasi perbelanjaan sekolah tahun 2023.

Pencapaian prestasi perbelanjaan sekolah kohort 2 ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 62.69 peratus atau 625 daripada 997 sekolah telah mencapai prestasi perbelanjaan 50 peratus dan ke atas sehingga pertengahan tahun 2023 mengikut kalendar akademik tahun semasa. Eksibit 5.3 menunjukkan prestasi perbelanjaan sekolah sehingga 30 September 2023 mengikut julat pencapaian.



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

### 5.3.3 Pelaksanaan Bimbingan kepada Pengurus Sekolah

Sebanyak 330 PGB dikenal pasti telah diberikan bimbingan dalam pengurusan kewangan. Daripada jumlah PGB tersebut, sebanyak 253 sekolah yang dikenal pasti mendapat penarafan kurang memuaskan bagi laporan audit. Oleh itu, KPM telah melaksanakan langkah intervensi dalam bentuk 11 siri Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah kepada PGB supaya mereka mahir dalam pengurusan kewangan sekolah agar dapat memperoleh laporan audit cemerlang pada masa akan datang. Bimbingan ini juga merupakan salah satu usaha untuk peluasan sekolah diberi autonomi.

# MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2024, inisiatif ini akan memberikan tumpuan untuk memastikan JPN memainkan peranan dalam melaksanakan aktiviti pemantauan dan bimbingan kepada sekolah terpilih bagi mengoptimumkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima. Jawatankuasa Inisiatif juga merancang untuk memperluas pelaksanaan autonomi. Antara aktiviti yang dirancang ialah:

- 1 Pemantauan sekolah yang diberi autonomi oleh JPN
- 2 Penilaian prestasi perbelanjaan sekolah yang diberikan autonomi
- 3 Pelaksanaan bimbingan kepada pengurus sekolah yang dikenal pasti memerlukan bimbingan dalam pengurusan kewangan
- 4 Pelaksanaan bimbingan kepada pembantu tadbir yang menguruskan kewangan sekolah
- 5 Pelaksanaan bimbingan kepada sekolah beralih ke Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)
- 6 Pemantauan ICT bagi kebolehgunaan Sistem eSPKWS bagi sekolah berstatus autonomi
- 7 Penguatkuasaan penggunaan eSPKWS kepada semua sekolah


## 5.4 PENGOPTIMUMAN PERBELANJAAN BERASASKAN KEBERHASILAN PROGRAM

Kementerian Pendidikan merupakan penerima peruntukan terbesar dalam bajet tahunan kerajaan. Keutamaan yang diberikan terhadap sektor pendidikan menunjukkan hasrat kerajaan untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan berkemahiran menerusi pendidikan berkualiti. Bagi menjamin pulangan pelaburan yang baik, serta memastikan keberhasilan murid dan transformasi pendidikan negara tercapai, perancangan rapi berasaskan prinsip perbelanjaan berhemah dan perbelanjaan mengikut keutamaan dititikberatkan.

Kementerian mengambil langkah proaktif untuk mengawal perbelanjaan seiring dengan usaha bagi memastikan agenda pendidikan negara dapat direalisasikan. Bahagian dan Jabatan pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing merancang secara teliti dan berhemah supaya peruntukan yang diluluskan dapat dibelanjakan secara optimum.

Kementerian Pendidikan telah menerima peruntukan mengurus (bukan emolumen) sebanyak RM7.75 billion pada tahun 2023 berbanding RM7.24 billion pada tahun 2022. Jumlah tersebut menunjukkan kadar peningkatan peruntukan sebanyak 6.97 peratus seperti yang berikut:

Eksibit 5.4: Jumlah Peruntukan Mengurus (Bukan Emolumen) diterima KPM bagi tahun 2022 dan 2023



	Peruntukan Emolumen (RM)	Peruntukan Bukan Emolumen (RM)	Jumlah Peruntukan Mengurus Kementerian (RM)
2022	40,347,107,400	7,243,826,300	47,590,933,700
2023	41,751,612,100	7,748,387,900	49,500,000,000

Sumber: Bahagian Kewangan

**Bagi menjamin pulangan pelaburan yang baik, serta memastikan keberhasilan murid dan transformasi pendidikan negara tercapai, perancangan rapi berasaskan prinsip perbelanjaan berhemah dan perbelanjaan mengikut keutamaan dititikberatkan**



Antara aktiviti dan program keberhasilan murid yang mendapat faedah daripada penajajaran tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Penyediaan Peralatan STEM dan Set Robotik:

Peruntukan Disalurkan (RM)	Negeri	Bil. Sekolah yang Terlibat	Bil. Murid yang Menerima Manfaat
RM5,881,000	Semua Negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak	316	75,636

2. Pembekalan Peralatan Sukan, Seni dan Pusat Kokurikulum

Peruntukan Disalurkan (RM)	Negeri	Bil. Sekolah yang Terlibat	Bil. Murid yang Menerima Manfaat
RM14,119,000	Semua Negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak	1,042	1,025,361

3. Penyediaan Keperluan TVET Berteraskan IR4.0 untuk Program KV Digitalpreneur:

Peruntukan Disalurkan (RM)	Negeri	Bil. Sekolah yang Terlibat	Bil. Murid yang Menerima Manfaat
RM400,000	Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kuala Lumpur	31	460

4. Penyediaan Peralatan TVET Berteraskan IR4.0 untuk Program *Smart Farming*:

Peruntukan Disalurkan (RM)	Negeri	Bil. Sekolah yang Terlibat	Bil. Murid yang Menerima Manfaat
RM750,000	Perak, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah	5	3,582

5. Penyediaan Perabot Plastik Sekolah yang Terkesan Banjir:

Peruntukan Disalurkan (RM)	Negeri	Bil. Sekolah yang Terlibat
RM1,000,000	Melaka, Johor dan Terengganu	66

Sumber: Bahagian Kewangan

Bagi tahun 2023, peratus peruntukan yang diijazahkan kepada program berasaskan keberhasilan murid meningkat kepada 0.44 peratus daripada keseluruhan peruntukan bukan emolumen dengan jumlah RM34,136,503.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Kementerian akan meneruskan dasar perbelanjaan secara berhemah dalam mengurus kewangan dengan memberi keutamaan kepada aktiviti dan program yang berimpak tinggi terhadap keberhasilan murid melalui penajajaran semula peruntukan bukan emolumen di bawah Peruntukan Belanja Mengurus B63 KPM.

# BAB 06

**MENGHARUNGI GELOMBANG  
AKHIR PPPM 2013-2025**



## RETROSPEKTIF PPPM 2013-2025

Tahun 2023 menandakan satu lagi tahun penting dalam perjalanan PPPM 2013-2025. Laporan ini merangkumi pencapaian signifikan, cabaran yang dihadapi, dan prospek masa depan dalam usaha mencapai matlamat pelan ini. Perhatian khusus diberikan kepada perubahan dalam pengurusan penyampaian, termasuk penubuhan Unit Pengurusan Penyampaian PPPM (Delivery Management Unit, DMU) yang menggantikan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (Education Performance and Delivery Unit, PADU) Corporation.

PPPM 2013-2025 merupakan hasil daripada suara kolektif rakyat yang inginkan perubahan dalam sistem pendidikan negara. Selaras dengan aspirasi ini, KPM telah menggariskan transformasi pendidikan berasaskan acuan Malaysia, di samping memastikan sistem pendidikan kebangsaan kekal relevan di persada antarabangsa. Sebagai langkah untuk menilai pencapaian ini, KPM telah melaksanakan pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA sebagai penanda aras bagi menilai dan membandingkan prestasi sistem pendidikan kita dengan negara-negara lain, agar setara dengan piawaian global.

Selama 11 tahun pelaksanaan PPPM daripada tahun 2013 hingga 2023, banyak pencapaian yang signifikan dalam meningkatkan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan pendidikan di Malaysia. PPPM 2013-2025 yang dibangunkan dengan pendekatan holistik melalui penyelarasan antara pelbagai bahagian KPM dan agensi berkaitan, telah bergerak secara konsisten ke arah pencapaian misi dan visi yang sama. Hasilnya, sistem pendidikan negara terus mengalami peningkatan yang ketara, seiring dengan keperluan global, dan dasar ini kekal relevan sehingga hari ini. Kejayaan ini mencerminkan komitmen KPM dalam memastikan transformasi pendidikan yang menyeluruh dan berimpak tinggi dapat dilaksanakan demi masa depan generasi muda Malaysia.





## Status Semasa Pencapaian PPPM 2013-2025

Senarai pencapaian PPPM 2013-2025 bagi tahun 2023 adalah seperti yang berikut:







### Ekuiti

- Peratus pengurangan jurang pencapaian LMS SPM mengikut jantina telah berkurang sebanyak 40.48 peratus
- Peratus MBPK berada dalam PPI meningkat kepada 89.89 peratus
- Peratus kebolehpasaran MBPK meningkat kepada 71.14 peratus
- Peratus kehadiran murid peribumi (Dusun Bonggi dan Penan) meningkat kepada 83.02 peratus
- Peratus transisi murid orang asli dari Tahun Enam ke Tingkatan 1 meningkat kepada 89.68 peratus



### Perpaduan

- Peningkatan Indeks Perpaduan di sekolah kepada 7.5 mata
- Peratus penurunan SBDT berkurang sebanyak 73.18 peratus
- Peratus GBK yang Berdaftar dengan Lembaga Kaunseling Malaysia (LKM) meningkat kepada 55.07 peratus



### Kecekapan

- Peratus sekolah yang mencapai penanda aras infrastruktur asas telah mencapai 12 peratus
- Bilangan pembangunan semula dan naik taraf sekolah dengan bangunan daif yang berada pada skala 6 dan 7 yang siap sebanyak 47 sekolah
- Peratus sekolah yang diberi autonomi mengoptimumkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima telah mencapai 62.69 peratus

# PEJABAT PENGURUSAN PENYAMPAIAN: DULU DAN KINI

## Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Sejak penubuhannya pada 20 Mac 2013, PADU telah memainkan peranan penting dalam memacu transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025. Sepanjang 11 tahun beroperasi, PADU berjaya menggerakkan pelbagai inisiatif transformasi pendidikan, termasuk peningkatan kualiti guru, pemantapan sistem pembelajaran, serta pengukuhan penyampaian pendidikan merentasi pelbagai peringkat. Kejayaan ini termasuk peningkatan skor Malaysia dalam penilaian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA, pengurangan kadar keciciran murid, serta pencapaian kemajuan yang signifikan dalam pendidikan STEM dan literasi digital di sekolah.

Namun, dalam tempoh tersebut, pelbagai cabaran juga telah dihadapi. Di peringkat pelaksanaan, kekangan sumber manusia dan kewangan sering kali menjadi isu utama dalam memastikan kesemua inisiatif PPPM dapat dilaksanakan secara efektif. Selain itu, terdapat cabaran dalam memastikan keselarasan dan penyelarasan antara agensi serta pihak berkepentingan di pelbagai peringkat, terutamanya dalam memastikan pemahaman dan pelaksanaan dasar yang konsisten.

Tahun 2023 mencatatkan peristiwa penting dengan penamatan perkhidmatan PADU pada 31 Disember 2023. Walaupun peranan memacu pelaksanaan PPPM 2013-2025 tidak lagi dilaksanakan oleh PADU, kejayaan selama 11 tahun ini menjadi landasan kukuh bagi meneruskan transformasi yang sedang dilaksanakan.

## Rasional dan Tujuan Penubuhan DMU

Bagi memastikan kesinambungan usaha transformasi, KPM kini menubuhkan Unit Pengurusan Penyampaian PPPM (Delivery Management Unit, DMU) yang akan memainkan peranan penting untuk tempoh dua tahun terakhir PPPM 2013-2025. Proses transisi dari PADU ke DMU telah dimulakan dengan pelaksanaan Pelan Perpindahan Fungsi PADU ke KPM, yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PPPM Bilangan 3 Tahun 2022 pada 8 Julai 2022.

Penubuhan DMU bertujuan untuk meningkatkan koordinasi dan pelaksanaan inisiatif dengan menggunakan kapasiti kepakaran pegawai KPM. Unit ini akan bertindak sebagai organisasi utama mengantikan fungsi PADU yang terdahulu dalam memastikan pengurusan penyampaian kementerian dan pihak berkepentingan dilaksanakan dengan lebih strategik dan efisien, menjadi konsultan bagi KPM dan memberi latihan pengurusan projek atau program kepada bahagian yang memerlukan.

## Proses Penyerahan Fungsi PADU kepada KPM

Sebagai persediaan menghadapi proses transisi, pemilihan pegawai dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) telah dilaksanakan melalui proses temu duga berstruktur serta simulasi yang komprehensif. Pegawai yang terpilih datang daripada pelbagai latar belakang, termasuk daripada bahagian di KPM, JPN dan PPD.

Kumpulan pegawai ini telah menjalani latihan intensif selama tujuh (7) bulan, bermula dari suku kedua hingga suku ketiga tahun 2023. Latihan tersebut dikendalikan oleh PADU dan melibatkan pelbagai kursus serta perkongsian amalan terbaik yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap profesional. Antara bidang yang ditekankan adalah pengurusan penyampaian inisiatif, pengurusan perubahan, dan pengurusan pemegang taruh.

Selain itu, pegawai DMU diberi peluang untuk menerajui fungsi pemudah cara penyampaian PPPM 2013-2025 selama tiga (3) bulan, di mana mereka dipantau secara rapi oleh PADU pada suku keempat tahun 2023. Proses ini bertujuan untuk memastikan kelancaran peralihan tugas sebelum tanggungjawab sepenuhnya diambil alih oleh pegawai DMU, bermula pada awal tahun 2024.

Cabaran yang mendatang termasuk keperluan untuk mengadaptasi sistem pendidikan kepada perkembangan teknologi dan era digital, serta memastikan bahawa kesemua inisiatif yang masih berbaki dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan, sambil mengekalkan kualiti dan impak yang diharapkan.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Melalui pengiraan pencapaian (Stocktake) yang dilaksanakan pada tahun 2023, hampir semua output, keberhasilan, dan pemboleh daya yang disasarkan dalam PPPM 2013-2025 telah mencapai tahap sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keberhasilan dan pemboleh daya yang masih berada dalam peringkat pelaksanaan. Antara aspek yang dikenal pasti masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan termasuk pemerksaan pemimpin sistem pendidikan, peluasan peluang ke laluan TVET, serta penyemarakan pendidikan berasaskan teknologi dan digital.

Semua elemen ini telah diambil kira dan dimasukkan dalam perancangan awal inisiatif, dengan tujuan untuk memastikan jalinan dan jaringan kerjasama strategik dapat dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan. Selaras dengan perubahan global yang pesat, KPM sentiasa peka terhadap perubahan trend mega dalam dunia pendidikan. Komitmen terhadap perjuangan PPPM 2013-2025 akan terus diutamakan sehingga penghujung 2025, dalam usaha memenuhi harapan rakyat dan merealisasikan transformasi pendidikan negara yang menyeluruh.

# GLOSARI





# GLOSARI

<b>3M</b>	Membaca, menulis & mengira
<b>3PK</b>	Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas
<b>4P</b>	Pengesanan, Penyelarasan, Pementoran, Pemantauan
<b>AI</b>	Kecerdasan Buatan <i>Artificial Intelligence</i>
<b>AIU</b>	Albukhary International University
<b>AKP</b>	Anggota Kumpulan Pelaksana
<b>AMPF</b>	Persatuan Pengajar Bahasa Perancis Malaysia <i>French Teachers' Malaysian Association</i>
<b>ASP</b>	Akademi Sains Pendang @ Sekolah Menengah Sains Pendang
<b>ATC</b>	Authorized Training Center
<b>BDAT</b>	Bisnes, Data, Aplikasi & Teknologi
<b>BBBM</b>	Bahan Bantu Mengajar Murid
<b>BBM</b>	Bijak Bahasa Melayu
<b>BI</b>	Bahasa Inggeris
<b>BLB</b>	Bandar Luar Bandar
<b>BM</b>	Bahasa Melayu
<b>BP</b>	Bantuan Persekolahan
<b>BPLTV</b>	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
<b>BPK</b>	Bahagian Pembangunan Kurikulum
<b>BSN</b>	Bank Simpanan Nasional
<b>CEFR</b>	Common European Framework of Reference for Languages
<b>CIDEF</b>	Centre International d'Etudes Française
<b>COQA</b>	Certified Officer in Quality Assurance
<b>CPD</b>	Pembangunan Profesionalisme Berterusan <i>Continuous Professional Development</i>
<b>CTCP</b>	Certified Technician Certification Program
<b>DELF</b>	Diplôme d'étude Langue Française
<b>DELIMa</b>	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
<b>DKKL</b>	Dasar Kawalan Kualiti Latihan
<b>DLO</b>	Digital Learning Object
<b>DLP</b>	Program Dwi-Bahasa <i>Dual Language Programme</i>
<b>DMU</b>	Unit Pengurusan Penyampaian PPPM <i>Delivery Management Unit</i>
<b>DPAKK</b>	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak
<b>DPN</b>	Dialog Prestasi Nasional
<b>DSKP</b>	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
<b>DTP</b>	Program Transformasi Daerah <i>District Transformation Program</i>
<b>EA</b>	Enterprise Architecture
<b>ELTC</b>	English Language Teaching Centre
<b>EMA</b>	Enrolmen Menengah Atas
<b>EMIS</b>	Education Management Information System

<b>E-OP</b>	Orientasi Persekitaran
<b>eSPKWS</b>	Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah
<b>EV</b>	Electric Vehicle
<b>FUFT</b>	Follow-up, Follow Through
<b>FGD</b>	Perbincangan Kumpulan Fokus / <i>Focus Group Discussion</i>
<b>GB</b>	Guru Besar
<b>GBK</b>	Guru Bimbingan dan Kaunseling
<b>GBLS</b>	Guru Bimbingan Lantikan Sekolah
<b>GC</b>	Guru Cemerlang
<b>GKMP</b>	Guru Kanan Mata Pelajaran
<b>GPMP</b>	Gred Purata Mata Pelajaran
<b>GST</b>	Global Science Teacher
<b>GTP</b>	Program Transformasi Kerajaan <i>Government Transformation Programme</i>
<b>HEM</b>	Hal Ehwal Murid
<b>HIP</b>	Program Imersif Tinggi / <i>Highly Immersive Programme</i>
<b>IAB</b>	Institut Aminuddin Baki
<b>iBe@m</b>	Dashboard Penandaarasan Penyelidikan Antarabangsa
<b>IBL</b>	Inquiry-based learning
<b>ICT</b>	Teknologi Maklumat dan Komunikasi / <i>Information &amp; Communications Technology</i>
<b>IDP</b>	Pelan Pembangunan Individu <i>Individual Development Plan</i>
<b>ILKA</b>	Institut Latihan Kemahiran Awam
<b>ILKS</b>	Institut Latihan Kemahiran Swasta
<b>iKPSI</b>	Inventori Kesejahteraan Psikologi
<b>IKP</b>	Inventori Kecerdasan Pelbagai
<b>IoT</b>	Internet of Things
<b>IPG</b>	Institut Pendidikan Guru
<b>IPGM</b>	Institut Pendidikan Guru Malaysia
<b>IPS</b>	Institusi Pendidikan Swasta
<b>IPT</b>	Institut Pengajian Tinggi
<b>IPTA</b>	Institut Pengajian Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	Institut Pengajian Tinggi Swasta
<b>IQ</b>	kecerdasan otak <i>Intelligence Quotient</i>
<b>ISM</b>	Indeks STEM Murid
<b>ISPPK</b>	Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT
<b>i-Tc</b>	Interactive Training Cart
<b>JAKOA</b>	Jabatan Kemajuan Orang Asli
<b>JAS</b>	Jabatan Alam Sekitar
<b>JERI</b>	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JTK</b>	Juruteknik Komputer
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<b>JPP</b>	Jawatankuasa Perancangan Pendidikan
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri
<b>JPNIN</b>	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
<b>JPS</b>	Jemaah Pengurusan Sekolah
<b>JU</b>	Jurulatih Utama
<b>JUK</b>	Jurulatih Utama Kebangsaan

<b>JUGD</b>	Jurulatih Utama Guru Data
<b>KBT</b>	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
<b>K2P</b>	Kem Perkasa PLaN
<b>KBAT</b>	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
<b>KEMAS</b>	Jabatan Kemajuan Masyarakat
<b>KhidMas</b>	Khidmat Masyarakat
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KP</b>	Ketua Panitia
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KPO</b>	khidmat pembangunan organisasi
<b>KPPM</b>	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
<b>KPT</b>	Kementerian Pendidikan Tinggi
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
<b>KSBM</b>	Kerangka Standard Bahasa Melayu
<b>KSKV</b>	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
<b>KSSM</b>	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
<b>KTE</b>	Kolej Tingkatan Enam
<b>KV</b>	Kolej Vokasional
<b>KVT</b>	Korean Volunteers Teacher
<b>LIPs</b>	Literasi Pemikiran Pasak Sembilan
<b>LKM</b>	Lembaga Kaunselor Malaysia
<b>LMS</b>	Layak Mendapat Sijil
<b>LPS</b>	Lembaga Pengurusan Sekolah
<b>LPPP</b>	Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah
<b>LSI</b>	Latihan Sangkutan Industri
<b>MARA</b>	Majlis Amanah Rakyat
<b>MBM</b>	Memartabatkan Bahasa Melayu
<b>MBOT</b>	Lembaga Teknologis Malaysia Malaysia Board of Technologist
<b>MBPK</b>	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
<b>MDEC</b>	Malaysia Digital Economy Corporation
<b>MEITD</b>	Ministry of Education, Innovation and Talent, Sarawak
<b>MIT</b>	Massachusetts Institute of Technology
<b>MKBM</b>	Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu
<b>MMU</b>	Universiti Multimedia
<b>MoLIB</b>	Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza
<b>MNC</b>	Multinational Corporation
<b>MoU</b>	Memorandum Persefahaman
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan Malaysia / <i>Ministry of Finance</i>
<b>MPV</b>	Mata Pelajaran Vokasional
<b>MQA</b>	Agensi Kelayakan Malaysia
<b>NGO</b>	Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan <i>Non-Governmental Organisation</i>
<b>NOSS</b>	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
<b>NP</b>	Nihongo Partners
<b>OECD</b>	Organisation for Economic Co-operation and Development
<b>OJT</b>	On The-Job-Training
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya
<b>PADU</b>	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
<b>PAJSK</b>	Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum

<b>PAKMK</b>	Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu Komunikatif
<b>PASCH</b>	Partner for the Future
<b>PBD</b>	Pentaksiran Bilik Darjah
<b>PBL</b>	Pembelajaran Berasaskan Projek <i>Project-Based Learning</i>
<b>PBMP</b>	Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PdP</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>PENERAJU</b>	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
<b>PHTPBM</b>	Pelan Hala Tuju Pementabatan Bahasa Melayu
<b>PG</b>	Pembantu Guru
<b>PGB</b>	Pengetua dan Guru Besar
<b>PIBG</b>	Persatuan Ibu Bapa & Guru
<b>PIBKS</b>	Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta
<b>PIMA</b>	Perantisan Industri Menengah Atas
<b>PlnTaS</b>	Pelan Intervensi Transformasi Sekolah
<b>PISA</b>	Programme for International Student Assessment
<b>PK</b>	Penarafan Kendiri
<b>PKD</b>	Pejabat Kesihatan Daerah
<b>PKK</b>	Pemberi Khidmat Konsultasi
<b>PKL</b>	Pentaksiran Kompetensi dan Literasi
<b>PKSK</b>	Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus
<b>PLaN</b>	Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah
<b>PLC</b>	Komuniti Pembelajaran Profesional <i>Professional Learning Community</i>
<b>PPB</b>	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
<b>PPD</b>	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PPI</b>	Program Pendidikan Inklusif
<b>PPKBIS</b>	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
<b>PPKI</b>	Program Pendidikan Khas Integrasi
<b>PPM</b>	Pembantu Pengurusan Murid
<b>PPP</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
<b>PPPC</b>	Program Pendidikan Pintar Cerdas
<b>PPPM</b>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>PPSDM</b>	Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid
<b>PRISMA</b>	Program Intervensi Minda Sejahtera Murid
<b>Pro-ELT</b>	Professional Upskilling of English Language Teachers
<b>PROSPER</b>	Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
<b>PROSPIM</b>	Program Pengesanan Perkembangan & Intervensi Murid Prasekolah
<b>PT</b>	Pedagogi Terbeza
<b>PTK</b>	Program Transisi ke Kerjaya
<b>PTPK</b>	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
<b>PTJ</b>	Pusat Tanggungjawab
<b>PVMA</b>	Program Vokasional Menengah Atas
<b>RI</b>	Remedial Instruction
<b>RMKe-12</b>	Rancangan Malaysia Kedua Belas
<b>RP</b>	Rolling Plan
<b>RPH</b>	Rancangan Pengajaran Harian
<b>RBT</b>	Reka Bentuk & Teknologi
<b>RPI</b>	Rancangan Pendidikan Individu



<b>SABK</b>	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
<b>SAN</b>	Sekolah Agama Negeri
<b>SAR</b>	Sekolah Agama Rakyat
<b>SBDT</b>	Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi
<b>SBP</b>	Sekolah Berasrama Penuh
<b>SBPI</b>	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
<b>SDG</b>	Sustainable Development Goals
<b>SEB</b>	Sarawak Energy Berhad
<b>SES</b>	Status Sosioekonomi
<b>SGM2.0</b>	Dokumen Standard Guru Malaysia 2.0
<b>SIP+</b>	School Improvement Partner Plus
<b>SiPKPM</b>	Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>SISC+</b>	School Improvement Specialist Coaches Plus
<b>SISTEMIC</b>	Singapore International STEM Innovation Challenge
<b>SJKC</b>	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
<b>SJKT</b>	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
<b>SK</b>	Sekolah Kebangsaan
<b>SKM</b>	Sijil Kemahiran Malaysia
<b>SKPK</b>	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
<b>SLDN</b>	Sistem Latihan Dual Nasional
<b>SLU</b>	Sesi Libat Urus
<b>SLA</b>	Service Level Agreement
<b>SM</b>	Sekolah Menengah
<b>SME</b>	Kepakaran Bidang Khusus Pendidikan <i>Subject Matter Expert</i>
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan
<b>SMKA</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
<b>SMKPK</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas
<b>SMPK</b>	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
<b>SMPKV</b>	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
<b>SMS</b>	Sekolah Menengah Sains
<b>SMT</b>	Sekolah Menengah Teknik
<b>SOW</b>	Scheme of Work
<b>SP IPG</b>	Standard Penarafan Institut Pendidikan Guru
<b>SPI</b>	Surat Pekeliling Ikhtisas
<b>SPK</b>	Sekolah Pendidikan Khas
<b>SPLKPM</b>	Sistem Pembangunan Latihan KPM
<b>SPKG TVET</b>	Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET
<b>SPLKPM</b>	Sistem Pengurusan Latihan KPM
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SR</b>	Sekolah Rendah
<b>SSDM</b>	Sistem Sahsiah Diri Murid
<b>SSTP</b>	Sektor Sumber Teknologi Pendidikan
<b>STEM</b>	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
<b>STEMEC</b>	STEM Executive Consultation
<b>SVM</b>	Sijil Vokasional Malaysia
<b>TIMSS</b>	Trend In Mathematic and Science Study
<b>TMUA</b>	Tahfiz Model Ulul Albab
<b>ToT</b>	Training of Trainers
<b>TP</b>	Tahap Penguasaan

<b>TVET</b>	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
<b>UKPC</b>	Ujian Kelayakan Pintar Cerdas
<b>ULBM</b>	Ujian Lisan Bahasa Melayu
<b>UNICEF</b>	United Nation Children's Funds
<b>UPBA</b>	Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa
<b>UPBMG</b>	Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>UTeM</b>	Universiti Teknologi Melaka
<b>UUM</b>	Universiti Utara Malaysia
<b>WP</b>	Wilayah Persekutuan
<b>WSL</b>	Pegawai Alur Kerja <i>Work Stream Leader</i>
<b>WSMB</b>	World Skills Malaysia Belia
<b>YSE</b>	Young STEMist Expo





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BLOK E8, PARCEL E, PRESINT 1  
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)